


Jilid III
Bil. 30



Hari Jumaat
20hb Oktober, 1989

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT

House of Representatives

PARLIMEN KETUJUH

Seventh Parliament

PENGGAL KETIGA

Third Session

KANDUNGANNYA

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 5753]**

**USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN
MESYUARAT 18:**

**Kematian Encik Anthonysamy a/l Dewarsiu—Tahanan Polis, Y.B. Dr Chen Man
Hln (Seremban) [Ruangan 5807]**

**RANG UNDANG-UNDANG DI BAWA KE DALAM MESYUARAT
[Ruangan 5811]**

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Bahasa Kebangsaan (Pindaan) [Ruangan 5811]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KETUJUH

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KETIGA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' SERI DR LING LIONG SIK, S.P.M.P., D.P.M.P. (Labis).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' SERI S. SAMY VELLU, S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' SERI DR LIM KENG YAIK, S.P.M.P., D.P.C.M. (Beras).

„ Menteri Pertahanan, Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Kerjaraya, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' SERI RAFIDAH Aziz, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman, DATO' DR HAJI SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

„ Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).

„ Menteri Pendidikan, TUAN ANWAR BIN IBRAHIM (Permatang Pauh).

„ Menteri Luar Negeri, DATO' HAJI ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S., S.M.T., P.J.S. (Kuala Selangor).

„ Menteri Kewangan, DATO' PADUKA DAIM ZAINUDDIN, D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok).

„ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN LEE K I M SAI, P.P.N. (Hulu Langat).

- Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P. (Pekan).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATUK KASITAH BIN GADDAM, P.G.D.K. (Kinabalu).
- „ Menteri Kesihatan, TUAN NG CHENG KIAT (Klang).
- „ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.I.M.P., S.S.I.J., P.N.B.S., D.P.M.S., K.M.N. (Pulau).
- „ Menteri Kebudayaan dan Pelancongan, DATO' HAJI SABBARUDDIN CHIK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.S. (Temerluh).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATO NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Setiu).
- „ Menteri Kebajikan Masyarakat, DATO' MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, D.P.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Menteri Buruh, DATO' LIM AH LEK, D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentung).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, DATO HAJI MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, D.I.M.P., J.M.N., A.M.N., A.M.P. (Rompin).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN D. P. VIJANDRAN (Kapar).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok'Kemang).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., J.M.N. (Paloh).
- " Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA, S.M.J. (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan dan Pelancongan, DATO' NG CHENG KUAI, D.P.M.P., A.M.P. (Lumut).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR Sm ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' KOK WEE KIAT, A.M.N. (Selandar).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, TUAN WOON SEE CHIN, S.M.J., A.M.N., P.I.S. (Senai).
- „ Timbalan Menteri Buruh, TUAN KALAKAU UNTOL (Tuaran).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' LOKE YUEN YOW, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN Osu BIN HAJI SUKAM (Papar).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN HAJI JAFFREY (Silam).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., p.B.s. (Sarikei).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' ALIAS BIN MD. ALI, D.P.M.T., S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO' ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN, S.M.J. (Ledang).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DRS SULEIMAN BIN MOHAMED (Titiwangsa).
- „ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DR TING CHEW PEH (Gopeng).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD, D.I.M.P. (Tumpat).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN PETER CHIN FAH KUI (Lambir).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan, TUAN ABDUL RAMAN BBN SULIMAN, P.M.P., A.M.P. (Parit Buntar)
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL, A.M.P., P.P.T. (Pendang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHAMED BIN JAMRAH, A.M.P., P.P.T., J.P. (Bagan Datok).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN ADAM BIN ABDUL KADIR (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN CHUA JUI MENG, P.I.S. (Bakri).
- „ TUAN ABDOL MULOK BIN AWANG DAMIT (Labuan).
- „ DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- „ DR ABDUL HADI BIN DERANI, K.M.N., A.M.K. (Kota Setar).
- „ DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim Bandar Baharu).
- „ TUAN HAJI ABDUL MANAF BIN HAJI AHMAD, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAHMAN BIN BAKAR (Marang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI ABU SAMAH, D.S.M., A.M.N., P.J.K. (Lembah Pantai).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATO' ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., A.D.K. (Kok Lanas).
- „ DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD, S.M.K. (Pengkalan Chepa).
- „ DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- „ TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).
- „ TUAN HAJI BASRI BIN BAJURI, K.M.N., S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).

Yang Berhormat DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).

- „ TUAN HAJI BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHEW KAM HOY, A.M.K., J.P. (Padang Serai).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SAMSON CHIN CHEE TSU (Tawau).
- „ DR V. DAVID (Puchong).
- „ TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- „ DR ENG SENG CHAI (Petaling Jaya).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN GERARD MATH LEE MIN, A.S.D.K. (Gaya).
- „ TUAN HAJI GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).
- „ DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ TUAN Gooi HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ - TUAN HASHIM BIN SAFIN *alias* SHAFAIN, A.M.N. (Tanah Merah).
- „ TUAN HSING YIN SHEAN (Tanjong Aru).
- „ TUAN HAJI HUSSEIN BIN HAJI TAIB, P.P.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN Hu SEPANG (Rasah).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ DATO' ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, D.P.M.T., S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- „ TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGGGA, P.B.S. (Kapit).
- „ TUAN JUSTINE ANAK TEMENGGONG JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ DATUK KADOH AGUNDONG, P.G.D.K. (Padas).
- „ DATO' HAJI KAMARUZAMAN BIN HAJI AHMAD, D.P.M.S., J.M.N., A.M.N., J.P. (Tanjung Karang).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelatong).
- „ TUAN LAINUS ANAK ANDREW LUWAK (Serian).
- „ TUAN LAU DAK KEE (Pasir Pinji).
- „ TUAN LAW LAI HENG *alias* GOH LAI HENG, P.I.S., B.S.I., K.M.N., A.M.N. (Pontian).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Bukit Bintang).
- „ DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).

- Yang Berhormat TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- „ PUAN LING CHOOI SIENG (Kluang).
- „ TUAN MADATANG BIN MOREJAL (Bandau).
- „ TUAN MAIDOM P. PANSAI (Kota Belud).
- „ TUAN MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, P.J.K. (Maran).
- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ISA, A.M.N., p.s. (Kuala Kerai).
- „ TUAN HAJI MOHAMED SAM BIN HAJI SAILAN, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Muar).
- „ TUAN MOHAMED TAWFIK BIN TUN DR ISMAIL (Sungai Benut).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN YAAKOB (Rantau Panjang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD SUBKY BIN HAJI ABDUL RAOF, A.M.N., P.J.M. (Balik Pulau).
- „ TUAN HAJI MOHAMMED YUSOFF BIN HAJI ABDUL LATIFF, J.P. (Tasek Gelugor).
- „ DATUK SERI HAJI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- „ TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- „ TUAN HAJI MOHD. SHARIF BIN JAJANG, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN (Larut).
- „ DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Kota Tinggi).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L., K.ST.J. (Limbawang).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ TUAN NASRUDDIN BIN HAJI ALANG SAIDIN, A.M.P. (Parit).
- „ TUAN NGOI THIAM WOH (Kampar).
- „ DR NICHOLAS MUNONG ANAK IBAU (Rajang).
- „ TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).

Yang Berhormat TUAN JOE OJIHI SUPIRING (Marudu).

- „ Tuan Ong Tee Keat (Ampang Jaya).
- „ DATO' Oo GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- „ TUAN M. G. PANDITHAN, K.M.N. (Tapah).
- „ DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- „ TUAN P. PATTO (Ipoh).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bayan Baru).
- „ DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., P.C., K.M.N., A.M.N. (Saratok).
- „ TUAN PITTING BIN HAJI MOHD. ALI (Kinabatangan).
- „ DATO' RADZI BIN SHEIKH AHMAD, D.P.M.P. (Kangar).
- „ DATIN PADUKA HAJJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, D.P.M.S., J.S.M., S.M.S., A.M.P., P.J.K. (Shah Alam).
- „ DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).
- „ Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Tasik Chenderoh).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Semporna).
- „ TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- „ DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ PUAN HAJJAH SHARIFFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Parit Sulong).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ TUAN S. S. SUBRAMANIAM, P.J.K., A.M.s. (Hulu Selangor).
- „ TUAN TAIMAN BIN LUMAING (Pensiangan).
- „ DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI, P.N.B.S., J.M.N. (Batang Lupar).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN TEOH TEIK HUAT (Bagan).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN TIEU SUNG SENG *alias* TIU SIING SENG (Sibu).
- „ TUAN TING CHEK MING (Batu Gajah).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).

Yang Berhormat TUAN HAJI WAN OMAR BIN WAN MAJID, S.M.K., P.P.N. (Pasir Puteh).

- „ TUAN WANG CHOON WING, A.M.N. (Lipis).
- „ DATUK HAJI YAHAYA BIN MOHD. SHAFIE, P.S.D., P.M.P., A.M.P., A.M.N., J.P. (Tambun).
- „ PUAN SITI ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- „ DATO' ZAINAL ABIDIN BIN JOHARI, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N., B.K.M., P.J.K., J.P. (Sik).
- „ DATO' ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ TUAN ZUBIR BIN EMBONG (Kuala Terengganu).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Dato' Haji Wan Zahir bin Sheikh Abdul Rahman,
D.P.M.P., J.S.M.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Hj. Yahya bin Manap

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

Su Soon Chuan.

Norwahidah binti Azizi.

Rozita binti Abdul Samad.

Jainah binti Sakimin.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Jumaat, 20hb Oktober, 1989

Mesyuarat dimulakan pada pukul 3.00 petang.

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

**JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN**

JALAN TAR DI LUAR BANDAR

1. Tuan Haji Mohamed bin Haji Yaacob minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan sudahkah Kementerian ini buat kajian jalan-jalan di luar bandar di negeri Kelantan untuk ditarkan sempena dengan peruntukan yang diumumkan oleh Timbalan Perdana Menteri baru-baru ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Tuan Mohamed bin Jamrah): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian ini sentiasa mengkaji kedudukan dan keperluan jalan-jalan bagi tujuan ditarkan bagi seluruh negara termasuk di negen Kelantan. Pelaksanaan bagi projek-projek dibuat secara berperingkat-peringkat berdasarkan keupayaan agensi pelaksana dan kedudukan kewangan yang disediakan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Ting Chek Ming.

(Soalan No. 2 Y.B. Tuan Ting Chek Ming tidak hadir).

**PENGGALAKAN EKSPORT
BUAH-BUAHAN**

3. Tuan Ahmad bin Omar minta Menteri Pengangkutan menyatakan apakah usaha Kementerian dalam membantu menggalakkan pengeksporan hasil buah-buah eksotika Malaysia ke pasaran luar negeri seperti ke EEC, Jepun dan Hong Kong, terutama dari segi membantu mengurangkan kos pengangkutan dan meningkatkan jumlah ruang kargo. Apakah dasar Kementerian yang telah dan akan digunakan dalam hal ini.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail): Tuan Yang di-Pertua, bagi tujuan membantu menggalakkan eksport hasil buah-buahan Malaysia seperti betik eksotika ke negara-negara luar, Kementerian Pengangkutan telah menetapkan satu kadar tambang khas bagi kargo buah-buahan segar iaitu yang dipanggil, dengan izin, Specific Comodity Rate (SCR). Memandangkan kadar ini merupakan kadar berdiskaun, ia sememangnya mengurangkan kos pengangkutan berbanding dengan kadar biasa yang digunakan. Berikutan dengan meningkatnya permintaan dan eksport buah-buahan segar terpilih ke luar negeri melalui pengangkutan udara, di samping terdapatnya perkhidmatan pesawat MAS yang terhad telah menyebabkan berlakunya kekurangan kapasiti ruang kargo untuk tujuan tersebut.

Bagaimanapun bagi mengatasi masalah ini Kementerian Pengangkutan serta Sistem Penerbangan

Malaysia sedang dan telah pun mengambil tindakan untuk meningkatkan kapasiti ruang kargo melalui pembelian ataupun penyewaan beberapa pesawat baru yang lebih besar. Adalah dijangkakan dengan adanya perkhidmatan oleh pesawat-pesawat yang dibeli ini masalah kekurangan kapasiti ruang kargo untuk mengeksport hasil buah-buahan seperti betik eksotika dengan kadar SCR dapat diatasi.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar:

Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik hati dengan tambang khas yang dikenali sebagai Specific Comodity Rate (SCR). Saya mendapat tahu bahawa kos pengangkutan kargo yang ada jika dibandingkan dengan kos pengangkutan kargo di negara-negara sekeliling kita adalah jauh lebih murah daripada kos pengangkutan negara sendiri. Apakah ini benar, dan jika kiranya kos pengangkutan di negara ini lebih tinggi daripada di negara sekitar (sekeliling) kita, apakah langkah-langkah pihak Kementerian bagi mengatasinya.

Soalan kedua, juga diketahui bahawa ruang kargo yang menggunakan pesawat baru sebagai mana yang dinyatakan tadi kebanyakan diambil pesawat daripada negara luar, walaupun ada di dalam negeri, apakah ini benar? Dan jika benar, apakah langkah-langkah pihak Kementerian bagi mengatasi masalah ini. Terima kasih.

Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail:

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak tahu Yang Berhormat itu dapat maklumat daripada mana, tetapi ianya tidak benar kerana kos yang dikatakan SCR tadi ialah kos yang special, ataupun yang khas—iaitu untuk buah-buahan ke destinasi Eropah, di antara \$3.00-\$3.50 sekilogram manakala kos yang membawa buah-buahan ke Hong Kong dan Negara Jepun adalah 80 sen-\$2.00 sahaja sekilogram. Pada hal

kadar biasa (general cargo) ialah ke Eropah \$13.59-520.05 dan ke Hong Kong dan Jepun \$4.25-\$11.22, dan mengenai ruang kargo sebenarnya, ruang kargo yang sedia ada mencukupi misalnya ruang kargo untuk ke Hong Kong yang sedia ada ialah 51 tan; ke Tokyo—95 tan; ke Eropah—150 tan; ke L.A.—42 tan; jumlah 338 tan pada bulan Ogos 1989, dan kita menjangka mungkin ada peningkatan eksport buah-buahan ini dan kita telah bersedia dengan kedudukan ruang kargo yang ada pada Disember 1989 iaitu untuk ke Hong Kong—101 tan; Tokyo—157 tan; Eropah—232 tan; L.A.—112 tan. Manakala ruang kargo buah-buahan yang digunakan hari ini ialah ke Hong Kong—42 tan; Tokyo—tidak ada, Eropah—15 tan; L.A.—tidak ada; dan dianggarkan peningkatannya pada Disember 1989 hanya kepada 54 tan ke Hong Kong dan 46 tan ke Eropah.

Tuan Ahmad bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri adakah kuota-kuota tertentu ditetapkan kepada sesuatu syarikat pengeksport dan seperti yang telah dinyatakan tadi dapatkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan di antara jenis buah-buahan terpilih yang telah pun dikategorikan sebagai buah-buahan terpilih untuk diberikan SCR dan nyatakan kedudukan jumlah eksport masing-masing, jika boleh.

Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, tidak ada kuota tertentu ditetapkan bagi mana-mana syarikat, kerana ia bergantung kepada keperluan syarikat-syarikat tersebut dan saya telah nyatakan ruang yang sedia ada dan ruang yang digunakan oleh keseluruhan syarikat-syarikat yang mengeksport.

Di samping itu buah-buahan yang dikatakan terpilih ialah betik Malaysia eksotika, belimbing besi (star fruit) dan pisang emas.

**KAMPUNG-KAMPUNG BARU—
PEMBANGUNAN**

4. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (a) bilangan kampung-kampung baru dan jumlah penduduk yang tepat;
- (b) sejak perlantikan beliau sebagai Menteri berapa banyak kampung baru telah dilawati dan apakah yang dicapai dari lawatan-lawatannya;
- (c) berapakah jumlah amaun peruntukan yang disediakan untuk kampung-kampung baru di bawah Rancangan-rancangan Malaysia Ketiga, Keempat dan Kelima dengan memberi pecahan angka bagi setiap rancangan dan amaun sebenar yang dibelanjakan;
- (d) adakah beliau sedar bahawa kebanyakan, jika tidak semua, kampung-kampung baru di seluruh negara kekurangan kemudahan asas yang sempurna seperti jalan-jalan/parit yang baik, kurang perhatian diberi kepada kebersihan, kekurangan program sosio-ekonomi seperti perumahan dan masalah hak milik tanah, jika sedar, apakah tindakan yang telah diambil oleh Kementeriananya dalam menyelesaikan setiap masalah ini; dan
- (e) berapakah peruntukan yang dicadangkan kepada Perbendaharaan untuk pembangunan kampung baru seluruh negara tahun depan.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Tuan Lee Kim Sai): Tuan Yang di-Pertua, jumlah bilangan kampung-kampung baru terdapat di

Semenanjung Malaysia adalah 452 buah dan jumlah penduduk bagi kampung-kampung baru ini, menurut rekod kajian terakhir yang dijalankan pada tahun 1985, adalah lebih kurang 1.7 juta orang.

Bagi soalan kedua, suka saya maklumkan bahawa sejak perlantikan saya sebagai Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan pada pertengahan bulan Jun tahun ini, saya telah melawati sebanyak 39 buah kampung baru di 9 buah negeri di Semenanjung Malaysia. Hasil daripada lawatan ini khususnya setelah berdialog dengan para pemimpin masyarakat kampung-kampung baru dan pihak berkuasa tempatan, sukacita saya maklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa saya lebih memahami dan menghargai akan masalah-masalah fizikal dan sosio-ekonomi setempat yang mendasak yang dihadapi oleh para penduduk kampung-kampung baru. Masalah-masalah tersebut sentiasa diberi pertimbangan yang sewajarnya untuk penyelesaian mengikut keutamaan dan keupayaan Kerajaan.

Mengenai soalan ketiga pula, jumlah amaun peruntukan yang disediakan untuk pembangunan kampung-kampung baru di bawah Rancangan-rancangan Malaysia adalah seperti berikut:

<i>Rancangan Malaysia</i>	<i>Tahun</i>	<i>Peruntukan</i>
Ketiga..	1976-1980	\$20.07 juta
Keempat	1981-1985	\$25 juta
Kelima	1986-1990	\$8juta (sehingga 1989)

Saya suka memaklumkan bahawa semua peruntukan tersebut telah pun dibelanjakan. Suka juga saya menerangkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa peruntukan pembangunan yang diperuntukkan ini oleh Kerajaan Pusat adalah untuk menyokong usaha-usaha untuk memajukan kampung-kampung baru

yang dijalankan oleh Kementerian-kementerian serta agensi-agensi pelaksanaan Kerajaan yang lain seperti Kementerian Kesihatan, Kementerian Pendidikan, Jabatan-jabatan lain seperti Lembaga Letrik Negara, Jabatan Bekalan Air, Jabatan Parit dan Taliair, Kerajaan-kerajaan Negeri, Penguasa-penguasa Tempatan dan juga Unit Penyelarasan dan Pelaksanaan di Jabatan Perdana Menteri yang telah diperuntukkan sebanyak \$4 juta bagi tahun 1988 hingga 1990 bagi tujuan yang sama.

Bagi soalan yang keempat, adalah menjadi hasrat dan dasar Kerajaan untuk terus menumpukan perhatian bagi memperbaiki keadaan di semua kawasan kampung-kampung baru mengikut keperluan semasa dan setempat serta mengikut kemampuan kewangan Kerajaan. Mengikut kajian yang dijalankan oleh Kerajaan pada penghujung tahun 1985 sebanyak 67.8% daripada jalan di semua kampung baru adalah jalan tar dan 63% daripada semua parit adalah jenis simen ataupun konkrit. Di samping itu, 90.2% dan 90.1% daripada penduduk kampung baru mempunyai bekalan air paip dan bekalan elektrik masing-masing dan 86.4% pula mempunyai kemudahan balai raya atau dewan orang ramai. Langkah-langkah sedang diambil untuk meninggikan lagi tahap kemajuan ini.

Mengenai masalah tanah pula, usaha-usaha sedang dijalankan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri bagi mengeluarkan hak milik pajakan kepada penduduk yang layak untuk tempoh lebih panjang iaitu sekurang-kurangnya 60 tahun.

Menyentuh masalah perumahan di kawasan kampung-kampung baru, sukacita dinyatakan bahawa setengah-setengah negeri seperti Selangor, Negeri Sembilan dan Melaka, perumahan telah dibina berhampiran

dengan kampung baru bagi mengurangkan kesesakan keluarga dan penduduk. Langkah ini akan diperluaskan untuk meliputi negeri-negeri yang lain.

Bagi menjawab soalan yang terakhir pula, sukalah saya menyatakan bahawa Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah mencadangkan satu senarai projek-projek yang perlu dilaksanakan pada tahun 1990 yang bernilai \$10 juta. Walau bagaimanapun, permintaan dari Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan ini masih dalam pertimbangan Perbendaharaan.

Tuan Chian Heng Kai: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan baru-baru ini Yang Berhormat Menteri berkata di sebuah kampung baru di Kedah bahawa peruntukan bagi memperbaiki jalan-jalan dan parit-parit di kampung-kampung baru selama 37 tahun di hijack dengan izin, oleh Kementerian lain. Saya minta Yang Berhormat Menteri memberitahu Dewan yang mulia ini mana satu Kementerian yang "hijack" wang itu dan berapakah wang yang telah di "hijack"?

Tuan Lee Kim Sai: Tuan Yang di-Pertua, memandangkan keadaan yang memang sangat buruk di setengah-setengah kampung baru yang pernah saya lawati adalah didapati kalau mengikut kebiasaan ataupun mengikut keadaan yang agak lebih sempurna di kampung-kampung baru itu di mana peruntukan telah disalurkan mengikut jadual atau kehendak, tetapi memandangkan keadaan yang lebih buruk di kampung-kampung itu memang didapati ada peruntukan-peruntukan yang sebenarnya disalurkan kepada tempat-tempat yang dimaksudkan itu tidak begitu tepat. Tetapi Kementerian saya sekarang sedang mengambil tindakan untuk mengenalpasti peruntukan-peruntukan yang diberi untuk memperbaiki

infrastruktur yang saya maksudkan itu tidak akan di hijack ataupun disalurkan kepada kawasan-kawasan atau maksud-maksud yang lain.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, memandangkan kepada hakikat bahawa kampung-kampung baru di negara . kita telah lama tertinggal dari arus utama, pembangunan negara. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri jenis sejauh mana Yang Berhormat sendiri berkuasa untuk memperolehi peruntukan yang adil dan bermakna untuk pembangunan kampung baru. Dan kini berapa yakin Yang Berhormat Menteri dapat memperjuangkan nasib bagi pihak penduduk-penduduk kampung baru memandangkan bahawa pada masa yang lalu tokoh-tokoh MCA yang juga ada memegang jawatan ini yang bertanggungjawab kepada kampung baru telah gagal melaksanakan tugas mereka.

Soalan yang kedua ialah saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri sama ada beliau sedar bahawa peruntukan untuk kampung baru yang sekarang datang dari berbagai punca seperti Kerajaan Negeri dan juga agensi-agensi petaksanaan Kerajaan sama ada beliau sedar bahawa sistem ini tidak memuaskan dan sama ada Yang Berhormat Menteri dapat memperjuangkan untuk mengubah sistem ini agar semua peruntukan untuk pembangunan kampung baru pada masa akan datang satu punca sahaja iaitu datang dari Kerajaan Persekutuan.

Tuan Lee Kim Sai: Tuan Yang di-Pertua, saya memang mengesah kenyataan yang dibuat oleh Wakil dari Bukit Bintang yang mengatakan bahawa pembangunan kampung baru itu terasing daripada pembangunan arus pertama. Sebagaimana yang saya katakan tadi, kalau kenyataan Yang

Berhormat itu benar, performance ataupun kemajuan yang telah dicapai seperti infrastruktur jalan, simen, bekalan elektrik dan bekalan air itu telah sampai tahap yang boleh dikatakan sangat memuaskan. Tetapi saya suka mengatakan sini, saya telah pun mengatakan masih terdapat banyak kawasan-kawasan yang perlu ditinggikan taraf infrastruktur ataupun kemudahan yang saya sebutkan tadi. Tetapi kalau dikatakan Menteri ada kuasa untuk menentukan berapa peruntukan harus diberi untuk kemajuan ataupun pembangunan kampung-kampung baru itu, saya sebagai Menteri yang bertanggungjawab, boleh mengenalpasti projek-projek yang harus dilaksanakan dan mencadangkan satu peruntukan yang berpatutan supaya ditimbangkan oleh Perbendaharaan, sebagaimana saya sebutkan tadi, untuk tahun 1990 iaitu tahun hadapan, \$10 juta pun sudah dicadangkan, tetapi cadangan itu masih dalam pertimbangan Perbendaharaan.

Menjawab soalan tambahan yang kedua, adakah supaya kita mengubah sistem bahawa peruntukan-peruntukan yang disalurkan melalui Persekutuan, melalui Kerajaan Negeri, melalui kuasa-kuasa tempatan itu harus diubah, saya rasa ini memang sistem Kerajaan yang kita amalkan hari ini. Peruntukan-peruntukan saluran tertentu ada setengah disalurkan daripada Federal, ada setengah disalurkan melalui Kerajaan Negeri dan melalui Kerajaan Tempatan kerana tiap-tiap agensi ataupun peringkat Kerajaan itu mempunyai fungsi dan tanggungjawab masing-masing. Jadi, saya rasa kalau Yang Berhormat bermaksud jumlah peruntukan yang disalurkan sejumlah semua melalui Federal, State dan Local Government ataupun agensi-agensi lain, Kementerian saya ataupun Kementerian Perumahan boleh mengumpul maklumat ini untuk maklumat Dewan ini pada masa akan datang.

**FERI MALAYSIA—
PERKHIDMATAN**

5. Tuan Douglas Uggah Embas minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) prestasi Feri Malaysia Sdn. Bhd. yang mengendali Cruise Muhibbah; dan
- (b) apakah langkah untuk meningkatkan prestasi itu.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman (Dato' Dr Haji Sulaiman bin Haji Daud); Tuan Yang di-Pertua, sehingga Ogos 1989, seramai 81,663 orang penumpang telah menggunakan perkhidmatan Feri Malaysia dan sebanyak 98,515.77 cubic meters kargo telah diangkutnya. Manakala dari segi prestasi kewangan pula, sehingga 31 Januari 1989, Feri Malaysia Sdn. Bhd. mengalami kerugian terkumpul berjumlah sebanyak \$7.8 juta.

Di antara langkah-langkah yang dijalankan bagi meningkatkan prestasi perkhidmatan Feri Malaysia adalah seperti berikut:

- (a) Berusaha menarik lebih ramai orang awam menggunakan perkhidmatan Feri Malaysia di samping mengangkut lebih banyak kargo, melalui langkah-langkah berikut:
 - (i) menjalankan kempen yang ditunjukkan kepada, dengan izin, "commuters" dengan menawarkan tambang yang lebih murah, iaitu potongan sebanyak 10% daripada kadar tambang biasa;
 - (ii) memberi potongan tambang kepada kumpulan-kumpulan tertentu seperti kumpulan kanak-kanak, pesara-pesara dan orang-orang cacat;

- (iii) mengadakan pelayaran khas untuk badan-badan dan kumpulan-kumpulan yang besar melalui memajak sewa ataupun, dengan izin, charter hire; dan

- (iv) menawarkan "package holidays".

- (b) Usaha juga diambil untuk mengemaskinikan senggaraan dan peraturan terhadap kapal Feri Malaysia bagi mengelak daripada berlakunya kerosakan-kerosakan yang tidak diingini.
- (c) Mengurangkan jumlah tenaga kerja yang optima di atas kapal supaya sejajar dengan bilangan penumpang yang dibawanya.
- (d) Mengurangkan kos pentadbiran seperti penutupan pejabat jualannya di Kuantan dan di Bangunan UMBC, di Kuala Lumpur.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terdapat dua pendapat umum yang saya kontra dalam memperkatakan kemerosotan prestasi Cruise Muhibbah yang tidak dinyatakan dalam jawapan tadi. Pertama, disebabkan oleh kapal yang dibeli itu telah terlalu tua dan uzur dan tiada berpadanan pula dengan harganya. Manakala faktor yang lain ialah kelemahan pengurusan itu sendiri, saya ingin tahu mana satu yang betul atau kedua-duanya betul. Bagi mana-mana jawapan mohon dinyatakan pula, langkah-langkah yang telah, sedang dan akan diambil bagi mengatasinya. Jawapan yang diberikan tadi tidak sentuh pendapat umum.

Dato' Dr Haji Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, sukar bagi saya mengetahui pendapat umum kecuali pendapat umum ini diumumkan dalam suratkhabar ataupun disampaikan kepada pihak

Kementerian. Feri Malaysia. Walau bagaimanapun, tentang umur kapal ini, usia kapal ketika dibeli ialah 16 tahun. Jangka usia ataupun "life span" kapal ialah 25 sehingga 30 tahun dan beratnya 7,932 tan.

Tentang sama ada kelemahan pengurusan atau tidak itu "is a matter of opinion", Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, kerana kita percaya pihak Feri Malaysia telah berusaha dengan begitu gigih untuk menentukan supaya Feri Malaysia ini berjalan dengan baik dan mendapat keuntungan. Yang menyebabkan kerugian begitu besar ialah tiga faktor yang utama. Pertama ialah bilangan penumpang yang menggunakan Feri Malaysia adalah jauh kurang daripada jangkaan, umpamanya bilangan penumpang dalam satu-satu perjalanan kurang daripada 350. Manakala angka yang kita rasa ekonomik yang dapat memberi keuntungan ialah sekurang-kurangnya 350.

Dan keduanya ialah kerapnya berlaku kerosakan Feri ini, kalau saya tidak salah ingat, ada empat kali kerosakan yang melibatkan perbelanjaan yang juga besar.

Dan ketiga ialah perbelanjaan untuk mengendalikannya besar juga.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, saya sendiri sebenarnya berminat pada mulanya hendak menggunakan feri ini dan pernah memakai feri ke Sarawak tiga kali. Jadi, minat itu terbantut disebabkan:

- (1) Kedengaran berita terbakar di tengah lautan.
- (2) Melanggar batu hingga terjejas perjalanan kepada lebih kurang 4, 5 hari, seminggu lebih dan sebagainya.
- (3) Kerosakan di tengah lautan.

Jadi, soalan saya ialah bukan saya sahaja disebabkan itu terjejas hasrat tetapi orang lain saya fikir memang

terjejas. Tidak guna lagi katanya, takut nanti mati, lebih baik naik kapal terbang, mati dalam kapal terbang sedap sedikit tidak terasa, dia cepat.

Soalannya ialah menyedari hakikat bahawa feri ini mengalami kerosakan dan prestasi yang tidak memuaskan yang melemahkan semangat orang untuk terus menggunakannya, adakah Kerajaan bercadang untuk dengan cara yang lebih teliti membeli yang lebih baik lagi yang baru, yang perancangan dari segi pembelian itu harga, pembuatan, pengurusan diperbaiki dengan secara yang terperinci supaya yang baru itu akan tidak menghadapi masalah sebagaimana yang dihadapi oleh yang kita beli, umur 16 tahun tua keladi misal kata, jadi pernah rosak, yang mengurus pun tidak betul, Captain pun tidak tahu di mana hendak pergi hingga melanggar batu. Jadi, tidakkah beli yang baru supaya confident rakyat itu lebih dan dapat digunakan seterusnya di masa-masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua: Boleh beli yang baru. (*Ketawa*)

Dato' Dr Haji Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, kalau hendak beli yang baru tidak mengelakkan dia berlanggar kalau Captain itu tidak tahu jalan.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun setakat ini tidak ada cadangan dari pihak Kerajaan untuk membeli sebuah kapal baru bagi menggantikan Feri Malaysia yang ada sekarang.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dr V David.

(*Soalan No. 6 Y.B. Dr V. David tidak hadir*).

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan S. S. Subramaniam.

(*Soalan No. 7 Y.B. Tuan S. S. Subramaniam tidak hadir*).

**USER-PAY POLICY—
PELAKSANAAN**

8. Tuan Hsing Yin Shean minta Menteri Pendidikan menyatakan sama ada Kementerian beliau sedar bahawa penuntut-penuntut Malaysia di New Zealand menghadapi masalah berkenaan dengan isu "User-Pay Policy". Apakah langkah-langkah segera yang diambil oleh Kementerian beliau untuk mengatasi masalah ini.

Timbalan Menteri Pendidikan (Dr Leo Michael Toyad): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelajar-pelajar tajaan Kementerian Pendidikan yang menuntut di New Zealand tidak menghadapi sebarang masalah berhubung dengan isu pelaksanaan "User-Pay Policy". Ini adalah kerana dalam tahun 1990 Kementerian Pendidikan tidak lagi menghantar pelajar-pelajar baru menuntut di negara tersebut. Pelajar-pelajar tajaan Kementerian Pendidikan yang masih sekarang menuntut di New Zealand tidak terlibat dengan dasar baru Kerajaan New Zealand itu untuk mengenakan kadar bayaran yuran sepenuhnya kepada pelajar-pelajar asing termasuk pelajar-pelajar dari Malaysia.

Walau bagaimanapun, Kementerian Pendidikan telah mengambil beberapa langkah segera untuk mengatasi masalah ini. Dan di antara langkah-langkah tersebut ialah:

- (i) Mengemukakan rayuan secara bertulis; dan
- (ii) Pesuruhjaya Tinggi Malaysia di New Zealand telah mengadakan perbincangan dengan Menteri Luar New Zealand mengenai beberapa masalah seperti kenaikan yuran pengajian dan kuota kemasukan pelajar-pelajar mengikuti kursus.

Tuan Lim Guan Eng; Tuan Yang di-Pertua, mengenai kenaikan yuran yang dibuat oleh Kerajaan New Zealand, saya harap Timbalan Menteri Pendidikan memberitahu Dewan yang mulia ini apakah yang telah dicapai hasil daripada perjumpaan Pesuruhjaya Malaysia dengan Menteri Luar New Zealand.

Dan yang kedua, sama ada keputusan Kerajaan New Zealand bahawa pelajar-pelajar swasta yang menuntut di New Zealand dikecualikan pada tahun ini untuk membayar yuran tetapi pada tahun yang akan datang mereka akan diperlukan membayar yuran yang sepenuhnya. Apakah langkah yang dibuat oleh pihak Kerajaan untuk menyelesaikan masalah ini yang merupakan satu masalah yang besar kepada pelajar-pelajar swasta. Dan akhirnya keputusan Kerajaan New Zealand untuk mengecualikan pelajar-pelajar swasta kami daripada membayar yuran dengan sepenuhnya, nampaknya bukanlah hasil daripada usaha-usaha yang dibuat oleh pihak Kerajaan tetapi adalah hasil yang dibuat oleh Persatuan Pelajar-pelajar Malaysia akibat perbincangan mereka dengan pihak Kerajaan New Zealand.

Di sini saya hendak tahu apa gunanya Malaysia Students Department atau pegawai-pegawai Kerajaan yang kami hantar di sana kalau mereka tidak memberi sebarang bantuan pun kepada pelajar-pelajar kami di New Zealand.

Dr Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya soalan Yang Berhormat tidak banyak, cuma komen bahawa yang telah menyatakan Jabatan Pelajar kita di New Zealand tidak berusaha apa-apa, itu memang saya nafikan, dari segi pengurusan-pengurusan mereka telah mengadakan beberapa usaha untuk membantu pelajar-pelajar kita di New Zealand.

Dan untuk keputusan saya tidak dapat memastikan di sini keputusan-keputusan yang terdapat dari perbincangan itu.

FELDA—MENSWASTAKAN RANCANGAN TANAH

9. Dr Abdul Hadi bin Derani minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk menswastakan kesemua rancangan tanah FELDA pada masa yang akan datang dan bagaimanakah hal ini dapat dijalankan.

Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Datuk Kasitah bin Gaddam): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sedang mempertimbangkan untuk menswastakan rancangan tanah FELDA pada masa yang akan datang bagi rancangan tanah FELDA yang baru sahaja. Konsep dan bentuk penswastakan itu masih dalam pertimbangan Kerajaan.

Dalam pada itu Kerajaan telah memutuskan supaya beberapa syarikat swasta diberi peluang untuk mengusahakan satu daripada tanah yang telah diluluskan oleh Kerajaan kepada FELDA.

Setakat ini, Kumpulan Guthrie Berhad telah memberikan persetujuan dan perundingan sedang dijalankan di antara Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah dengan Kumpulan Guthrie Berhad berhubung dengan kaedah pengurusan yang akan digunakan kelak.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan sama ada Kementerian beliau bercadang' untuk mengkaji semula tentang pencapaian skim FELDA memandangkan bahawa baru-baru ini telah timbul berbagai-bagai masalah yang dihadapi oleh peneroka-peneroka FELDA. Ada satu contoh yang saya ingin menyebut di sini iaitu

berkenaan dengan skim FELDA di Bukit Goh di Pahang di mana peneroka telah membuat berbagai-bagai aduan berkenaan dengan layanan yang tidak adil yang dihadapi oleh mereka. Dan sekiranya Yang Berhormat Menteri sedar tentang perkara ini ataupun masalah yang berkaitan, suka saya mendapat -tahu apakah langkah yang telah diambil untuk mengatasi masalah yang telah dirujuk ini kepada Kementerian yang berkenaan oleh peneroka-peneroka di skim FELDA di Bukit Goh.

Datuk Kasitah bin Gaddam: Tuan Yang di-Pertua, pencapaian FELDA setakat ini adalah memuaskan dan memang pihak Kerajaan sentiasa meneliti apa juga kemusykilan yang timbul dalam FELDA dan seterusnya akan mengambil tindakan untuk menyelesaikan supaya pihak peneroka akan dapat manfaat yang sepenuhnya.

Mengenai dengan saranan Yang Berhormat dari Bukit Bintang mengenai dengan peneroka di Bukit Goh iaitu Rancangan Lepar Utara I. Ini telah pun diteliti oleh Kementerian bersama-sama dengan pihak FELDA dan didapati bahawa rancangan itu telah pun dikenal sebagai satu daripada rancangan yang mempunyai masalah.

Apa yang telah ditimbulkan baru-baru ini adalah daripada segi pendapatan peneroka. Pendapatan peneroka purata di sana adalah lebih kurang \$500 tetapi sebahagian daripada peneroka-peneroka yang terdiri lebih kurang 2% daripada peneroka di situ menghadapi masalah tentang kewangan kerana ada diantara mereka ini yang suka untuk membelanjakan wang sebelum menerima wang itu. Cara-cara yang telah kita kenalpasti setakat ini ialah kebanyakannya daripada 2% itu telah meminta barang daripada kedai kerana mereka dibenarkan untuk mengambil secara hutang dan nampaknya barang yang diambil daripada kedai itu dijual di tempat yang lain dengan harga yang

lebih rendah untuk mendapat kewangan untuk digunakan pada masa itu juga. Ini satu daripada masalah yang telah kita kenalpasti.

Sekarang ini Kementerian saya telah pun menubuhkan satu pasukan khas untuk meneliti dengan sedalam-dalamnya mengenai kemuskilan dan masalah yang dihadapi oleh peneroka-peneroka keseluruhannya supaya satu dasar yang baru mungkin dapat kita kenalpasti untuk membolehkan peneroka-peneroka ini tidak lagi mengalami kesusahan seperti apa yang dialami sekarang. Tetapi perlu dijelaskan di sini bahawa bilangan peneroka yang mengalami masalah ini adalah kurang, hanya lebih kurang 3% daripada keseluruhan peneroka. Dan bukan itu sahaja masalahnya, adalah juga masalah-masalah lain yang terlibat daripada kegiatan-kegiatan lain yang mungkin mereka ini tidak duduk di tempat sana, mungkin tidak membuat kerja dengan sendiri, ada juga peneroka-peneroka yang didapati meminta orang lain untuk membuat kerja bagi pihak mereka dan mengupah dan mereka ini kita dapati ada juga yang bekerja di luar. Jadi orang inilah yang kebanyakan juga membuat pengaduan kepada Kerajaan.

HARGA RUNCIT GULA

10. Tuan Peter Paul Dason minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan kenapa harga runcit gula di Malaysia masih lagi tinggi berbanding dengan harga gula di rantau dunia dan nyatakan apakah langkah-langkah Kementerian beliau akan mengambil untuk mengurangkan harga runcit gula di negara ini (jika ada).

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian (Dato Dr K. S. Nijhar): Tuan Yang di-Pertua, harga runcit gula bertapis tempatan ketika ini adalah yang paling rendah di

negara-negara ASEAN dan di dunia. Harga runcit di Semenanjung Malaysia yang berkuatkuasa semenjak 1hb Mac, 1986 hingga sekarang adalah \$1.10 sekilogram dan \$1.20 sekilogram di Sabah dan Sarawak. Harga runcit gula bertapis dalam Ringgit Malaysia di negara-negara ASEAN lain (kecuali Brunei) pada 1hb September, 1989 adalah seperti berikut:

- (a) Filipina — \$1.94 sekilogram
- (b) Indonesia— \$1.44 sekilogram
- (c) Singapura— \$1.59 sekilogram
- (d) Thailand— \$1.39 sekilogram

Harga di kebanyakan negara di dunia adalah dalam lingkungan \$2.00 hingga \$2.70 sekilogram tetapi yang tertinggi diketahui ialah Finland pada harga \$4.34 sekilogram dan Jepun \$4.31 sekilogram. Harga di kebanyakan negara tinggi kerana harga gula dunia telah meningkat semenjak April 1988 di sebabkan penggunaan dunia yang kian bertambah berbanding dengan pengeluaran dan mengakibatkan stok gula dunia merosot kepada paras yang paling rendah dalam dekad ini. Harga gula mentah New York No. 11 kini berlegar di paras \$773 hingga \$887/tan metrik (atau 13 hingga 14.9 US\$/lb) berbanding dengan harga purata \$346/tan metrik (atau 6.06 US\$/lb) pada tahun 1986.

Tuan Yang di-Pertua, berasaskan harga gula mentah dunia pada masa ini Kerajaan tidak ada rancangan untuk mengurangkan harga gula tempatan. Jika Kerajaan berbuat demikian, besar kemungkinan bekalan gula tempatan akan terjejas dan penyeludupan keluar gula ke negara-negara jiran akan bertambah.

Dato' Dr Affludin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah faktor-faktor yang menyebabkan harga gula runcit tempatan ini menjadi yang paling rendah di dunia. Adakah ianya

disebabkan oleh penggunaan subsidi oleh Kerajaan memandangkan bahawa pengeluaran gula tempatan adalah jauh kurang dari apa yang boleh dikatakan "efficient". Kalau ada subsidi, banyak manakah subsidi yang dikeluarkan oleh pihak Kerajaan dalam masa setahun?

Dato Dr K. S. Nijhar: Tuan Yang di-Pertua, bagi soalan pertama, ciri-ciri yang menyebabkan harga runcit gula bertapis turun atau naik di dunia dari masa ke semasa ialah pengaruh bekalan dan permintaan yang berubah-ubah dari masa ke semasa. Ciri-ciri yang menyebabkan perubahan pengaruh bekalan dan permintaan ialah turun naik kos gula mentah, harga gula mentah, pengangkutan, kos penapisan atau kos operasi

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, soalnya mengapakah harga gula di Malaysia itu kurang sekali?

Dato Dr K. S. Nijhar: Minta maaf, Tuan Yang di-Pertua. Harga gula di Malaysia sekarang sudah paling rendah . . .

Tuan Yang di-Pertua: Apa sebabnya?

Dato Dr K. S. Nijhar: Oleh itu Kerajaan tidak akan bercadang memberi lagi subsidi.

Tuan Ahmad bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Setiausaha Parlimen sekiranya beliau bersetuju bahawa harga gula di kedai-kedai di negara kita sering dimanipulasi oleh pekedai-pekedai yang mana harga gula itu menjadi tinggi untuk pengguna-pengguna. Apakah langkah bagi mengelakkan keadaan kenaikan harga gula yang tidak menentu yang selalu dilakukan oleh pekedai-pekedai?

Dato Dr K. S. Nijhar: Tuan Yang di-Pertua, seperti saya katakan tadi harga gula runcit di Malaysia adalah sekarang

paling rendah. Sehingga tahun 1980 sampai sekarang harga gula runcit di Malaysia rendah dibandingkan dengan harga runcit gula di negara ASEAN atau lain di dunia dan sehingga tahun 1985 sampai sekarang

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, pertanyaannya adakah Yang Berhormat tahu berkenaan dengan manipulasi di kedai-kedai runcit berkenaan dengan harga gula?

Dato Dr K. S. Nijhar: Tidak dimanipulasi oleh pekedai-pekedai itu.

Tuan Yang di-Pertua: Ya. Yang Berhormat Tuan Haji Ibrahim Ali.

(Soalan No. 11 Y.B. Tuan Haji Ibrahim bin Ali tidak hadir).

PERPADUAN SISWA-SISWI DI UNIVERSITI TEMPATAN

12. Dr Eng Seng Chai minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah langkah-langkah yang sedang dan akan diambil oleh Kementeriannya dan pihak berkuasa di universiti-universiti tempatan supaya keharmonian dan perpaduan di antara siswa-siswi daripada semua kaum dan agama tidak diancam oleh "extremists" di kalangan pensyarah-pensyarah dan siswa-siswi.

Dr Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, keadaan keharmonian dan perpaduan di antara siswa-siswi daripada semua kaum dan agama di universiti-universiti tempatan kita pada masa ini berada di tahap yang memuaskan. Kementerian Pendidikan berpendapat keadaan ini adalah selaras dengan hasrat untuk mewujudkan keharmonian dan perpaduan di kalangan masyarakat kampus kita.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berdasarkan kepada jawapan Yang Berhormat tadi, saya ingin bertanya apakah terdapat parti-parti politik

yang menggunakan siswa-siswi ini ataupun menggunakan pertubuhan mereka yang secara langsung ataupun tidak langsung telah menyebabkan berlaku perkara-perkara yang kita katakan tidak ada keharmonian ataupun berlaku perkara-perkara yang berbau perkauman. Apakah pihak Kementerian ada bukti ada parti-parti politik terutamanya pembangkang, DAP terutamanya terlibat dalam perkara ini?

Beberapa Ahli DAP: (Boo!)

Tuan Shahidan bin Kassim: Diamlah bila orang bertanya soalan.

Dr Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sepertimana yang saya katakan tadi kita berusaha untuk langkah-langkah diambil untuk menjaga keharmonian dan perpaduan di kalangan masyarakat kampus kita. Mengenai adakah ia berpunca di dalam ataupun di luar, apa yang penting ialah kita berusaha untuk mengatasi masalah-masalah yang timbul itu dan mengelak supaya keharmonian dan perpaduan ini dapat diteguhkan.

Tuan Ong Tee Keat: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya difahamkan bahawa baru-baru ini terdapat satu kejadian di mana seorang pensyarah Universiti Malaya enggan menjalankan tugas dalam satu sesi tutorial yang kononnya hanya dihadiri oleh pelajar bukan bumiputera. Adakah teiatah sedemikian tidak sejajar dengan usaha Kerajaan untuk memupuk integrasi nasional, dan jika ya, apakah tindakan tatatertib yang telah diambil oleh pihak berkuasa terhadap pensyarah tersebut?

Dr Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian dan Universiti-universiti kita sentiasa berhati dan peka kepada keadaan-keadaan yang wujud seperti ini di kalangan pelajar dan pensyarah kita. Bagi kita mewujudkan keadaan keharmonian dan perpaduan ini

sentiasa menjadi satu usaha Kerajaan di negara kita. Mengenai kes yang telah disebut oleh Ahli Yang Berhormat itu, kalaulah ia diteliti dengan sedalamnya ia melibatkan perkara yang tidak sihat dan memang kita sentiasa menggunakan peraturan-peraturan dan tindakan disiplin sepatutnya.

RUMAH KOS RENDAH— PEMBINAAN

13. Tuan Sim Kwang Yang minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (a) kemajaaan dan kegagalan yang telah dicapai dalam membina rumah-rumah kos rendah seluruh Malaysia pada amnya dan Negeri Sarawak pada khususnya;
- (b) sebab-sebab kenapa sasaran untuk membina 80,000 unit rumah-rumah kos rendah setahun telah gagal dengan teruk; dan
- (c) langkah-langkah yang akan diambil untuk menyelamatkan dan menghidupkan semula (revive) projek-projek perumahan yang telah lama terbengkalai.

Tuan Lee Kim Sai: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bilangan unit rumah kos rendah yang disasarkan untuk dibina dalam tempoh Rancangan Mataysia Kelima di seluruh negara adalah sebanyak 495,000 unit. Mengikut maklumat yang dapat diperolehi oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, pada masa ini mempunyai pencapaian pembinaan rumah kos rendah di bawah program-program utama adalah seperti berikut:

- (a) Di bawah program Perumahan Awam Kos Rendah sehingga setakat 30-6-1989 sebanyak 21,264 unit atau 44.4% daripada sasaran sejumlah 45,800 unit telah siap dibina, manakala di

bawah program perumahan Skim Pembangunan Tanah di bawah program Perumahan Komersial Agensi Kerajaan pula, yang mana pelaksanaannya dijalankan oleh beberapa Lembaga Kemajuan Wilayah serta Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri dan pelaksanaannya dikesan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan melalui data yang diperolehi daripada mereka, setakat ini angka yang lengkap yang dapat dikumpul oleh Kementerian ialah hingga 31-12-1988 sahaja yang mana bagi program perumahan Skim Pembangunan Tanah sebanyak 20,390 unit atau 35.3% daripada sasaran sejumlah 57,500 unit telah siap dibina. Manakala bagi program Komersial Agensi Kerajaan, sejumlah 5,983 unit atau 45.3% daripada sasaran sebanyak 13,200 unit telah siap.

Mengenai perumahan pemaju swasta pula sebanyak 85,643 unit atau 23.1% daripada sasaran sejumlah 370,600 unit sehingga akhir tahun 1988 telah siap dibina. Jumlah ini termasuk unit-unit di bawah program khas perumahan kos rendah yang merupakan komponen utama program perumahan pemaju swasta.

Bagi Negeri Sarawak sebanyak 1,231 unit telah siap dibina sehingga 30-6-1989. Daripada jumlah ini sebanyak 284 adalah unit-unit di bawah program perumahan rumah kos rendah. Di bawah program yang sama sejumlah 1,000 unit berada di peringkat binaan bangunan.

(b) Seperti yang telah dinyatakan dalam jawapan saya kepada Ahli Yang Berhormat dari

Tanjong semalam, di bawah program khas perumahan kos rendah setakat 30-6-1989 sejumlah 341,255 unit telah dikenalpasti untuk pelaksanaan walaupun sasaran asal yang ditetapkan ialah 240,000 unit bagi tiga tahun mulai Julai 1986 hingga Jun 1989. Pada umumnya prestasi pelaksanaan projek-projek di bawah program ini adalah menggalakkan jika diambil kira faktor-faktor seperti tempoh penyiapan projek yang pada biasanya mengambil masa selama dua tahun bagi swasta, rumah bukan pangsa, dan tiga tahun bagi rumah sejenis rumah pangsa. Setakat 30-6-1989 sejumlah 23,134 atau 9.6% daripada sasaran 240,000 unit telah dapat disiapkan. Jumlah ini termasuk 197 di negeri Sarawak. Pencapaian ini agak rendah berbanding dengan sasaran yang telah ditetapkan. Ini adalah berdasar oleh beberapa faktor seperti:

(i) tapak-tapak yang dikenalpasti kurang sesuai dimajukan dengan sertamerta akibat ciri-ciri fizikal tapak dan kekurangan permintaan di kawasan berkenaan. Ini menimbulkan masalah-masalah seperti kos pembangunan yang tinggi, kesulitan memperoleh pembiayaan dan masalah dalam memperoleh kelulusan perancangan dan infrastruktur. Bagi tapak-tapak yang sesuai terdapat pula masalah-masalah lain yang wujud, di antaranya termasuklah pemaju atau kontraktor yang dipilih kurang keupayaan dan kebolehan melaksanakan projek.

- (ii) Kelewatan dalam pemilihan pemaju atau kontraktor dan kelewatan memperolehi kelulusan berkaitan dengan pembangunan perumahan seperti tukar syarat dan pecah sempadan tanah, infrastruktur dan pelan pembangunan.

Untuk memastikan kejayaan program ini Kerajaan telah dan sedang mengambil beberapa langkah untuk mengatasinya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, langkah-langkah yang telah diambil untuk menyelamat dan menghidupkan semula, (revive) projek-projek perumahan yang telah lama terbengkalai ialah;

- (i) mengadakan perjumpaan dengan pembeli-pembeli untuk memberi penerangan berhubung dengan tindakan yang perlu diambil untuk membolehkan projek;
- (ii) meminta pembeli-pembeli menubuhkan jawatankuasa pembeli;
- (iii) meminta pemaju menyerahkan projek kepada jawatankuasa pembeli-pembeli sekiranya perlu;
- (iv) membuat kajian kemungkinan (feasibility study) ke atas projek yang berkenaan dengan mengkaji kedudukan kewangan dan kemajuan pembinaan; dan
- (v) mengadakan perbincangan dengan bank, institusi-institusi kewangan dan agensi-agensi Kerajaan yang

terlibat mengadakan perbincangan dengan piutang-piutang dan mengawasi dari masa ke semasa di atas kerja-kerja binaan setelah projek itu dipulihkan.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar:

Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Untuk mempercepatkan pembinaan rumah harga murah, Kerajaan Persekutuan tidak lama dahulu telah mewujudkan satu skim di mana Kerajaan Negeri memberi tanah kepada Kerajaan Pusat sebagai cara pembayaran balik hutang Kerajaan Negeri pada Kerajaan Pusat dan tanah-tanah tersebut akan digunakan untuk mendirikan rumah-rumah harga murah tersebut. Saya ingin mendapat tahu daripada Yang Berhormat sama ada skim ini berjalan dengan lancar ataupun tidak ataupun ada masalah-masalah yang lain. Jika ada, mungkin Yang Berhormat dapat menerangkan sedikit kepada Dewan ini.

Tuan Lee Kim Sai: Tuan Yang di-Pertua, skim yang disebutkan itu memang satu langkah untuk memperbanyakkan skim perumahan kos rendah tetapi sebagaimana boleh dikenalpasti masalah yang dihadapi sekarang terutamanya ialah tanah yang dicadangkan itu tidak berapa sesuai untuk pembangunan rumah kos rendah kerana kebanyakan tanah-tanah yang baik untuk perumahan telah pun dimajukan. Tetapi Kementerian masih cuba menyelaraskan kerja-kerja ataupun kegiatan untuk menjayakan skim seperti yang disebutkan itu.

Tuan Lau Dak Kee: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Menurut jawapan daripada Menteri yang berkenaan, saya hendak tahu apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk membetulkan keadaan kelewatan untuk mendapat kelulusan

daripada jabatan-jabatan yang berkenaan untuk menjalankan projek-projek perumahan kos rendah oleh kerana menurut daripada jawapan Yang Berhormat itu tadi dikatakan kelewatan kelulusan daripada jabatan yang berkenaan menyebabkan sasaran itu tidak dapat dicapai.

Yang kedua, infrastruktur pun menjadikan satu kesulitan.

Yang ketiga, kemampuan daripada kontraktor-kontraktor yang tertentu itu tidak mampu menjalankan kerja-kerjanya itu yang menyebabkan satu kelewatan atau tidak menepati atau tidak mencapai sasaran yang telah ditetapkan. Saya hendak bertanya jika masalah-masalah yang dihadapi oleh Kementerian, apakah langkah-langkah selain daripada yang telah dinyatakan untuk memperbaiki kelemahan itu. Keduanya, adakah Kerajaan bercadang untuk merendahkan sasaran yang telah ditetapkan itu memandang sasaran itu tidak dapat dicapai pelaksanaannya sehingga hari ini?

Tuan Lee Kim Sai: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan tambahan yang pertama mengenai dengan masalah-masalah yang dihadapi untuk mendapatkan kelulusan yang saya maksudkan itu ialah masalah dari segi kegunaan tanah, tetapi kalau untuk kelulusan bagi permintaan yang lain itu boleh dikatakan memuaskan mengikut prosedur.

Yang kedua, mengenai macam mana ataupun langkah akan diambil bagi mengatasi masalah-masalah yang disebutkan itu, suka saya menyatakan sedikit di sini bahawa Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah meminta agensi-agensi Kerajaan di peringkat Negeri dan Kerajaan Tempatan memberikan kerjasama di mana minta Kerajaan Negeri tapak projek yang sesuai dan viable dimajukan dengan serta-merta sahaja

diteruskan. Dalam hal ini Kerajaan Negeri juga diminta menyemak semula senarai projek yang dikenalpasti dan menggugurkan projek-projek yang bermasalah.

Kementerian juga telah meminta Kerajaan-kerajaan Negeri memberikan insentif dan galakan kepada pemaju supaya membina lebih banyak rumah kos rendah serta mempercepatkan pelaksanaannya. Di antara galakan-galakan itu termasuklah mempercepatkan kelulusan perancangan, mengurangkan piawai-piawai tertentu tanpa menjejaskan keselamatan, mengurangkan bayaran premium tanah dan mengecualikan bayaran ukur dan juga memberikan galakan kepada pembeli-pembeli perumahan kos rendah dengan tujuan meningkatkan permintaan dengan berkesan. Galakan yang dimaksudkan termasuklah penetapan kadar faedah pinjaman yang rendah dan kelonggaran syarat pinjaman bagi pembelian rumah-rumah serta mengecualikan bayaran duty stamp dan sebagainya.

JUALAN EMAS—KAWALAN

14. Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan tentang:

- (a) adakah Kerajaan bercadang untuk menggubal Akta Penjualan Emas, adakah Akta ini diketatkan bagi menyekat penjualan emas dengan sewenang-wenangnya seperti yang berlaku di Lubok Mandi, Marang, Terengganu;
- (b) bagaimanakah kedudukan dan potensi galian emas di seluruh negara. Berapa luaskah kawasan tersebut, di mana dan berapa jumlah simpanan emas yang dianggarkan; dan
- (c) apakah dasar dan kriteria pemberian kawasan emas kepada mana-mana pihak.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Dato' Alias bin Md. Ali): Tuan Yang di-Pertua, cadangan mengadakan kawalan penjualan dan pembelian emas dicadangkan akan dimasukkan di bawah kajian Dasar Pembangunan Mineral Negara yang sedang dirangka sekarang ini,

Soalan yang kedua, kedudukan dan potensi galian emas di seluruh negara adalah baik. Pada masa ini emas sedang dikeluarkan oleh semua negeri di Semenanjung, di Sabah dan Sarawak, kecuali Perlis, Kedah, Melaka, Pulau Pinang, Wilayah Persekutuan dan Johor, negeri-negeri ini tidak ada emas. Kebanyakan pengeluaran emas adalah dari Pahang, Sarawak dan Sabah. Jumlah keluasan tanah lombong emas di akhir tahun 1987 ialah 15,430.5 hektar dengan bahagian besarnya bertempat di ketiga-tiga negeri yang disebutkan tadi. Jumlah anggaran simpanan emas adalah sukar untuk ditentukan.

Untuk menjawab soalan (c), dasar dan kriteria pemberian kawasan emas kepada mana-mana pihak adalah di bawah bidang kuasa tiap-tiap Negeri-negeri untuk menentukannya.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 2, 6, 7, 11 dan 15 hingga 28 adalah diberi dibawah ini).

BUKU DAFTAR PEMILIH

2. Tuan Tan Chek Ming minta Perdana Menteri menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Suruhanjaya Pilihanraya untuk menjamin bahawa tidak campur aduk (mix-up) dalam buku pendaftaran (electoral rolls) dan memastikan tiada pengundi-pengundi "phantom". Nyatakan sama ada Suruhanjaya Pilihanraya dapat mempertimbangkan untuk menerima pendaftaran

pengundi-pengundi dari Pendaftar Kelahiran dan Kematian supaya dapat menjimatkan kewangan yang dibelanjakan dalam pendaftaran tahunan, jika tidak, berikan sebab-sebab.

Dato' Dr Haji Sulaiman bin Haji Daud: Sememangnya tidak ada campur aduk (mix-up) dalam buku daftar pemilih dan sebenarnya tidak ada apa yang dimaksudkan sebagai pengundi phantom dalam daftar pemilih melainkan Ahli Yang Berhormat dapat menerangkan dengan jelas maksud istilah pengundi phantom itu.

Suruhanjaya telah lama mengkaji kemungkinan pendaftaran pengundi-pengundi dengan menggunakan senarai warganegara yang terdapat di Pejabat Pendaftaran Negara. Akan tetapi perkara ini didapati mustahil oleh kerana masalah berkaitan dengan undang-undang iaitu menentukan residen atau tempat bermastautin tetap pengundi-pengundi yang sebenarnya untuk menentukan bahagian pilihanraya di mana mereka harus mengundi. Jika sistem ini dijalankan ianya akan menimbulkan lebih besar masaiyah akibat pengundi-pengundi tidak dapat mengundi kerana telah berpindah tempat kediaman memperbaiki rekod yang ada di Jabatan Pendaftaran Negara.

BANK RAKYAT/BANK PERSATUAN KERJASAMA SEBERANG PRAI/BANK PUSAT KERJASAMA— MENYUSUN SEMULA

6. Dr V. David minta Menteri Kewangan menyatakan:

(a) adakah Kerajaan sedar bahawa dalam tahun 1986 Dewan ini telah menerima suatu Laporan Khas Parlimen (Kertas Putih) mengenai 24 koperasi yang mengambil wang cengkeram (deposit); Laporan Khas ini telah memberitahu dengan

terang bahawa Bank Pusat Kerjasama (CCB), Bank Rakyat dan Bank Kerjasama Seberang Prai, ketiga-tiganya akan disusun semula dan dibenarkan meneruskan operasinya sebagai bank-bank kerjasama kemuncak;

- (b) tindakan Bank Negara Malaysia meletakkan CCB di bawah penerimaan (receivership) dan menunjukkan kepada sebuah syarikat kewangan berlesen adalah melanggar tujuan dan semangat Laporan Khas Parlimen (Kertas Putih) yang telah diterima dan ditetapkan oleh Dewan ini. Dewan tidak diberitahu sebab-sebab di atas perubahan dasar-dasar yang telah ditetapkan dahulu. Bolehkah Bank Negara Malaysia diberi kebenaran mengambil tindakan yang melanggar dasar-dasar telahpun diterima oleh Dewan ini.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Loke Yuen Yow): Kertas Putih yang dibentangkan di Dewan ini pada 1986 bertujuan antara lain untuk menjelaskan kedudukan sebenar mengenai Koperasi-koperasi Pengambilan Deposit (KPD) khususnya 24 KPD yang mengalami masalah ketidakupayaan untuk memenuhi tanggungan deposit-depositnya. Dalam Kertas Putih itu, Kerajaan telah memaklumkan bahawa koperasi apeks iaitu Bank Rakyat, Bank Persatuan Kerjasama Seberang Prai Bhd, dan Bank Pusat Kerjasama akan disusun semula untuk berfungsi secara efektif sebagai koperasi apeks yang sebenarnya.

Semasa Kertas Putih itu dikeluarkan pada bulan November 1986, Kerajaan belum lagi mengetahui kedudukan kewangan CCB yang sebenarnya. Kerajaan hanya mengetahui kedudukan kewangan CCB yang sebenar selepas Kertas Putih tersebut

dibentangkan dalam Dewan ini. Memandangkan CCB telah mengalami kerugian yang teruk bagi tahun-tahun 1986 dan 1987 dan menghadapi masalah kewangan, Kerajaan telah mengambil langkah segera bagi memelihara kepentingan pendeposit-pendepositnya dengan meletakkan CCB di bawah kawalan BNM di bawah Peraturan-Peraturan Perlu (Perlindungan kepada Pendeposit) 1986. Seterusnya, BNM memohon kepada Mahkamah Tinggi untuk melantik Penerima bagi menyiapkan butir-butir kewangan, dengan izin statement of affairs CCB bagi membolehkan BNM merangka satu skim penyelamat.

Kerajaan berpendapat langkah yang diambil itu adalah wajar sebagai tindakan segera untuk melindungi kepentingan pendeposit-pendeposit. Memandangkan keadaan telah berubah dengan CCB mengalami kerugian yang sebegitu besar, maka Kerajaan perlu mengambil satu langkah untuk melindungi pendeposit-pendeposit. Langkah yang dipilih adalah sejajar dengan skim penyelamat yang dilaksanakan untuk 23 buah KPD yang mana telah diterima di Dewan yang mulia ini.

RUMAH PEKERJA LADANG/ LOMBONG

7. Tuan S. S. Subramaniam minta Menteri Buruh menyatakan apakah asas-asas di mana suatu Jawatankuasa telah diwujudkan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri baru-baru ini untuk membina rumah-rumah untuk pekerja-pekerja ladang dan lombong. Apakah perbezaan dengan asas-asas yang telah digunakan oleh sistem lama yang telah diwujudkan pada tahun tujuh puluhan. Berapakah bilangan rumah-rumah pekerja tersebut yang boleh dibina dalam tahun 1989, 1990 dan 1991 dengan cara baru ini.

Menteri Buruh (Dato' Lim Ah Lek): Dalam tahun 1973 Kerajaan telah menubuhkan sebuah Pasukan Petugas

(Task Force) di peringkat kebangsaan untuk mengasas dan melaksanakan Skim Pemilikan Rumah Pekerja dan memperbaiki kemudahan-kemudahan asas bagi pekerja-pekerja di sektor ladang dan lombong. Bagaimana, pelaksanaan syor-syor Pasukan Petugas ini telah menghadapi berbagai masalah dan rintangan menyebabkan skim ini tidak mencapai kejayaan ke tahap yang dihasratkan. Oleh itu, baru-baru ini, Kementerian Buruh telah menubuhkan Jawatankuasa Pembangunan Kebangsaan Skim Pemilikan Rumah Pekerja dan Kemudahan Asas Di Sektor Ladang dan Lombong, untuk mempergiatkan lagi Skim Pemilikan Rumah Pekerja dan pembangunan kemudahan-kemudahan asas di sektor ladang dan lombong. Asas yang digunakan bagi skim ini adalah seperti dicadangkan oleh Pasukan Petugas dahulu.

Hingga sekarang 5,573 unit rumah di bawah skim ini telah siap dibina oleh 12 buah ladang dan 2 buah lombong dan 1,588 unit rumah lagi di 6 buah ladang sedang dalam berbagai peringkat pembinaan.

Selain dari itu 14 lagi skim baru telah siap dirancang oleh 12 buah ladang dan 2 buah lombong. Di bawah skim-skim ini, 1,770 unit rumah baru akan mula dibina tidak berapa lama lagi.

PESURUHJAYA PERDAGANGAN MALAYSIA DI IRAN

11. Tuan Haji Ibrahim bin Ali minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan apakah Kerajaan bercadang untuk mengujudkan Pesuruhjaya Perdagangan Malaysia di Iran memandangkan suasana di negara tersebut sudah pulih dan banyak peluang-peluang yang boleh dilakukan di antara Malaysia dan Iran. Kalau ya, bila dan kalau tidak beri sebab-sebab.

Dato' Dr K. S. Nijhar: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Malaysia sekarang mempunyai Pejabat Pesuruhjaya Perdagangan di Dubai, yang juga meliputi hal ehwal perdagangan Malaysia-Iran memandangkan bahawa Dubai juga menjadi pusat perdagangan bagi negara-negara di Kawasan Teluk. Dalam pada ini Malaysia juga mempunyai Kedutaan di Tehran dan satu daripada tugas Kedutaan adalah untuk memperkenalkan barang-barang Malaysia di Iran dan melaporkan peluang-peluang yang wujud di sana. Oleh itu buat masa ini Kerajaan tidak bercadang untuk mewujudkan jawatan Pesuruhjaya Perdagangan di Iran. Walau bagaimanapun, apabila keadaan memerlukan, Kerajaan akan mengkaji semula cadangan tersebut.

Untuk meningkatkan hubungan perdagangan duahala dengan Malaysia-Iran, Malaysia telah menandatangani Perjanjian Perdagangan dengan Iran pada 19 Mac, 1989. Pegawai-pegawai Kerajaan Iran telah pun melawat Malaysia dan perhubungan rapat antara wakil-wakil swasta dijangka akan menghasiikan urusan dagangan yang bertambah antara kedua-dua negara di masa akan datang.

PERTUBUHAN GERAKAN BELIA 4B

15. Tuan Mohd. Noh bin Rajab minta Menteri Belia dan Sukan menerangkan sama ada beliau menyedari bahawa Pergerakan Belia 4B tidak lagi aktif dibandingkan dengan kedudukannya beberapa tahun yang silam. Apakah langkah-langkah yang telah dirancang untuk memperbaiki keadaan ini.

Timbalan Menteri Belia dan Sukan (Cik Teng Gaik Kwan): Sebenarnya Pertubuhan Gerakan Belia 4B di peringkat negeri, kawasan dan cawangan-cawangan masih aktif, cuma peringkat kebangsaan sahaja yang

tidak bergerak. Kementerian Belia dan Sukan telah dan sedang mengambil beberapa langkah untuk menggerakkan semula Pertubuhan Gerakan Belia 4B Malaysia. Antara langkah yang diambil ialah menasihatkan Pertubuhan tersebut supaya mengadakan Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan setelah tidak diadakan sejak tahun 1986.

SISTEM PENGANGKUTAN PERDAGANGAN—KAJIAN

16. Tuan Lau Dak Kee minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan apakah langkah-langkah telah, sedang dan akan diambil oleh Kementerianya untuk meninggikan taraf kehidupan pemandu-pemandu teksi, kereta sewa, bas dan kenderaan berat dan lain-lain.

Timbalan Menteri Perusahaan Awam (Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha): Sebagai pihak yang bertanggungjawab untuk mengeluarkan lesen-lesen kenderaan perdagangan, Kementerian saya juga adalah bertanggungjawab untuk menentukan bahawa sistem pengangkutan perdagangan di negara ini adalah satu industri yang viable, iaitu kepada pengguna dan juga pengusaha. Kajian-kajian adalah dijalankan dari semasa ke semasa untuk menentukan tambang dan bilangan lesen yang patut dikeluarkan untuk sesuatu tempat adalah sesuai dan mencukupi untuk mematuhi kehendak-kehendak pengguna, dan pada masa yang sama, dapat membolehkan pengusaha-pengusaha mendapat keuntungan yang sesuai.

Industri pengangkutan awam dan pengangkutan barang-barang sememangnya telah memberi banyak keuntungan kepada mereka yang rajin berusaha. Dari segi meninggikan taraf hidup pemandu-pemandu kenderaan

perdagangan, ia adalah bergantung kepada daya usaha pemandu itu sendiri.

Di samping itu, Kementerian saya menggalakkan pengusaha-pengusaha/pemandu-pemandu menyertai dan menubuhkan persatuan supaya kepentingan dan kebajikan mereka dapat dijamin. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian saya sentiasa mengadakan perbincangan dan perjumpaan dengan persatuan/pengusaha dari semasa ke semasa. Untuk tujuan ini telah wujud sebuah Jawatankuasa Perhubungan Mengenai Pengangkutan di Kementerian saya yang juga diwakili oleh persatuan-persatuan dan pemandu-pemandu.

PENGINTIPAN TELEFON (PHONE-TAPPING)

17. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) (1) sama ada pihak Polis di Sabah telah menyiasat ke dalam kes mengintip telefon (phone-tapping) di Sabah seperti yang diadakan oleh Senator Pendikar Amin pada bulan Ogos 1989;
- (2) nyatakan hasil penyiasatan tersebut;
- (3) sama ada mereka yang terlibat telah dihukum; jika tidak, mengapa;
- (b) (1) sama ada Polis telah juga menyiasat kes mengintip telefon dalam tahun 1986 yang mana Ketua Menteri Sabah kini memiliki salinan rakaman tersebut;
- (2) apakah hasil penyiasatan tersebut.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob): Aduan oleh Y.B. Senator Pendikar Amin mengenai pengintipan telefon sedang dalam siasatan Polis.

Tidak ada siasatan yang dilakukan oleh Polis ke atas kes mengintip telefon dalam tahun 1986 kerana polis tidak menerima apa-apa pengaduan mengenainya.

LATIHAN KECEMASAN BOMBA DI BANGUNAN SEKRETARIAT KERAJAAN NEGERI PERAK

18. Tuan P. Patto minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan mengapa pihak Bomba menggunakan bom asap tentera dalam satu latihan bomba di Bangunan Sekretariat Kerajaan Negeri pada 14-9-1989 yang menyebabkan seorang kakitangan Kerajaan Negeri Perak bernama Encik Mohd. Isa Tahir meninggal dunia kerana "asphyxia" dan berpuluh-puluh orang lagi diberi rawatan perubatan. Bagaimana pihak Bomba dapat bom asap tentera itu dan apakah gantirugi yang akan diberi kepada balu dan keluarga Encik Mohd. Isa Tahir.

Tuan Lee Kim Sai: Adalah dimaklumkan di sini bahawa latihan kecemasan di Bangunan Sekretariat Kerajaan Negeri Perak Darul Ridzuan adalah dikendalikan oleh satu jawatankuasa yang terdiri daripada pegawai-pegawai kerajaan termasuk Polis dan Bomba. Sebelum kawad dijalankan beberapa mesyuarat berkenaannya telah diadakan dan penerangan-penerangan juga telah diberi menerusi wakil-wakil. Ceramah juga telah diberikan mengenai kebakaran dan prosedur kawad. Penggunaan "canister" asap di kawad-kawad kebakaran memang selalu diamalkan.

Berikutan dengan kawad tersebut, jawatankuasa telah bersetuju penggunaan "canister" asap supaya ia membuatkan suasana yang agak realistik. Walaupun penerangan-penerangan telah diberi biasanya

orang-orang yang terlibat mengambil ringan terhadap kawad-kawad kecemasan kebakaran seperti ini. Adalah difahamkan bahawa jenis asap yang digunakan ini adalah tidak beracun dan bilangan yang digunakan bagi kawad ini adalah dua butir sahaja.

Jabatan Perkhidmatan Bomba telah memberi penerangan dengan panjang lebar terhadap prosedur-prosedur kawad kecemasan dan juga bahaya-bahaya kebakaran. Adalah dijangkakan kakitangan-kakitangan yang kurang sihat seperti mereka yang sesak nafas, penyakit asma, mengandung tidak mengambil bahagian.

Mengenai gantirugi untuk Allahyarham Mohd. Isa Tahir, keluarga Allahyarham akan menerima pencen tanggungan kerana kemalangan dan gratuiti.

TABUNG PEMULIHAN USAHAWAN

19. Tuan Nasruddin bin Haji Alang Saidin minta Menteri Kewangan menyatakan usaha-usaha dan langkah-langkah yang telah dan akan diambil bagi melicin dan mengubahsui perjalanan Tabung Pemulihan Usahawan (TPU) yang banyak menimbulkan kontroversi di kalangan usahawan-usahawan dan juga didapati Tabung tersebut tidak dapat bergerak dengan sempurna kerana tidak wujudnya kordinasi yang seimbang di antara usahawan yang bermasalah dengan pegawai-pegawai Kerajaan.

Dato' Loke Yuen Yow; Pihak Urusetia Tabung Pemulihan Usahawan-Usahawan, akan sentiasa melaksanakan langkah-langkah yang difikirkan sesuai bagi memastikan pelaksanaan skim ini berjalan dengan

lebih lancar dan berkesan. Di antara langkah-langkah utama yang telah diambil termasuklah:

- (i) Membenarkan bantuan diberi kepada usahawan-usahawan untuk menjalankan kegiatan-kegiatan baru jika ianya boleh membantu kedudukan kewangan usahawan berkenaan. Sebelum ini bantuan hanya diberi bagi memulihkan kegiatan yang sedia ada sahaja.
- (ii) Bantuan juga boleh diberi bagi membayar pinjaman bank yang sedia ada sekiranya usahawan berkenaan masih mempunyai projek untuk dijalankan dan berdaya maju. Sebelum ini, bantuan hanya diberikan untuk menggerakkan projek berkenaan sahaja.
- (iii) Dalam kes-kes tertentu, bantuan akan diberi melalui pinjaman alat-alat seperti mesin-mesin kepada usahawan-usahawan yang didapati memerlukannya. Alat-alat itu akan dibeli atau disewa oleh Tabung Pemulihan Usahawan-usahawan.
- (iv) Pihak Tabung juga akan mengeluarkan bantuan modal permulaan kepada setengah-setengah usahawan tertentu dengan secara memegang syer dalam syarikat berkenaan. Ini adalah untuk memastikan bahawa bantuan kewangan dapat diberi dengan segera kepada usahawan-usahawan yang tidak mempunyai cagaran dan mereka boleh membeli balik syer itu apabila keadaan kewangan mereka mengizinkan kelak. Bagi tujuan ini, sebuah syarikat telah ditubuhkan oleh Bank Negara dengan penyertaan

ekuiti oleh beberapa bank lain, dengan tujuan untuk memegang ekuiti dalam syarikat-syarikat berkenaan.

Kementerian Kewangan menafikan dakwaan setengah-setengah pihak yang menyatakan bahawa perjalanan Tabung ini banyak menimbulkan kontroversi. Ini adalah kerana kerajaan telah pun menetapkan syarat-syarat tertentu bagi mendapatkan bantuan daripada Tabung ini dan mereka yang memenuhi syarat-syarat itu sepatutnya tidak menghadapi apa-apa masalah untuk mendapatkan bantuan. Pada pandangan Kementerian Kewangan, kontroversi itu timbul kerana ada pihak-pihak tertentu yang salah faham dengan matlamat Tabung itu dan cuba mendapatkan sumber kewangan dengan cara mudah bukan untuk menggerakkan projek mereka tetapi untuk membayar hutang.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat kes-kes yang ditolak kebanyakannya atas sebab-sebab yang berikut:

- (i) syarikat tidak lagi beroperasi;
- (ii) pemohon telah mufliis;
- (iii) projek tidak berdaya maju;
- (iv) syarikat tidak memiliki 100% oleh Bumiputera;
- (v) tidak menghadapi masalah kewangan.

Kementerian Kewangan juga menolak dakwaan yang menyatakan bahawa Tabung tersebut tidak dapat bergerak dengan sempurna kerana tidak wujudnya kordinasi yang seimbang di antara usahawan yang bermasalah dengan pegawai-pegawai Kerajaan,

Dalam hubungan ini ingin saya jelaskan bahawa halangan-halangan utama yang dikenalpasti oleh pihak Urusetia Tabung itu adalah seperti berikut:

- (i) tiada kerjasama daripada pemohon di mana ada di antara mereka tidak memberitahu jumlah sebenar pinjaman mereka dengan institusi kewangan. Ada juga pemohon yang lewat datang atau tidak datang langsung untuk berbincang dengan institusi-institusi kewangan walaupun beberapa kali dipanggil.
- (ii) maklumat yang diberikan tidak lengkap dan ini menyebabkan permohonan tertangguh.
- (iii) syarikat-syarikat tidak menyimpan rekod dengan betul menyebabkan pihak Urusetia terpaksa mengambil masa yang panjang untuk menyiapkan laporan.

Kementerian Kewangan tetap yakin bahawa pegawai-pegawai Kerajaan yang berkenaan khususnya pegawai-pegawai Urusetia Tabung Pemulihan Usahawan akan tetap memberi kerjasama kepada usahawan-usahawan bagi membantu memulihkan kegiatan mereka. Dalam hubungan ini, mana-mana pihak yang tidak berpuas hati dengan layanan atau pertimbangan yang diberikan bolehlah membuat aduan bertulis kepada Kementerian Kewangan untuk diambil tindakan sewajarnya.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan para usahawan, sukacita dijelaskan bahawa sumber kewangan yang kita ada adalah terhad dan dengan sebab itu kerajaan terpaksa memastikan setakat yang boleh bahawa bantuan yang dikeluarkan itu dapat membantu mengembangkan kegiatan ekonomi demi untuk faedah semua dan bukan hanya untuk memberi faedah kepada usahawan berkenaan sahaja.

TUKUN TIRUAN

20. Tuan Haji Mohamed bin Haji Isa minta Menteri Pertanian menyatakan sejak Kerajaan melancarkan skim galakan membina TUKUN TIRUAN bagt menambahkan pendapatan nelayan kita menceburi diri dalam lapangan menangkap ikan LAUT DALAM;

- (a) sejauhmanakah nelayan kita mendapat faedah dari rancangan TUKUN TIRUAN ini;
- (b) berapakah jumlah perbelanjaan bagi skim TUKUN TIRUAN yang dibelanjakan sehingga hari ini;
- (c) adakah Penangkap Ikan Laut Dalam dapat sambutan daripada belia-belia nelayan kita; dan
- (d) adakah lesen-lesen LAUT DALAM yang dikeluarkan diguna dengan sepenuhnya oleh rakyat Malaysia dan berapakah lesen-lesen yang diberi sewa kepada nelayan-nelayan negara jiran.

Menteri Pertanian (Datuk Seri Sanusi bin Junid):

- (a) Sumber perikanan laut terutamanya sumber perikanan pantai adalah telah berkurangan di dalam dekad yang lepas kerana eksploitasi yang keterlaluan serta penggunaan perkakas menangkap ikan yang effisyen. Justeru itu program membina tukun tiruan dijalankan untuk memulihkan sumber perikanan. Faedah-faedah yang dinikmati oleh nelayan adalah seperti berikut:

- (i) Mewujudkan tempat pembiakan dan perlindungan ikan dan anak ikan;
- (ii) Menambahkan sumber perikanan pantai;

- (iii) Meningkatkan hasil tangkapan nelayan di kawasan sekitarnya.
- (b) Projek tukun tiruan ini dijalankan secara besar-besaran bermula dari tahun 1986. Dari tahun 1986 sehingga kini sejumlah \$4,472,568.00 telah dibelanjakan untuk projek ini.
- (c) Untuk menggalakkan belia-belia nelayan tempatan menceburi di dalam bidang penangkapan ikan di perairan laut dalam, pada bulan November 1987 Kementerian ini telah mengadakan latihan "Angkatan Nelayan Laut Dalam (ANLD)". Latihan ini bertujuan untuk mengwujudkan nelayan-nelayan yang berdisiplin, tahan lasak dan mempunyai ketahanan diri. Setakat ini sambutan terhadap latihan tersebut adalah menggalakkan. Bilangan peserta yang telah tamat latihan berkenaan sehingga kini ialah sejumlah 437 orang. Di samping latihan ANLD, Kementerian ini juga menyediakan latihan peningkatan nelayan-nelayan pantai yang sedia ada dan tahap latihan ini adalah selaras dengan keupayaan mereka untuk mengendalikan bot-bot besar sesuai dengan penangkapan ikan di laut dalam.
- (d) Setakat ini Kerajaan telah melesenkan sejumlah 295 unit bot laut dalam. Bot-bot tersebut adalah dimiliki sepenuhnya oleh rakyat Malaysia. Tiada lesen disewa kepada nelayan-nelayan dari negara jiran.

PEMILIH YANG BERDAFTAR

21. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Perdana Menteri menyatakan berapakah bilangan

pemilih yang berdaftar sehingga 20 Mei 1989 di seluruh negara. Dan berapakah pula jumlah pemilih yang baru didaftar melalui gerakan pendaftaran dan penyemakan yang dijalankan dari 21 Mei 1989 sehingga 2 Julai 1989. Sila butirkan bilangannya mengikut negeri-negeri. Oleh kerana kira-kira 10 peratus pemilih dalam setiap peti undi tidak dikenali dan tidak dapat dikesan oleh penduduk tempatan maka apakah langkah yang berkesan bagi mengeluarkan nama-nama mereka daripada daftar pemilih yang berkenaan.

Dato' Dr Haji Sulaiman bin Haji Daud: Pemilih yang berdaftar sehingga daftar pemilih disahkan pada 1-3-1989 di seluruh negara ialah 7,211,750. Jumlah pemilih yang telah membuat permohonan untuk mendaftar di dalam gerakan pendaftaran dan penyemakan daftar pemilih yang dijalankan dari 21 Mei 1989 sehingga 2 Julai 1989 ialah kira-kira 924,876 orang iaitu 693,468 pemilih baru dan 231,408 pemilih yang memohon bertukar alamat.

Dari bilangan di atas hasil pemerosesan peringkat pertama jumlah permohonan yang sedang dipertimbangkan ialah 875,295 iaitu 568,364 permohonan baru dan 306,931 untuk berpindah alamat. Pecahan permohonan mengikut negeri adalah seperti berikut:

Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	73,534
Perak	92,271
Terengganu	35,674
Sabah dan Labuan ..	47,575
Penang	70,546
Negeri Sembilan ..	37,043
Melaka	26,956
Kedah/Perlis	79,614
Johor	104,568

Selangor	153,338
Pahang	58,911
Kelantan	57,073
Sarawak	38,192

Untuk membersihkan daftar pemilih adalah penting bagi semua pemilih supaya menyemak rang-rang daftar pemilih apabila dipamerkan selama 2 minggu pada tiap-tiap tahun pada tankh-tarikh yang diumumkan melalui media-massa dan media-letronik di seluruh negara. Menerusi penyemakan oleh pemilih-pemilih yang berdaftar Suruhanjaya Pilihanraya akan dapat mengatasi sebahagian besar daripada masalah menyediakan daftar pemilih yang bersih dengan cara mengeluarkan nama-nama mereka yang tidak lagi layak atau tidak lagi bermastautin di bahagian-bahagian pilihanraya di mana-mana mereka telah didaftarkan. Suruhanjaya tidak boleh sewenang-wenang memotong nama-nama pemilih sekiranya tidak mendapat bantahan mengenai orang-orang yang tidak layak atas sebab-sebab tertentu termasuk sebab tidak lagi bermastautin di dalam bahagian-bahagian pilihanraya tertentu, kerana undang-undang tidak membolehkan berbuat demikian melainkan menerusi undang-undang sepertimana yang dinyatakan di atas.

KUMPULAN 7—KENYATAAN PERDANA MENTERI

22. Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

(a) apakah yang dimaksudkan dengan kegiatan subversif Kumpulan 7 semasa beliau bercakap di Belgrade baru-baru ini. Sejauh manakah Perdana Menteri yakin adanya bukti-bukti konkrit mengenai kegiatan subersif di negara-negara tersebut;

(b) dalam hubungan di atas, Perdana Menteri banyak mengambil Jepun sebagai contoh. Tidakkah Malaysia takut kalau-kalau Jepun marah dengan amaran Perdana Menteri itu dan ini mungkin menjejaskan hubungan Malaysia—Jepun; dan

(c) Menyedari akan kegiatan negara-negara tersebut (khususnya Jepun), adakah Malaysia bercadang untuk melupakan saja Dasar Pandang ke Timur.

Menteri Luar Negeri (Dato' Haji Abu Hassan bin Haji Omar):

(a) Sebenarnya Y.A.B. Perdana Menteri tidak menggunakan perkataan "kegiatan subversif". Apa yang Y.A.B. Perdana Menteri maksudkan ialah bahawa dalam usaha mencari penyelesaian ke atas masalah atau perselisihan di antara, mereka, negara-negara Kumpulan 7 telah mencapai kata sepakat, yang secara langsung atau tidak langsung, telah mendatangkan kesan buruk ke atas ekonomi negara-negara membangun, termasuk Malaysia. Contoh paling ketara ialah kata sepakat mereka di dalam isu kewangan, terutamanya isu pertukaran mata-wang. Sudah sampai masanya negara-negara membangun tampil ke hadapan untuk menyuarakan perasaan tidak puashati mereka terhadap tindak-tanduk Kumpulan 7 itu.

(b) Y.A.B. Perdana Menteri telah sering kali mengambil Jepun sebagai contoh kerana sebahagian besar atau 30% hutang luar Malaysia adalah dalam mata-wang Yen, iaitu mata-wang

Jepun. Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, lanjutan dari kata sepakat mengenai isu pertukaran mata-wang, nilai Yen telah banyak meningkat jika dibandingkan dengan nilai mata-wang Dollar atau Ringgit. Akibatnya hutang luar Malaysia dalam mata-wang Yen telah meningkat lebih kurang 50% dan ini telah mendatangkan kesan yang buruk ke atas kedudukan kewangan dan ekonomi negara kita. Y.A.B. Perdana Menteri telah kerap kali membangkitkan isu ini dengan Perdana Menteri Jepun dan Jepun memahami masalah yang dihadapi oleh Malaysia akibat kenaikan nilai Yen itu.

- (c) Bagi menjawab soalan (c) ingin saya menyatakan bahawa isu hutang antarabangsa adalah satu isu yang tidak ada kaitan langsung dengan Dasar Pandang ke Timur. Yang demikian, soal ada kita patut melupakan Dasar Pandang ke Timur tidak timbul sama sekali.

TANAH TERBIAR

23. Dato' Dr Affifuddin bin Haji Omar minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan setakat ini berapa luaskah tanah terbiar dan berapa banyakkah bilangan peserta yang terlibat di dalam pemulihan dan penyatuan tanah yang tidak melibatkan penanaman getah atau kelapa sawit; berapa luaskah tanah-tanah yang disatu dan dipulihkan di bawah penanaman getah dan kelapa sawit yang dipunyai oleh tuan-tuan yang bukan petani dan tidak tinggal di desa.

Tuan Mohamed bin Jamrah: Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar melalui FELCRA

telah mengendatikan kira-kira 17,962 hektar tanah-tanah terbiar yang tidak ditanam dengan getah dan kelapa sawit di bawah program pemulihan dan penyatuan tanah. Manakala jumlah peserta yang terlibat di bawah program tersebut yang tidak menanam getah atau kelapa sawit ialah seramai kira-kira 8,454 orang.

Perangkaan sebenar mengenai luas tanah-tanah yang disatu dan dipulihkan yang ditanam dengan getah dan kelapa sawit yang dipunyai oleh tuan-tuan yang bukan petani dan tidak tinggal di desa, tidak diperolehi pada masa ini. Walau bagaimanapun, adalah dianggarkan kira-kira 15% dari tanah-tanah yang disatu dan dipulihkan yang ditanam dengan getah dan kelapa sawit itu adalah kepunyaan tuan-tuan tanah yang bukan dari golongan petani dan tidak tinggal di tempat berkenaan.

(Soalan No. 24. Sila lihat jawapan No. 9 pada 19-10-89).

IJAZAH PERUBATAN UNIVER-SITI MALAYA—PENGIKTIRAFAN

25. Tuan Lim Guan Eng minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) apakah tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan ekoran keputusan Majlis Perubatan Am (GMC) United Kingdom menarik balik pengiktirafan penuh bagi ijazah perubatan Universiti Malaya (UM) dan langkah-langkah yang telah diambil untuk mendapatkan semua pengiktirafan penuh;
- (b) kenapa cadangan-cadangan yang diketengahkan oleh GMC lima tahun lalu seperti mempertingkatkan peralatan, tenaga pengajar dan kurikulum fakulti yang membawa kepada penarikan-balik pengiktirafan tidak dipertimbangkan; dan

- (c) sama ada tindakan akan diambil terhadap mereka yang bertanggungjawab atas penarikan-balik pengiktirafan dan jika ada, namakan mereka.

Dr Leo Michael Toyad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) Kementerian Pendidikan telah pun meneliti teguran-teguran yang diutarakan oleh "General Medical Council" United Kingdom terhadap Fakulti Perubatan Universiti Malaya dan tindakan-tindakan telah dan sedang diambil untuk mempertingkatkan lagi keupayaan Fakulti berkenaan.

Antara tindakan-tindakan yang telah dan sedang diambil ialah:

- (i) Universiti Malaya telah diberi kelonggaran oleh JPA untuk melantik dan mendapatkan perkhidmatan pensyarah-pensyarah yang bertauliah dan berkeelayakan dari luar negeri secara kontrak.
- (ii) Peruntukan tambahan sebanyak \$64 juta telah diberi untuk mempertingkatkan kemudahan di Hospital Universiti.
- (iii) Kerajaan telah memperkenankan Fakulti Perubatan UM menggunakan Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Kelang sebagai Hospital Pengajar (Teaching Hospital).
- (iv) Meneliti kembali program-program perubatan untuk disesuaikan dengan keperluan dan kehendak-kehendak semasa.

- (b) Cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh GMC lima tahun yang lalu memang diberi perhatian dan dipertimbangkan dan tindakan susulan yang sewajarnya telah pun dijalankan seperti berusaha mendapatkan peruntukan tambahan, perkhidmatan pensyarah-pensyarah yang berkeelayakan, meneliti program-program perubatan supaya sesuai dengan keperluan dan kehendak semasa, memperluaskan kemudahan-kemudahan pengajaran di Hospital-hospital dan sebagainya.

Walau bagaimanapun terdapat beberapa kekurangan (constraints) seperti kekurangan peruntukan, kekurangan tenaga pengajar dan lain-lain menyebabkan langkah-langkah yang diambil kurang berkesan.

- (c) Memandangkan Kementerian Pendidikan tidak mempunyai bukti-bukti nyata tentang adanya individu atau pihak tertentu yang menyebabkan pengiktirafan ini ditarik balik, tindakan yang sepatutnya tidak dapat dilaksanakan.

(Soalan No. 26. Sila lihat jawapan No. 9 pada 19-10-89).

DEMAM DENGGI/HEPATITIS B/ AIDS—PENCEGAHAN

27. Tuan Samson Chin Chee Tsu minta Menteri Kesihatan menyatakan langkah-langkah pencegahan yang telah diambil atau akan dilaksanakan untuk menahan merebaknya:

- (a) Demam Denggi;
(b) Hepatitis B; dan
(c) AIDS

di negara ini memandangkan kepada Tahun Melawat Malaysia 1990.

Timbalan Menteri Kesihatan (Tuan Mohamed Farid bin Ariffin):

(a) Langkah-langkah pencegahan yang sedang diambil untuk menahan merebaknya demam denggi di negara ini adalah seperti berikut:

- (1) Pengurangan Punca Pembiakan (Source reduction) semua tempat yang membiak nyamuk Aedes dengan kerjasama dan sokongan penghuni-penghuni rumah dan pihak berkuasa tempatan.
- (2) Aktiviti Pendidikan Kesihatan termasuk publisiti melalui media-massa dipergiatkan untuk mendapatkan penglibatan masyarakat.
- (3) Kursus latihan untuk doktor-doktor dan paramedic dijalankan untuk mendapat diagnosa klinikal yang baik dan cepat.
- (4) Semburan pengasapan (fogging) dengan serta merta di kawasan yang di mana kes denggi dilaporkan atau disyaki.
- (5) Penguatkuasaan Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit terhadap penghuni rumah yang ada pembiakan nyamuk Aedes.

(b) Bagi mencegah merebaknya Hepatitis B, langkah-langkah berikut sedang dijalankan:

- (1) Memberikan imunisasi Hepatitis B kepada bayi yang lahir di hospital kerajaan, hospital swasta dan lain-lain kemudahan kesihatan kerajaan. Bagi

bayi yang lahir di rumah, imunisasi diberikan di rumah oleh bidan kerajaan.

- (2) Menjalankan aktiviti pendidikan kesihatan melalui kakitangan kesihatan, radio, TV dan juga akhbar-akhbar dengan tujuan untuk menyedarkan masyarakat tentang penyakit Hepatitis B, bagaimana ia merebak dan cara-cara pencegahannya.
- (3) Memastikan darah dan hasil darah yang digunakan bebas daripada Hepatitis B. Ini dijalankan ditabung-tabung darah di semua hospital kerajaan.
- (4) Memastikan semua alat-alat suntikan yang digunakan di hospital dan kemudahan-kemudahan kesihatan disucihama dan bebas daripada Hepatitis B.
- (c) Langkah-langkah yang telah diambil untuk mencegah penyakit AIDS daripada merebak telah pun dijawab dalam jawapan saya kepada soalan yang serupa daripada Y.B. Tuan Haji Abdul Rahman Bakar pada 16-10-1989.

Saya percaya langkah-langkah pencegahan yang diambil akan membantu menjayakan Tahun Melawat Malaysia 1990.

SAHAM MULTI PURPOSE HOLDING—DAKWAAN INSIDER TRADING

28. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan hasil penyiasatan yang dijalankan oleh Pendaftar Syarikat ke dalam dakwaan "insider trading" yang berlaku berkait dengan saham-saham

Multi-Purpose Holding ekoran percubaan pengambilalih MPH oleh Hume; sama ada terdapat apa-apa campurtangan peringkat atasan ke dalam penyiasatan yang dijalankan oleh Pendaftar Syarikat ke dalam Chua Mah Yu dari Syarikat Rashid Hussein berhubung dengan "insider trading" tersebut dan jika ya, beri butir-butir lanjut.

Dato Dr K. S. Nijhar: Penyiasatan terhadap dakwaan adanya "insider trading" berkaitan dengan saham-saham Multi-Purpose Holding (MPH) berikutan dengan percubaan pengambilalihan MPH oleh Hume telah dijalankan dengan rapi.

Penyiasatan ke atas dakwaan ini beium selesai dan masih diteruskan. Setakat ini pihak Pendaftar Syarikat tidak dapat apa-apa bukti yang menunjukkan sama ada Chua Mah Yu daripada syarikat Rashid Hussein ataupun mana-mana orang pun terlibat dengan perbuatan "insider trading" yang didakwa itu.

Pertanyaan sama ada adanya campurtangan daripada peringkat atasan di dalam penyiasatan ini adalah tidak benar.

USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18:

Kematian Encik Anthonysamy a/l Dewarsiu—Tahanan Polis

4.07 ptg.

Dr Chen Man Hin (Seremban): Tuan Yang di-Pertua, bahawa di bawah Peraturan Mesyuarat 18 (1), Majlis Mesyuarat ini mengizinkan Ahli Parlimen Seremban, Yang Berhormat Dr Chen Man Hin menanggukhkan majlis mesyuarat ini untuk membincangkan kelalaian Polis yang telah menyebabkan kematian tiba-tiba Encik Anthonysamy a/l Dewarasiu, berumur 30 tahun dan berumahtangga

dengan tiga orang anak, pada 16hb Oktober, 1989, sewaktu beliau berada dalam tahanan Polis di Ibu Pejabat Polis Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur.

Perkara ini adalah tertentu iaitu mengenai kelalaian Polis atas seorang yang di bawah tahanan Polis yang telah menyebabkan kematian. Anthonysamy telah ditangkap oleh Polis pada 4hb Oktober, 1989 untuk memastikan sama ada beliau yang disyaki itu terlibat dengan seorang lain yang telah ditembak mati. Adalah difahamkan beliau telah ditahan di lock-up Polis di Ibupejabat Polis Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri dan di antara 4hb Oktober, 1989 hingga kematiannya pada 16hb Oktober, 1989 keluarga beliau tidak langsung diberitahu oleh Polis tentang penangkapan dan penahanan beliau itu.

Adalah juga difahamkan bahawa pada 16hb Oktober, 1989 pada lebih kurang jam 11.30 pagi, Anthonysamy telah dibawa dari tingkat tujuh, Ibupejabat Polis Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur untuk disoal-siasat oleh seorang Pegawai Polis bernama Encik Liang, dari Bukit Aman dan setiba sahaja beliau di bilik soal-siasat itu, Anthonysamy telah rebah dan kemudiannya dibawa ke Hospital Besar, Kuala Lumpur di mana beliau diumumkan sebagai telah mati.

Mengikut Dr Abdul Rahman Yusof, Pakar Perunding Forensik, Anthonysamy telah mati kerana "congestive heart failure and bronchopneumonia". Hendaklah disedari bahawa pneumonia tidak boleh diidap dengan tiba-tiba. Ia akan mengambil masa beberapa hari sebelum seorang mengidap pneumonia. Sudah jelas bahawa pihak Polis tidak mengambil tindakan segera untuk menghantar Anthonysamy ke hospital sebaik sahaja wujudnya tanda-tanda awalan

pneumonia seperti menggigil, demam panas dan kesukaran bernafas dilihat atau diketahui.

Tidak boleh dinafi bahawa kematian Anthonysamy adalah disebabkan oleh kelalaian pihak Polis yang tidak mengambil berat tentang kesihatannya. Dan Kematian orang-orang di dalam pengawalan Polis telah kian bertambah semenjak kebelakangan ini.

Walaupun Anthonysamy ditahan sebagai orang yang disyaki, namun beliau berhak untuk menerima rawatan perubatan serta keluarganya harus dimaklumkan tentang penangkapan dan penahanannya. Dan sikap pihak Polis sedemikian harus dikutuk oleh setiap insan yang inginkan keadilan dan menghormati hak-hak asasi manusia.

Bahawa Majlis Mesyuarat ini memutuskan supaya satu penyiasatan penuh diadakan di atas kematian Anthonysamy itu dan tindakan sewajarnya diambil terhadap pegawai-pegawai polis yang lalai dan terlibat dalam perkara ini. Dan Kerajaan haruslah mengambil langkah-langkah yang segera dan perlu untuk memastikan orang-orang yang ditahan menikmati kemudahan-kemudahan asas seperti rawatan perubatan, hak untuk menemui peguam dan keluarganya. Sekian, terima kasih. *(Tepuk)*

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, usul yang dibacakan oleh Yang Berhormat dari kawasan Seremban itu telah dibawa olehnya di bawah Peraturan Mesyuarat 18 (1) untuk meminta keizinan Dewan ini supaya mesyuarat hari ini ditangguhkan bagi maksud membincangkan suatu perkara tertentu bagi kepentingan orangramai yang berkehendak disegerakan. Saya telah

menerima Pemberitahu Usul itu daripada Yang Berhormat dari Seremban petang semalam.

Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa usul seumpama ini mesti menepati tiga syarat sebelum saya sebagai Tuan Yang di-Pertua dapat menerimanya untuk dibahas oleh Dewan ini. Ketiga-tiga syarat yang mesti dipenuhi itu ialah;

- (1) la perkara tertentu;
- (2) la bagi kepentingan orangramai;
- (3) la berkehendak disegerakan.

Setelah meneliti usul Yang Berhormat itu saya dapati ia tidak memenuhi syarat (1) dan (3) syarat-syarat yang tersebut di atas.

Kita bersimpati dengan keluarga mendiang Encik Anthonysamy atas malang yang menimpa ke atas mereka dengan kematian Encik Anthonysamy. Walaupun yang demikian saya tidak bersetuju dengan hujah Ahli Yang Berhormat dari Seremban yang menyatakan perkara ini tertentu, kerana perkara kelalaian itu belum diterima oleh pihak kerajaan. Yang demikian tidaklah boleh dikatakan suatu perkara yang tertentu seperti kejadian tanah runtuh atau ampuan pecah umpamanya.

Perkara kelalaian kenalah disiasat terlebih dahulu dengan mengeluarkan keterangan dari kedua belah pihak dan selepas itu barulah pegawai yang menyiasat itu dapat menentukan sama ada terdapat faktor kelalaian. Proses ini lazimnya dibuat di dalam mahkamah dan bukan di bawah perkara 18 (2) Peraturan-peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat.

Seperkara lagi, usul ini memohon supaya satu penyiasatan penuh diadakan ke atas kematian Encik Anthonysamy dan tindakan sewajarnya diambil terhadap pegawai-pegawai Polis yang lalai dan terlibat dengan perkara itu. Saya telah mendapat

jaminan daripada kerajaan, satu siasatan Polis akan diadakan dan tindakan sewajarnya akan diambil terhadap sesiapa yang bertanggungjawab jika dari siasatan itu didapati ada pihakyanglalai.

Saya telah juga diberitahu iaitu satu penyiasaan Koroner akan diadakan pada 24-10-1989 atas kematian mendiang Encik Anthonysamy. Oleh kerana alasan-alasan yang tersebut ini, saya menolak usul Ahli Yang Berhormat itu.

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG KANUN TANAH NEGARA (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Kanun Tanah Negara: di bawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah; dibaca kali yang pertama; akan dibaca kali yang kedua pada Mesyuarat ini.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG BAHASA KEBANGSAAN (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang". (19hb Oktober, 1989)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Bukit Mertajam, sila sambung.

4.16ptg.

Tuan Chian Heng Kai (Bukit Mertajam): Tuan Yang di-Pertua, semalam saya berkata, Malaysia kita merupakan sebuah negara yang berbilang kaum dan berbilang bahasa. Demi menyatu-padukan berbilang kaum ini kami di DAP bersetuju dan menyokong Bahasa Malaysia sebagai Bahasa Kebangsaan untuk merapatkan hubungan antara kaum. Inilah pendirian DAP sejak ia ditubuhkan.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai seorang yang mencintai Bahasa Kebangsaan kita, inginlah saya di sini membangkitkan satu perkara yang pada pendapat saya merupakan satu halangan besar dalam perkembangan Bahasa Kebangsaan kita. Perkara ini ialah sebahagian besar rakyat yang juga menyayangi bahasa ibunda mereka berpendapat bahawa bahasa ibunda mereka telah disingkir akibat tindakan-tindakan anasir-anasir chauvanist Bahasa Kebangsaan kita.

Tuan Yang di-Pertua, contohnya seperti bahasa Cina tidak dibenarkan ditulis di papan tanda dalam Pesta Sea Food, dengan izin, di negeri Johor. Papan tanda tulisan Cina diturunkan dan dipijak di sebuah kedai di Setapak, Kuala Lumpur. Lebih-lebih lagi sepanduk Cina yang menyambut Presiden MCA, Datuk Dr Ling Liong Sik juga diturunkan di depan Datuk Dr Ling di Ipoh. Mungkin Datuk Dr Ling Liong Sik tidak berasa apa

Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Tuan Abdul Ghafar bin Baba): Tuan Yang di-Pertua, on a point of order.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, on a point of order.

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: On a point of order 36(1). Kita tidak membincangkan soal perkembangan

bahasa di Malaysia. Kita membincangkan masalah penggunaan Bahasa Kebangsaan di mahkamah dan beliau telah menyeleweng atau lari.

Tuan Yang di-Pertua: Bil di hadapan kita ialah Akta penggunaan Bahasa Kebangsaan di mahkamah. Jangan bercakap perkara yang lain.

Tuan Chian Heng Kai: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana ini satu Bahasa Kebangsaan digunakan di mahkamah pun satu langkah untuk memperkembangkan Bahasa Kebangsaan. Oleh kerana itu, saya ingat, apa yang saya katakan tadi ada bersangkutan dengan Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua: Saya kata tidak bersangkutan Yang Berhormat. Apa yang berlaku di Johor tidak bersangkutan dengan mahkamah.

Tuan Chian Heng Kai: Baiklah, Tuan Yang di-Pertua. Kalau begini dengan ini saya hanya ingin bercadang supaya satu jawatankuasa khas ditubuhkan " untuk mengkaji dan mencadangkan bagaimana lain-lain bahasa dapat diguna lebih meluas di negara kita di bawah Perkara 152 (1) (a) dan (b) Perlembagaan Persekutuan di samping kempen Bahasa Kebangsaan dilancarkan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Simunjan.

4.19ptg.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis (Simunjan): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga mengambil bahagian di dalam perbincangan mengenai rang undang-undang meminda Akta Bahasa Kebangsaan supaya ianya dipanjangkan untuk penggunaan di mahkamah di negara kita ini.

Sebelum saya menyentuh mengenai rang undang-undang ini, perlu juga saya memberi penjelasan kepada para pemberita bahawa

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat tidak boleh beri penjelasan

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Penjelasan di Dewan yang mulia ini, bukan pemberita. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Bahawa saya semenjak hari Selasa, Sessi Parlimen ini mengakui bahawa saya berdiri dan berucap sebagai wakil Parti Persatuan Rakyat Malaysia Sarawak (PERMAS), bukan lagi Bebas, dan saya jemputlah siapa yang ingin masuk PERMAS termasuk Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pun kalau hendak masuk boleh dan juga Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Dr Haji Sulaiman pun dijemput juga masuk, kalau ingin.

Dato' Dr Haji Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyatakan bahawa saya tidak ingin sama sekali masuk parti itu kerana parti itu telah menyeleweng daripada perjuangan asal. (*Tepuk*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat minta bercakap berkenaan dengan Bil yang ada di hadapan kita. Jangan bercakap berkenaan parti. Itu tidak bersangkutan.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, itu penjelasan sedikit.

Tuan Yang di-Pertua, bahasa menunjukkan bangsa. Runtuhnya bahasa, runtuhnya bangsa walaupun kalau runtuhnya bahasa mungkin ada yang mengatakan tidak runtuhnya bangsa. Saya mengucapkan tahniah

kepada pihak Kerajaan. Jadi kalau saya mengucapkan tahniah, ertinya parti yang saya anggotai ini tidaklah menyeleweng, kerana saya juga menyokong pihak Kerajaan atas daya usaha Kerajaan untuk meminda Undang-undang atau Akta ini supaya penggunaan Bahasa Malaysia yang kita sanjung tinggi dipanjangkan di mahkamah, setidak-tidaknya. Ini ialah satu manifestasi hasrat serius pihak Kerajaan untuk benar-benar melaksanakan dasar yang selama ini kita sanjung tinggi, yang kita anggap sebagai satu dasar yang dapat menyatupadukan seluruh rakyat di negara Malaysia yang tercinta ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga selalu menyanjung tinggi akan bahasa Inggeris terutama sekali yang dipergunakan oleh para peguam dan para Hakim kerana bahasa Inggeris yang dipergunakan oleh para peguam dan Hakim ini ialah bahasa Inggeris yang bermutu tinggi, yang mengagumkan, yang harus disanjung tinggi oleh seluruh yang membaca dan mendengar mereka mempergunakan bahasa Inggeris. Oleh kerana itu, dengan memanjangkan penggunaan Bahasa Malaysia di mahkamah-mahkamah di seluruh negara kita ini, saya selain daripada mengucapkan tahniah kepada pihak Kerajaan sekali lagi, meragui akan kemampuan para Hakim dan para peguam di negara kita ini dalam masa yang singkat untuk menggunakan Bahasa Malaysia yang bermutu tinggi sebagaimana juga bahasa Inggeris yang bermutu tinggi digunakan di mahkamah-mahkamah di negara kita ini.

Namun demikian, dengan terlaksananya dasar ini dan dengan terlulusnya pindaan kepada Akta ini, saya berdoa moga-moga para peguam, para Hakim yang bijaksana—selalunya orang kata Hakim ini bijaksana, walaupun orang lain pun bijaksana juga—supaya mereka ini dapat melaksanakan tugas sealiran dengan

hasrat untuk menggunakan Bahasa Malaysia yang bermutu tinggi, bukan hanya melepas batuk di tangga, sebagaimana juga ramai daripada ahli-ahli iktisas di negara kita ini, malah ahli politik pun, minta maaf, termasuk saya sendiri mungkin, yang mutu Bahasa Malaysia yang dipergunakan kadang-kadang mereka sendiri faham, orang lain tidak faham. Kadang-kadang sudah masuk politik beratus tahun, misal kata, tetapi bahasanya masih macam itu—sendiri faham, orang lain tidak faham. Kalau bercakap macam di pasar ikan, orang mendengar dia bercakap, tetapi orang tidak faham.

Tuan Yang di-Pertua, inilah harapan saya sebenarnya supaya jangan hanya melaksanakan tugas sekadar melepaskan batuk di tangga, takut nanti sebagaimana telah diperkatakan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri bahawa andai kata bahasa yang dipergunakan di mahkamah nanti tidak betul dipergunakan, ianya tentu dan pasti akan menjejaskan keadilan yang kita harap-harapkan dapat kita laksanakan. Dalam soal penggunaan bahasa dalam sektor undang-undang, ianya boleh mengelirukan dan boleh diinterpretasikan sebagaimana yang dikehendaki oleh yang menginterpretasikannya. Jadi kalau salah interpretasi, maka salahlah maksudnya. Maka ini mungkin akan mengakibatkan bahawa yang dituduh itu akan kena hukum, misal kata, secara yang melulu walaupun dia tidak sepatutnya dihukum.

Tuan Yang di-Pertua, saya menegaskan soal mutu ini kerana para iktisas termasuk juga ahli-ahli politik adalah golongan yang dianggap oleh rakyat biasa, para pelajar di universiti, para pelajar di sekolah-sekolah dan juga institusi-institusi lain di negara kita ini menganggap mereka ini sebagai golongan yang memimpin negara kita. Yang memimpin bukan hanya baik dari segi memimpin dan menyuruh orang berbuat ini dan itu tetapi memimpin

dari segi memberi contoh yang baik kepada rakyat dan kalau pemimpin menggunakan bahasa yang tidak senonoh, yang kurang memberi minat kepada pendengar, maka bagaimana kita menganggap diri sebagai pemimpin. Para Hakim dan para peguam begitu juga termasuk dalam golongan yang dianggap oleh rakyat jelata dan para pelajar kita sebagai pemimpin. Kalau mereka ini di anggap dan menganggap diri sebagai pemimpin, maka sudah pasti saya rasa, tugas mereka ialah memberi contoh yang baik kepada rakyat jelata, kepada pelajar-pelajar kita di institusi-institusi pengajian tinggi dan rendah supaya apa yang disebutkan, bahasa yang dipergunakan adalah bahasa yang benar-benar menggambarkan kedaulatan dan keutuhan bahasa kita yang kita agung-agungkan.

Tuan Yang di-Pertua, kita mesti sedar bahawa kita ini berada di barisan hadapan. Begitu jugalah para Hakim dan para peguam. Oleh kerana itu bukan hanya kita sebagai Wakil Rakyat, misai kata, bertugas untuk memperhalusi bahasa dan penggunaan bahasa, tetapi para Hakim dan para peguam juga harus berkumpul dan menubuhkan satu persatuan ataupun satu agensi, satu "Task Force" yang dapat memikirkan bersama untuk membantu para cendekiawan dalam soal bahasa dan juga Dewan Bahasa dan Pustaka untuk mengeluarkan istilah-istilah undang-undang yang sesuai, kerana saya pernah mendengar Yang Berhormat Menteri Pendidikan. . . .

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat dari Larut bangun.

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Minta penjelasan, Tuan Yang di-Pertua. Tidakkah Yang Berhormat dari Simunjan yang bercakap berapi-rapi itu mengetahui

bahawa Dewan Bahasa dan Pustaka sudah mempunyai istilah undang-undang?

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, memang saya tahu itu. Saya mencadangkan juga supaya mungkin yang dibuat itu belum cukup kerana bahasa ini tumbuh. Bahasa ini tumbuh subur ertinya sentiasa hidup bak bunga yang mekar dengan bau yang harum. Jadi, oleh kerana bahasa adalah bak pokok bunga yang mungkin mengeluarkan bunga yang berbau harum ianya mekar dan sentiasa tumbuh. Jadi, oleh kerana itu, apa yang sudah ada sentiasa tidak cukup dan harus ditokok-tambah supaya lebih sesuai lagi dipergunakan. Jadi, dengan pelaksanaan dasar penggunaan Bahasa Malaysia di mahkamah ini, saya rasa kena dan tepat pada tempat dan masanya supaya Bahasa Malaysia dari segi istilah undang-undang dapat diperhalusi. Bukan saya katakan belum ada lagi memang ada, tetapi diperhalusi. Kadang-kadang Bahasa Malaysia sendiri sekarang pun mengelirukan.

Di peringkat sekolah-sekolah dan di universiti-universiti, ada yang ejaannya ini, ada yang ejaannya itu, ada yang pronunciation ataupun bunyinya macam ini. Bunyi "gula", ada yang kata "gule", ada yang kata "kayu", ada yang kata "kaya", misal katalah. (*Ketawa*) Ada yang kata "tidur", ada yang kata "tinduk", ada "tinok" misal kata. Jadi, yang mana betul? Jadi, itu belum betul sebenarnya. Jikalau ini berlaku, ertinya bahasa itu kadang-kadang perlu diperhalusi. Ada yang berbahasa baku, ada yang tidak tahu apa bahasa baku, ada yang menjawab soalan mengenai bahasa baku pun tidak tahu apa bahasa baku. Ada! Jadi, ini perlu kita perhalusi. Sebab itulah saya menyarankan supaya para peguam dan para Hakim yang akan menggunakan istilah-istilah undang-undang ini akan bekerjasama dengan erat dengan

Dewan Bahasa dan Pustaka supaya dapat diperhalusi istilah-istilah undang-undang yang ada sekarang supaya mutunya bertambah tinggi dan lebih bermakna lagi pelaksanaan dasar ini.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-
pengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, melihat kandungan Rang Undang-undang ini ternyata ianya membolehkan penggunaan Bahasa Malaysia dalam mahkamah. Ertinya Bahasa Malaysia boleh digunakan dalam mahkamah tetapi sekiranya penggunaan bahasa itu didapati menjeopardikan, ini bahasa yang saya gunakan sendiri—atau "jeopardise" dalam bahasa Inggeris, keadilan itu sendiri maka bahasa Inggeris harus terus dipergunakan. Dari peruntukan yang berbunyi sedemikian kita takut, walaupun kita tidak menghalang dan menentang, tetapi kita takut para hakim dan para peguam menjadikan perkara ini satu alasan ataupun excuse untuk tidak memberi kerjasama kepada Kerajaan dalam mempereratkan dan mempergiatkan penggunaan Bahasa Malaysia di mahkamah-mahkamah di negara kita ini. Mereka tentunya mungkin sebagai peguam yang pakar dalam menimbulkan alasan-alasan yang lojik ataupun tidak lojik kerana peguam ini kadang-kadang pandai membuat ulasan—sama ada lojik atau tidak, kita tidak tahulah.

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan (Larut): Tuan Yang di-Pertua, Peraturan Mesyuarat 36 (10). Ini menyakit-nyakitkan hati peguam-peguam. (*Ketawa*) Dia kata peguam buat ulasan tidak lojik. Kerana dia bukan peguam, dia tidak tahu yang mana lojik dan yang mana tidak lojik. (*Ketawa*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, teruskan.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Tidak, saya ini kata sama ada lojik atau tidak lojik terpulang kepada orang yang menginterpretasikan. Tetapi kepada saya ianya lojik dan kawan kita ini pun kawan saya sendiri juga dan apa yang dikemukakan itu memang lojik. Jadi, ada juga golongan yang mengatakan tidak lojik. Jadi, kita tidak tahulah apa anggapan orang-orang lain. Jadi, takut nanti mereka sebagai peguam mungkin memperalatkan peruntukan seumpama ini untuk tidak mengambil berat tentang penggunaan Bahasa Malaysia di mahkamah. Akibatnya matlamat Kerajaan untuk melaksanakan dasar penggunaan Bahasa Malaysia sepenuhnya di mahkamah tidak mungkin akan tercapai dalam jangkamasa yang diharapkan.

Saya mencadangkan supaya Kerajaan menetapkan "time frame", dengan izin, dari hari ini tnisal kata sehingga 5 tahun akan datang mereka boleh gunakan Bahasa Malaysia di samping bahasa Inggeris. Jadi, selepas tahun 1995 ataupun 1994, mereka mesti menggunakan Bahasa Malaysia sepenuhnya di mahkamah. Mungkin macam itu cadangan saya, supaya memberi satu time frame, peringkat demi peringkat ataupun mungkin dalam masa 5 tahun dari hari ini sehingga 5 tahun akan datang gunakan 50% ataupun 30% Bahasa Malaysia. Kemudian dari 5 tahun, dari masa 1994 hingga 2000, 70% Bahasa Malaysia. Kemudian, selepas itu 100%. Macam buat jalanraya juga ataupun macam Rancangan Malaysia Kelima menggunakan peringkat demi peringkat. Jadi, keseriusan pihak hakim dan peguam ini akan dapat kita tekankan dan dapat kita tentukan supaya mereka benar-benar serius dalam melaksanakan dasar penggunaan Bahasa Malaysia di Mahkamah.

Saya juga bersetuju dengan hasrat Kerajaan untuk melaksanakan dasar penggunaan ini di mahkamah bukan

sahaja atas sebab yang di atas tetapi atas sebab, pertamanya, selaras dengan dasar Bahasa Malaysia dan Bahasa Kebangsaan kita. Kedua, selaras dengan hasrat Kerajaan dan kita semua untuk menjinak-jinakkan para Hakim dan para peguam dengan penggunaan Bahasa Malaysia kerana kebanyakan peguam kita ini yang belajar di institusi pengajian tinggi di luar negeri. Jadi, walaupun mereka berasal daripada negara kita yang menggunakan Bahasa Malaysia tetapi oleh kerana didedahkan dengan suasana bahasa Inggeris di luar negeri, walaupun Yang Berhormat dari Larut seorang peguam memang dia fasih berbahasa Malaysia, tetapi ramai yang oleh kerana terbawa-bawa dengan bahasa Inggeris itu lupa Bahasa Malaysia dan tidak dijinak-jinakkan dengan Bahasa Malaysia. Jadi, hanya segelintir sahaja ataupun mungkin sebahagian sahaja termasuk Yang Berhormat dari Larut yang benar-benar baik dan menggunakan Bahasa Malaysia bermutu tinggi. Jadi, kita berikan tahniah kepada beliau itu dan yang lain-lain.

Yang ketiga, yang saya menyanjung tinggi dan menyokong ialah kebanyakan kes-kes yang dihadapkan di mahkamah-mahkamah di negara kita di masa lepas dan di masa kini adalah melibatkan warganegara-warganegara Malaysia dan sebahagian besar dari mereka itu tentunya memahami Bahasa Malaysia lebih daripada mereka memahami bahasa Inggeris. Jadi, oleh kerana itu, saya rasa kena pada ketika, masa dan tempatnya untuk kita melaksanakannya dan begitu jugalah dengan saksi-saksi dan sebagainya dan juga para penonton di mahkamah yang berminat hendak mendengar kes itu. Jadi, mereka ini lebih memahami Bahasa Malaysia daripada bahasa Inggeris. Jadi, oleh kerana itu, saya rasa kena pada masa dan tempatnya. Jadi, oleh kerana itu, saya rasa parti yang saya anggotai ini tidak

menyeleweng daripada hasratnya kerana saya sokong Kerajaan dan matlamat Kerajaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mencadangkan di samping kita melaksanakan dasar ini, saya mencadangkan supaya penggunaan Bahasa Malaysia juga bukan hanya harus dijalankan di mahkamah-mahkamah, tetapi harus disebarkan penggunaannya di seluruh dunia di forum-forum, pertubuhan-pertubuhan yang besar, Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, Organisation of Islamic Conference (O.I.C), ASEAN dan sebagainya, kerana sebagaimana kita sedia maklum sekarang jumlah orang yang menggunakan Bahasa Malaysia di dunia ini adalah hampir 200 juta orang, orang Arab yang berbahasa Arab lebih kurang 150 juta orang. Jadi orang yang menggunakan Bahasa Kebangsaan termasuk Indonesia dan sebagainya hampir 200 juta orang, sedangkan bahasa Arab ini bahasa yang keenam digunakan di Bangsa-bangsa Bersatu. Tidak salah saya rasa kita cuba memasukkan Bahasa Malaysia sebagai bahasa yang ketujuh di Bangsa-bangsa Bersatu. Dengan saranan saya itu, saya mengucapkan terima kasih dan itu sahaja daripada saya. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud); Yang Berhormat dari Kuala Kedah.

4.42 *ptg.*

Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim (Kuala Kedah); Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian bersama-sama dengan rakan-rakan yang lain membahaskan Rang Undang-undang iaitu Rang Undang-undang Akta meminda Akta Bahasa Kebangsaan 1963/1967, yang telah pun dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri semalam di dalam Dewan yang mulia ini.

Saya ingin mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri di atas pembentangan olehnya Rang Undang-undang pindaan Akta Bahasa Kebangsaan itu yang bertujuan menggantikan seksyen 8 dengan seksyen 8 yang baru bagi memberi keutamaan kegunaan Bahasa Kebangsaan di semua mahkamah daripada Mahkamah Rendah hinggalah ke Mahkamah Agong.

Mengikut seksyen 8 yang lama, prosiding-prosiding di mahkamah boleh dijalankan di dalam Bahasa Kebangsaan sepenuhnya atau bahasa Inggeris sepenuhnya, atau separuh dalam Bahasa Kebangsaan dan separuh dalam bahasa Inggeris. Di bawah seksyen 8 tersebut mahkamah selepas menimbangkan kepentingan keadilan dalam prosiding tersebut boleh mengarahkan supaya prgsiding itu dijalankan sepenuhnya dalam Bahasa Kebangsaan ataupun sepenuhnya di dalam bahasa Inggeris. Dengan pindaan ini di bawah seksyen 8 yang baru segala prosiding hendaklah di dalam Bahasa Kebangsaan. Walaupun demikian, masih ada lagi proviso untuk mahkamah selepas menimbangkan kepentingan keadilan dalam mana-mana prosiding memerintahkan supaya prosiding itu dijalankan sebahagian dalam Bahasa Kebangsaan dan sebahagian dalam bahasa Inggeris atau kesemuanya dalam bahasa Inggeris.

Tuan Yang di-Pertua, kita tidak dapat menafikan bahawa dari segi keupayaan Bahasa Kebangsaan boleh menjadi bahasa utama di dalam semua prosiding di mahkamah pada hari ini, bahkan banyak prosiding-prosiding di Mahkamah-mahkamah Rendah dan di Mahkamah-mahkamah Tengah telah lama dapat dijalankan dalam Bahasa Kebangsaan keseluruhannya. Prosiding-prosiding di Mahkamah-mahkamah Rendah tidak menggunakan bahasa undang-undang yang

rumit-rumit yang perlu dimajukan sebelum satu-satu prosiding dapat dijalankan dalam Bahasa Kebangsaan. Sungguhpun ada pihak-pihak yang mengatakan bahawa istilah-istilah undang-undang dalam Bahasa Kebangsaan belum lengkap dan sempurna pada hari ini, tetapi hakikat ini tidak akan menghindarkan mana-mana prosiding oleh pihak yang terlibat yang boleh menggunakan istilah itu dalam bahasa asalnya iaitu bahasa Inggeris atau Latin dan sebagainya. Dari segi Hakim-hakim dan peguam-peguam pula saya rasa negara kita sudah membuat persiapan-persiapan untuk memberi kursus-kursus dan latihan undang-undang di dalam Bahasa Kebangsaan.

Di universtti-universiti tempatan peguam-peguam yang pertama lulus di dalam pengajian di Fakulti Undang-undang tempatan dalam Bahasa Kebangsaan ialah pada bulan Jun tahun 1987. Bagi peguam-peguam baru ini kegunaan Bahasa Kebangsaari di dalam prosiding-prosiding di mahkamah tidak akan menjadi masalah kepada mereka dan mereka juga layak dipilih menjadi Hakim Mahkamah-mahkamah Rendah dan pegawai-pegawai undang-undang lain di Mahkamah Tinggi dan sebagainya. Dengan diberi masa yang cukup mereka juga akan dapat mengendalikan semua prosiding-prosiding di dalam Bahasa Kebangsaan di Mahkamah-mahkamah Tinggi dan di Mahkamah Agong apabila mereka layak kelak dipilih sebagai Hakim di mahkamah-mahkamah tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang menjadi masalah di dalam kegunaan Bahasa Kebangsaan di mahkamah ialah kepada Peguam-peguam dan Hakim-hakim yang lama yang mendapat latihan mereka di dalam bahasa Inggeris, begitu juga bagi peguam yang mendapat latihan undang-undang mereka di negara-negara lain seperti di Singapura, Australia, New Zealand dan United

Kingdom. Bagi mereka itu proviso di dalam seksyen 8 baru boleh membantu mereka untuk menjalankan prosiding-prosiding di mahkamah, sebahagian di dalam Bahasa Kebangsaan dan sebahagian di dalam bahasa Inggeris. Masalah mereka tidak boleh dijadikan alasan kenapa Rang Undang-undang Pindaan ini tidak dapat disokong oleh sebab Rang Undang-undang ini telah diambilkira orang-orang seperti itu, bahkan Tuan Yang di-Pertua, demi kepentingan keadilan kesemua manamana prosiding boleh dijalankan di dalam bahasa Inggeris. Peguam-peguam dan Hakim-hakim di dalam kategori ini adalah berkurangan dari semasa ke semasa apabila mereka ini juga dapat membiasakan diri dalam kegunaan Bahasa Kebangsaan ataupun mereka ini akan bersara dan digantikan dengan Peguam-peguam dan Hakim-hakim yang terlatih dalam Bahasa Kebangsaan.

Walau bagaimanapun Tuan Yang di-Pertua, kita tidak dapat menidakkan bahawa masih ramai lagi rakyat Malaysia terpaksa pergi mempelajari undang-undang di negara-negara lain seperti Australia, New Zealand dan United Kingdom. Bagi mereka sudah tentulah tidak dapat mengendalikan prosiding-prosiding di mahkamah dalam Bahasa Kebangsaan sebaik sahaja mereka pulang ke tanahair. Mereka perlukan masa dan kursus-kursus tertentu untuk menggunakan Bahasa Kebangsaan sepenuhnya di mahkamah-mahkamah. Buat masa sekarang kursus untuk mendapat Perakuan amalan undang-undang bagi graduan-graduan luar negeri adalah di dalam bahasa Inggeris. Oleh yang demikian saya mencadangkan kursus-kursus seperti ini hendaklah dijalankan dalam Bahasa Kebangsaan. Bagi graduan-graduan seperti ini pihak Kerajaan dengan kerjasama Majlis Peguam dan Institusi Pengajian Tinggi hendaklah mengadakan kursus peralihan untuk membiasakan mereka dengan Bahasa Kebangsaan sebagai bahasa rasmi mahkamah-mahkamah.

Tuan Yang di-Pertua, kita berbangga kerana masanya sudah tiba untuk kita menggunakan bahasa kita sendiri di mahkamah-mahkamah, tetapi dengan berbangga sahaja tidak mencukupi jika tidak ada satu usaha yang serius untuk membuat perediaan-persediaan bagi menggubal istilah-istilah undang-undang yang boleh diterima sebagai istilah-istilah Bahasa Kebangsaan yang sah.

Saya difahamkan Dewan Bahasa dan Pustaka telah mencetak 3 edisi istilah undang-undang dan didapati istilah untuk perkataan-perkataan yang sama adalah berlainan di antara 3 edisi ini. Buat masa ini tidak ada satu versi yang boleh diterima sebagai sah untuk digunakan di mahkamah.

Tuan Yang di-Pertua, didapati banyak istilah-istilah yang dikeluarkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka adalah dipinjam terus daripada bahasa asal dengan dipinda sedikit dari segi ejaan. Contohnya, di dalam buku istilah undang-undang yang dikeluarkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka, saya rujukan mukasurat 50, misalannya perkataan-perkataan yang saya sebutkan ini menunjukkan bahawa perkataan-perkataan Inggeris dipinjam terus menjadi perkataan di dalam Bahasa Kebangsaan.

Yang pertamanya, perkataan "fee" di dalam bahasa Inggeris, juga disebut "fee" di dalam Bahasa Kebangsaan. "Felony" juga diterjemahkan kepada Bahasa Kebangsaan sebagai "feloni", cuma ejaannya sahaja digunakan "i" digantikan dengan "y". "Feudal system"—"sistem feudal", "flat"—"fiat". "fiduciary" dan banyak lagi-lah contoh-contoh yang lain, Tuan Yang di-Pertua.

Begitu juga di mukasurat 114 sebagai contoh lanjutan, perkataan-perkataan seperti "reservation" diterjemahkan kepada perkataan "reservasi"; "reserve land"—"tanah rizab", dan

banyak lagilah, Tuan Yang di-Pertua, perkataan-perkataan seperti "restitution" diterjemahkan kepada "restituisi" dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, adalah perlu pihak Dewan Bahasa dan Pustaka membuat penyelidikan yang lebih mendalam supaya istilah-istilah ini tidak dikedok secara borong daripada bahasa asalnya tetapi diterjemahkan benar-benar di dalam Bahasa Kebangsaan. Kita boleh lebih berbangga jika kita dapat berbuat demikian.

Ketiga, Tuan Yang di-Pertua, kita masih tidak dapat mengeluarkan satu kamus undang-undang dalam Bahasa Kebangsaan yang rasmi. Saya difahamkan Dewan Bahasa dan Pustaka telah menubuhkan satu jawatankuasa untuk menyediakan kamus ini tetapi jawatankuasa ini tidak diberi apa-apa peruntukan khusus dan ahli-ahli jawatankuasa ini boleh dikatakan menjalankan tugas mereka secara sukarela. Ini menunjukkan bahawa usaha ini tidak dilaksanakan dengan serius. Saya berharap Kerajaan akan membetulkan keadaan ini supaya satu kamus undang-undang dalam Bahasa Kebangsaan yang rasmi dapat disediakan untuk kegunaan mahkamah-mahkamah.

Keempat, Tuan Yang di-Pertua, masih banyak bahan-bahan rujukan seperti buku-buku, kanun-kanun, laporan-laporan, perjanjian-perjanjian masih lagi di dalam bahasa Inggeris. Pleading-pleading di mahkamah juga masih ditulis dalam bahasa Inggeris, kaedah-kaedah Mahkamah Rendah dan Mahkamah Tinggi belum lagi diterjemahkan ke dalam Bahasa Kebangsaan dengan rasminya. Begitu-lah juga borang-borang yang dipakai di dalam kaedah-kaedah tersebut masih di dalam bahasa Inggeris.

Demi untuk keadilan, saya rasa usaha yang bersungguh-sungguh hendaklah dijalankan untuk membuat

persiapan-persiapan supaya Rang Undang-undang pindaan ini dapat dilaksanakan dengan jayanya. Meluluskan undang-undang sahaja tidak mencukupi jika persiapan-persiapan untuk pelaksanaannya tidak seimbang dengan semangat Rang Undang-undang tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, dengan harapan yang demikian, saya dengan sukacitanya menyokong Rang Undang-undang ini untuk meminda Akta Bahasa Kebangsaan 1963/1967. Terima Kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa.

4.55 ptg.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad (Pengkalan Chepa): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk membahaskan Rang Undang-undang meminda Akta Bahasa Kebangsaan 1963/1967 bagi membolehkan semua peringkat mahkamah di dalam negara ini berjalan dalam Bahasa Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, 30 tahun lebih kita merdeka tetapi hari inilah Rang Undang-undang ini dibentangkan dalam Dewan Parlimen ini. Saya percaya ramai orang akan bergembira dengan pembentangan Rang Undang-undang ini, lebih-lebih lagi pihak Kerajaan sendiri yang dapat membentang serta akan menerima kelulusan setelah tamat perbahasan nanti.

Tuan Yang di-Pertua, memang kita akui bahasa ini menjadi hakmilik bagi setiap bangsa kerana setiap bangsa ada milik bahasa, lebih-lebih lagi pihak Kerajaan dan negara, kesemuanya ada bahasa-bahasa yang tertentu yang digunakan untuk menjadi lidah penyatuan masyarakat dan sebagainya. Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, sebelum Rang Undang-undang ini diluluskan dan walaupun Kerajaan

telah menunggu masa lebih 30 tahun, masih ada lagi kedengaran suara-suara dari anggota Dewan di mana mereka merasa bimbang sekiranya Rang Undang-undang ini diluluskan, kemampuan pihak pengguna sama ada para hakim ataupun pihak peguam tidak akan berupaya untuk menjalani perbicaraannya melalui kehendak Bahasa Kebangsaan ini. Dan yang saya bimbang sekali kalau ada hakim-hakim daripada orang Melayu sendiri ataupun peguam-peguam daripada orang Metayu sendiri tidak mampu dan inilah mungkin salah satu daripada sebab Rang Undang-undang ini terpaksa ditunggu bertahun-tahun lamanya untuk dibentangkan.

Sebab, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak tahu mengapa Rang Undang-undang ini terlewat dibentangkan, adakah kerana pihak Kerajaan tidak begitu penuh berminat ataupun kerana wahyu belum diterima hingga menyebabkan 30 tahun lebih Rang Undang-undang ini baru dibentangkan.

Sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil peluang ini untuk menyentuh sedikit sahaja masalah yang mungkin tidak terfikir oleh sahabat-sahabat saya. Tuan Yang di-Pertua, bagaimanapun Rang Undang-undang ini tetap memberi kelonggaran, kononnya demi kepentingan keadilan, maka perjalanan mahkamah boleh berjalan dalam bahasa Inggeris sama ada secara sekerat-sekerat ataupun sepenuhnya. Saya tidak membantah terhadap kelonggaran yang dibuat demi kepentingan keadilan kerana keadilan adalah di atas daripada segala-galanya malah mendaulatkan Bahasa Kebangsaan ataupun mendaulatkan bahasa syurga sekalipun tidaklah begitu tinggi maknanya jika dibandingkan dengan matlamat dan kepentingan keadilan itu sendiri.

Satu perkara yang harus saya ingatkan bahawa tidak ada apa-apa maknanya mahkamah berjalan dalam

Bahasa Kebangsaan kalau roh keadilan tidak ada dalam sistem perundangan dan mahkamah kita. Berikutan dengan campurtangan Kerajaan dalam sistem Kehakiman negara, kemuncaknya ialah pemecatan Ketua Hakim Negara, Yang Amat Arif Tun Salleh Abas dan diikuti pula oleh pemecatan beberapa orang Hakim Mahkamah Agung, orang merasakan bahawa dacing yang menjadi simbol keadilan mahkamah itu sudah bertukar dengan "dacing" simbol Barisal Nasional dalam pilihanraya.

Kita seolah-olah nampak bahawa gambaran "dacing" itu seolah-olah ada dalam Rang Undang-undang ini. Memang keadilan dari Kerajaan kita dipertikai, malah ada yang terasa bahawa negara ini berada di bawah undang-undang hakim yang kita dengar banyak gelaran-gelaran disebut dan juga di dalam buku ditulis pun ada disebut "Hakim Beruk" yang dipenuhi oleh loyar-loyar buruk.

Tidak ada yang gembira dengan campurtangan Kerajaan dalam pemecatan Ketua Negara itu. Orang ke mahkamah bukanlah kerana percaya sangat kepada keadilan yang ada, tetapi menggunakannya demi sedikit keadilan yang masih ada, dari tidak ada keadilan langsung biarlah secebis keadilan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini kita meragui niat Kerajaan dalam mengemukakan Rang Undang-undang ini, walaupun menjadikan Bahasa Malaysia lebih berdaulat dengan Undang-undang ini, tetapi mengapa Rang Undang-undang ini baru sekarang dibentangkan, mengapa tidak dibentangkan sebelum ini? Oleh itu, saya beranggapan bahawa Rang Undang-undang ini dibentangkan bagi menarik sokongan orang Melayu, khususnya pengundi-pengundi Melayu yang akan mengundi dalam pilihanraya umum nanti dan dengan demikian moga-moga mereka boleh melupakan campurtangan Kerajaan dalam pemecatan Ketua Hakim Negara dan

beberapa orang Hakim Mahkamah Agung itu. Tidak dinafikan bahawa Dewan mencatat sejarah dalam usaha mendaulatkan Bahasa Rasmi negara di mahkamah-mahkamah, tetapi yang lebih penting dari itu ialah memastikan keadilan dijamin dan kemuliaan mahkamah itu dipulihkan. Biarlah kita menyetujui Rang Undang-undang ini dengan niat dan azam untuk meningkatkan terus keadilan supaya sekalian rakyat dan orang-orang yang memerlukan perlindungan undang-undang menikmati keadilan itu. Biarlah dengan kemajuan dalam mahkamah kita itu memberikan hak kepada setiap pihak yang memerlukan. Biarlah ia tidak akan mengecewakan sesiapa, tidak ada pihak yang haknya dirampas dan tidak ada pihak yang boleh merampas keadilan orang lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak menentang kelonggaran yang membolehkan kadang-kadang mahkamah berjalan dalam bahasa Inggeris atau dalam bahasa apa juga yang orang boleh faham dan keadilan boleh dicapai. Saya bimbang kalau-kalau kelonggaran ini dibuat demi Barisan hendak menjaga jangan hilang undi orang bukan Melayu dan dengan ini kepentingan undi lebih penting daripada kepentingan keadilan. Saya tidak bersetuju untuk meragui sesiapa tetapi saya ingin kembali kepada sejarah Akta Bahasa Kebangsaan yang dibentang pada tahun 1967 apabila negara genap 10 tahun merdeka mengikut kehendak dan semangat Perlembagaan negara ketika itu bahawa Bahasa Kebangsaan akan menjadi Bahasa Rasmi sepenuhnya. 10 tahun selepas merdeka Akta Bahasa yang dibentang pada tahun 1967 itu telah membenarkan penggunaan lain-lain bahasa atas kebenaran dan atas sebab-sebab tertentu. Kerana itulah bangun pejuang-pejuang bahasa menentang Akta itu dan lahirlah Kumpulan Sajak berjudul "KERANDA 152". Peguam-peguam

Melayu tahun itu membuat memorandum membantah Akta itu kerana ia dianggap telah mengkhianati perjuangan mendaulatkan bahasa Kebangsaan. Kalau saya tidak tersilap antara peguam-peguam Melayu yang menandatangani memorandum itu bernama Encik Hussein bin Onn, saya tidak pasti apakah Encik Hussein bin Onn itu kemudiannya menjadi Perdana Menteri Malaysia.

Timbalan Perdana Menteri yang membentangkan Rang Undang-undang (Pindaan) ketika itu tidak banyak menumpukan tentang politik di peringkat kebangsaan, beliau lebih banyak menumpukan soal politik di negeri Melaka. Tetapi apa yang berlaku dalam tahun 1967 itu sebenarnya bukanlah dibuat atas pertimbangan keadilan atau kerana bahasa itu tidak layak dan sebagainya, ia lebih banyak didorong oleh PERIKATAN ketika itu, bimbang kalau-kalau PERIKATAN kalah dalam pilihanraya umum yang dijadualkan berlangsung tahun 1969. Perdana Menteri yang tidak berani membentangkan Rang Undang-undang ini pada hari ini adalah orang yang diberi peranan supaya memujuk ahli-ahli UMNO supaya bersetuju dengan Akta Bahasa itu. Beliau ketika itu adalah anggota Parlimen biasa macam kita hari ini. Saya mahu beliau menafikan bahawa beliau telah dipanggil oleh Tun Abdul Razak, Timbalan Perdana Menteri ketika itu yang meminta supaya memujuk tokoh-tokoh UMNO lain bagi menyetujui pindaan itu kerana bimbang pengundi-pengundi bukan Melayu tidak akan mengundi PERIKATAN kalau masalah bahasa itu diperundangkan. Tuan Yang di-Pertua, wakil dari

Tuan Yang di-Pertua, wakil dari Kota Setar Selatan itu adalah seorang penyokong Kerajaan yang dihormati ketika itu. Tun Abdul Razak meminta beliau membuat demikian kerana kebijaksanaannya boleh digunakan

untuk tujuan itu. Beliau cuba mendapatkan sokongan Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, ketika itu Tan Sri Syed Nasir bin Ismail, yang kemudiannya menjadi Speaker Dewan Rakyat ini. Beliau juga cuba memujuk Syed Jaafar Albar yang ketika itu wakil Pantai. Kedua-dua tokoh UMNO itu menolak pujukannya, walaupun alasan yang diberikan ialah takut kalah dalam pilihanraya. Walaupun wakil dari Kota Setar Selatan itu menyokong Rang Undang-undang itu tetapi beliau kalah dalam pilihanraya dua tahun kemudian, manakala wakil dari Pantai menang tidak bertanding dan Tan Sri Syed Jaafar Albar buat pertama kalinya terpilih menjadi Wakil Rakyat dari Muar.

Saya menyebutkan perkara ini, Tuan Yang di-Pertua, adalah untuk mengingatkan Dewan ini betapa kepentingan politik memainkan peranan lebih daripada kepentingan keadilan. Kita tidak mahu bentuk Rang Undang-undang ini dibentangkan kali ini juga dalam bentuk yang demikian. Apa juga yang berlaku, walaupun lambat, sekurang-kurangnya ada juga minat Kerajaan untuk mengemukakan supaya Bahasa Kebangsaan boleh berdaulat di mahkamah, tetapi ia tidak mungkin melupakan orang tentang pemecatan Ketua Hakim Negara dan lain-lain Hakim.

Inilah, Tuan Yang di-Pertua, dapat saya sentuh pada petang ini dan saya tidak perlu bercakap panjang kerana kesemua tahu keperluan dan kepentingan bahasa, dengan sebab itulah sebelum diisytiharkan kemerdekaan Tanah Melayu dahulu, Perlembagaan dicatat dalam masa 10 tahun negara Malaysia merdeka, Bahasa Kebangsaan akan berdaulat, tetapi hari ini sejarah telah mencatatkan 32 tahun kita merdeka bahasa Kebangsaan belum tentu dapat berdaulat dan pemimpin-pemimpin negara masih telor lidahnya untuk menggunakan bahasa Kebangsaan.

Saya bimbang bila Rang Undang-undang yang dibentangkan ini diluluskan nanti maka pengguna-pengguna tidak mampu, sebagaimana saya katakan orang Melayu sendiri boleh ketawa kepada orang lain, tetapi dia sendiri tidak layak, tidak mampu untuk menggunakan Bahasa Kebangsaan. Apa lagi Kerajaan tidak membentangkan satu Akta lain untuk mengambil tindakan kepada orang yang tidak mengambil tanggungjawab dengan menggunakan Bahasa Malaysia. Itulah sahaja.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar:
(*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Marang bangun.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Itulah sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Saya ucapkan terima kasih dan menyokong Rang Undang-undang ini.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Dia hendak minta penjelasan.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar:
Dia takut.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Boleh, tanyalah apa-apa.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):
Silakan.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar:
Terima kasih Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa. Tadi Yang Berhormat kata dalam ayat-ayat yang dibaca tadi, menyatakan dia sendiri ragu, takut, bimbang. Kalau Yang Berhormat sendiri ragu macam mana orang lain hendak buat, dia orang Melayu, dia ragu, Itu satu, mohon penjelasan.

Kedua, dia ada menyebutkan bahawa pemimpin-pemimpin, orang itu, orang ini tidak menggunakan

Bahasa Malaysia sepenuhnya. Sebenarnya sudah digunakan, yang kita persoalkan bukan secara umum, yang kita bincangkan di dalam mahkamah sahaja. Janganlah buat satu kenyataan yang terlalu besar—kesilapan kecil menjadikan satu kesilapan besar, itu tidak betul. Jadi maksudnya yang mana satu, adakah di mahkamah ataupun secara umum. Terima kasih.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Terima kasih. Saya tidak suka Yang Berhormat itu tidak faham saya bercakap, mungkin beliau tidak ada di dalam Dewan. Dia minta penjelasan, dia kata saya ragu, saya tidak ragu—saya kata anggota yang membahaskan Rang Undang-undang ini hari ini pun sudah menimbulkan keraguan, bimbang, takut Akta ini diluluskan nanti pengguna tidak mampu, bukan saya ragu. Sebab saya tidak pernah bercakap bahasa Inggeris. Itu pun tidak faham macam mana.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar:
(*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Marang hendak apa?

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar:
Boleh tanya balik? Dia salah, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Nanti Yang Berhormat, sudah habiskah belum. Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa sudah habis?

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Habis.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar:
Cuma buat habis, teknik sahaja itu.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Kimanis.

5.08ptg.

Tuan Nurnikman bin Abdullah (Kimanis): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun untuk membahaskan Rang Undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai sebuah negara yang telah merdeka lebih 30 tahun, kita sebagai rakyat negara ini hendaklah merasa bangga dan bersyukur di atas segala pencapaian negara kita pada hari ini. Sejak kita terlepas dari belenggu penjajahan, kita telah menempuh berbagai-bagai masalah dan juga cabaran, baik dari segi politik, ekonomi, sosial, kebudayaan, pendidikan, keselamatan dan lain-lain.

Seperti juga dengan negara-negara lain yang baru sejak mencapai kemerdekaan yang mana mahu menitikberatkan identiti negara masing-masing, negara kita juga menitikberatkan identiti kita, oleh kerana Bahasa Malaysia kita adalah bahasa rasmi negara maka ia dengan sendirinya telah menjadi identiti negara kita ini.

30 tahun adalah satu jangka masa yang panjang dan tentu sahaja dalam masa yang agak panjang itu berbagai-bagai perkara yang bisa kita buat atau laksanakan dan adalah juga barang mustahil bagi seseorang rakyat negara ini tidak boleh mempelajari atau menguasai Bahasa Malaysia. Sebagai anak Malaysia yang dilahirkan di bumi Malaysia ini adalah menjadi satu kewajipan bagi kita untuk menguasai bahasa ibunda kita sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, Akta pindaan yang dibentangkan itu memberi peruntukan kepada mahkamah supaya Bahasa Malaysia digunakan dalam semua urusan perbicaraan atau

prosiding melainkan pemberian keterangan oleh para saksi mengenai satu-satu perkara. Ini dengan sendirinya mengecualikan penggunaan bahasa Inggeris melainkan dengan beberapa istilah atau termonologi yang perlu digunakan dalam bahasa Inggeris. Walaupun pindaan ini pada permulaannya merupakan satu perkara yang rumit, saya percaya ia bukan satu masalah yang tidak boleh dilaksanakan, apa yang perlu ialah kita khasnya para peguam kita mestilah mempunyai sikap yang positif dan sedia menerima perubahan ini dengan hati yang terbuka. Ia haruslah dianggap sebagai satu cabaran kepada mereka, justeru itu hendaklah mereka bersiap sedia untuk menyesuaikan serta melengkapkan diri dengan perubahan dan kehendak semasa. Masa telah tiba bagi kita semua untuk mendaulatkan bahasa kita dan hendaklah kita bersedia menggunakannya di mana sahaja baik di Dewan yang mulia ini ataupun di mahkamah. Sebagai rakyat yang setia, kita hendaklah melihat perubahan ini sebagai satu lagi kemajuan dan kejayaan kita dalam aspek pembangunan negara.

Kita juga hendaklah memikirkan tentang kebaikan dan faedah akan kita perolehi khasnya mereka yang terlibat dalam urusan perundangan. Kita tidak boleh menganggap ini sebagai satu kelemahan dalam sistem perundangan kita kerana semata-mata ada beberapa orang yang tidak boleh atau belum boleh menguasai Bahasa Malaysia, jika mereka boleh menguasai bahasa lain dengan begitu fasih, maka tidak ada sebab mengapa Bahasa Malaysia tidak boleh mereka kuasai.

Kita mengaku bahawa pada masa ini memang terdapat kekurangan buku-buku teks, buku-buku rujukan bagi kegunaan mereka yang memerlukannya, oleh itu saya ingin berseru kepada pihak yang berkenaan

khasnya Dewan Bahasa dan Pustaka dan juga universiti-universiti tempatan agar dapat menyediakan bahan-bahan bacaan dan rujukan yang mencukupi. Universiti-universiti tempatan yang mempunyai Fakulti Undang-undang hendaklah juga membuat persiapan-persiapan yang sewajarnya untuk menghadapi sebarang kemungkinan akibat pindaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya inginlah menyentuh sedikit tentang kedudukan di Sabah, seperti yang kita telah maklum, Sabah dan Sarawak telah mencapai kemerdekaan menerusi Malaysia pada tahun 1963 iaitu kira-kira 25 tahun yang lalu. Walaupun pada hakikatnya tempoh 25 tahun itu merupakan satu jangka masa yang panjang, pencapaian Negeri Sabah dalam semua bidang belumlah boleh kita bandingkan dengan pencapaian di Semenanjung Malaysia. Ini termasuk di bidang pendidikan. Kita di Sabah masih lagi jauh di belakang. Oleh yang demikian apa yang dilaksanakan di Semenanjung tidak semestinya boleh dilaksanakan di Sabah atau Sarawak. Demikianlah juga hal dengan Akta pindaan ini, saya rasa walaupun pada dasarnya kita harus menerima pindaan ini yang meliputi seluruh negara, Sabah dan Sarawak haruslah diberi tempoh yang lebih sedikit untuk melaksanakan pindaan ini. Ini adalah disebabkan beberapa perkara yang jelas seperti ketiadaan buku-buku dan bahan-bahan rujukan yang cukup serta kemudahan-kemudahan yang lain yang mana diperlukan oleh mereka yang berkenaan. Walau bagaimanapun ini bukanlah merupakan satu masalah yang tidak boleh diatasi, saya percaya dan dengan memberi masa yang lebih sedikit mereka yang berkenaan akan melengkapkan diri untuk memenuhi hasrat dan cita-cita Kerajaan.

Di samping itu pula pihak yang berkenaan haruslah berusaha untuk menyediakan bahan-bahan rujukan dan bacaan yang perlu, Kerajaan tidaklah harus lepas tangan setelah

pindaan ini dibuat dan mengharap-kan ia akan dapat diterima atau berjalan dengan baik. Buat permulaan penguasaan yang rapi. amatlah perlu, saya inginlah mencadangkan supaya Kerajaan menubuhkan satu jawatankuasa khas untuk meneliti serta menguasai sejauh mana pindaan ini dapat diterima dan adakah ia mencapai matlamat yang dituju.

Jawatankuasa ini juga hendaklah berfungsi sebagai badan penasihat yang bertujuan memberi bimbingan dan panduan kepada para peguam kita yang mungkin memerlukan bantuan dalam satu-satu perkara atau urusan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam apa juga pindaan yang dibuat oleh Kerajaan tentu sahaja ada golongan yang menentanginya. Walau bagaimanapun kita sebagai rakyat negara ini haruslah berbangga di atas inisiatif yang diambil oleh Kerajaan kita untuk menggunakan Bahasa Malaysia sepenuhnya di mahkamah. Negara ini negara kita, Bahasa Malaysia ialah bahasa rasmi kita, wajarlah ia digunakan sepenuhnya dan tiada orang yang lebih layak mendaulatkannya melainkan kita sebagai rakyat negara ini. Hanya dengan adanya rasa penuh tanggungjawab maka barulah kita bolehmenjayakan segala usaha Kerajaan. Marilah kita sama-sama menerima pindaan ini dengan penuh azam supaya ia dapat dijayakan dengan sepenuhnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):
Jelutong.

5.18ptg.

Tuan R. Karpal Singh (Jelutong):
Tuan Speaker, saya bangun untuk bercakap sedikit sebanyak mengenai Rang Undang-undang yang ada di hadapan kita sekarang. Tuan Speaker,

dalam persidangan Dewan ini dalam bulan Jun, Rang Undang-undang ini ada dibentangkan dalam Dewan yang mulia ini, tetapi masa itu Rang Undang-undang ini tidak dibahaskan tetapi dalam persidangan ini baru ini juga Rang Undang-undang ini ada dibentangkan sekali lagi untuk perbahasan dan kelulusan.

Tuan Speaker, dalam Rang Undang-undang yang ada di hadapan kami sekarang ada cadangan untuk potong kesemuanya perkataan dalam bahasa Inggeris, wholly in the English language.

Tuan Speaker, saya mahu dapat tahu siapa yang ada buat keterangan ini untuk dapat pindaan ini yang ada di depan kita sekarang. Adakah ini ekstrimis-ekstrimis dalam UMNO, Pemuda UMNO atau pihak-pihak lain yang mahu pindaan yang ada sekarang ini.

Tuan Speaker, adakah pandangan-pandangan Majlis Peguam dapat dahulu daripada pembentangan Rang Undang-undang ini dalam Dewan ini. Majlis Peguam, Tuan Speaker, ada lebih kurang 2,500 ahli-ahli dan akibat kelulusan Rang Undang-undang ini tentu jadi satu akibat serius bagi pihak semua peguam-peguam dalam negara ini. Saya mahu dapat tahu adakah Majlis Peguam merayu untuk beri pandangan-pandangan Majlis itu.

Tuan Speaker, dalam fikiran saya jikalau Rang Undang-undang ini diluluskan, ini tentu jadi satu Undang-undang yang tidak sah dari segi undang-undang yang ada sekarang. Tuan Speaker, saya merujuk kepada apa yang ada dalam The Courts of Judicature Act, dengan izin, seksyen 4 yang berbunyi, jikalau saya boleh baca apa yang ada terkandung dalam seksyen itu dalam bahasa Inggeris oleh kerana tidak ada terjemahan dalam Bahasa Malaysia.

"Provision to Prevent Conflict of Laws"

In the event of inconsistency or conflict between this Act and any other written law other than the Constitution in force at the commencement of this Act, the provisions of this Act shall prevail".

Tuan Speaker, apa yang ada sekarang dalam The Interpretation Act, 1967 jikalau saya boleh baca apa yang ada terkandung dalam seksyen 35 dalam bahasa Inggeris:

"A reference to a written law—(b) iattu apa yang relevant—includes a reference to any subsidiary legislation made thereunder".

"Subsidiary legislation", Tuan Speaker, yang ada dibuat di bawah seksyen 17, The Courts of Judicature Act berbunyi seperti ini, seksyen 92 (1)—apa yang saya baca ini ialah The Rules of the High Court, 1980:

"Any document required for use in pursuance of these Rules shall be in the English or the national language provided that whenever any such document is in the national language it shall be accompanied by a certified or verified translation thereof in English".

Apa yang ada dalam The Rules of the Supreme Court pun serupa dengan apa yang saya baca tadi. Jikalau keadaan seperti itu apa yang ada dalam Rules of the Supreme Court dan Rules ini ada dibuat di bawah seksyen 17, jikalau saya boleh baca apa yang ada dalam Pendahuluan The Rules of the Supreme Court ini:

"In exercise of the powers conferred by section 17 of the Courts of Judicature Act, 1964 and with the consent of the Lord President the Rules Committee makes the following Rules".

Tuan Speaker, Rule 162 ada sama dengan Rule 92 (1) bagi Rules of the High Court, jikalau saya boleh baca:

"Any document required for use in pursuance of these Rules shall be in the English or the Malay language provided that whenever any such document is in the Malay language it shall be accompanied by a translation thereof in English certified or verified".

Apa yang perlu untuk faham apa yang ada dalam undang-undang ini, jikalau saya boleh baca lagi sekali seksyen 8 (1) dalam Rang Undang-undang di depan kami sekarang:

"All proceedings (other than the giving of evidence by a witness) in the Supreme Court, the High Court or any Sub-ordinate Court shall be in the national language":

dan ada selepas itu proviso. "All proceedings" dalam fikiran saya termasuk pleading-pleading yang ada difailkan dalam mahkamah. Mengikut undang-undang, apa yang difailkan dahulu "writ of summons" dah selepas rayuan yang ada dan juga termasuk execution, ini jadi proceeding. Jikalau itu proceeding tentu ada larangan, apa yang ada dalam seksyen 8 sekarang ada lawan dengan apa yang ada dalam seksyen 4 Courts of Judicature Act, "In the event of inconsistencies or conflict". Tentu ada "inconsistency dan conflict" oleh kerana dalam Rules of the High Court dan Rules of the Supreme Court, bahasa Inggeris yang jadi utama dan ada diberi keutamaan ke atas Bahasa Malaysia. Jikalau apa yang ada difailkan dalam court jikalau dalam Bahasa Malaysia tentu ada satu terjemahan dalam bahasa Inggeris. Jikalau itu, apa yang ada di depan kita kalau diluluskan dan menjadi undang-undang, itu jadi satu masalah yang serius oleh kerana undang-undang itu tidak sah. Saya merayu kepada pihak Kerajaan untuk kaji semula Rang

Undang-undang ini dari segi seksyen 4 Court of Judicature Act. Jikalau tidak, apa yang jadi selepas ini jadi satu masalah.

Lagi satu masalah yang boleh ditimbulkan ini mengenai apa yang ada dalam Criminal Procedure Code. Dalam perbicaraan juri ada satu peruntukan di mana semua ahli-ahli juri tentu ada fahami bahasa Inggeris, jikalau tidak, tidak boleh jadi ahli juri. Jikalau itu, tentu kalau Rang Undang-undang ini diluluskan tidak boleh ada satu "trial by jury" oleh kerana apa yang ada peruntukan sekarang itu tidak ada apa yang boleh "exist side by side", dengan izin, dengan apa yang ada dalam seksyen 8, jikalau diluluskan.

Tuan Speaker, banyak ahli-ahli di sini ada buat ucapan dan dalam ucapan itu ada kata kita sudah merdeka lebih kurang 32 tahun, sampai hari ini ada wujud bahasa Inggeris dalam mahkamah. Kelmarin saya ada bangkit perkara ini, di India dan Pakistan yang ada dapat merdeka dalam tahun 1947, lebih kurang 42 tahun sekarang. Di negara itu sampai hari ini dan Pakistan jadi satu negara Islam. Jikalau dalam satu negara Islam, bahasa Inggeris boleh dikekalkan sampai hari ini dalam mahkamah-mahkamah oleh kerana tidak boleh ada keadaan seperti itu dalam negara kita.

Tuan Speaker, kami dalam DAP terima Bahasa Malaysia sebagai Bahasa Kebangsaan, itu tidak boleh dinafikan, tidak boleh dipertikaikan, kami terima. Tetapi apa yang perlu "reality", dengan izin, Bahasa Kebangsaan tidak kaya dari segi perkataan. Ada dikatakan kelmarin Bahasa Kebangsaan ada 55,000 perkataan tetapi perkataan-perkataan itu, banyak yang ada dalam 55,000 itu ada bahasa Inggeris. "Police" jadi "P-o-l-i-s", seperti satu contoh saya beri dan ada banyak contoh-contoh lain. Bahasa Kebangsaan bukan satu bahasa yang mendalam. Dalam perbicaraan di

mana ada hukuman gantung bolehkah kita pakai satu bahasa yang tidak mencukupi perkataan-perkataan yang mendalam. Ini reality.

Apa yang ada dalam peruntukan sekarang boleh dikatakan oleh Kerajaan ada proviso yang berbunyi:

"Dengan syarat bahawa mahkamah boleh, sama ada atas kehendaknya sendiri atau atas permintaan mana-mana pihak"

mahkamah sendiri pun boleh jikalau perlu perintah prosiding itu di dalam bahasa Inggeris, partly in English dan partly di dalam Bahasa Malaysia. Tetapi jikalau kami lihat apa yang ada dalam seksyen 8 Akta Profesion Undang-undang, 1976. Tuan Speaker, dalam seksyen itu ada peruntukan untuk buat permohonan dalam kes-kes tertentu di mana mahkamah boleh perintah satu Queen's Counsel untuk jadi peguam dalam negara ini dalam kes-kes yang tidak biasa iaitu luar biasa, tetapi, Tuan Speaker, jikalau satu permohonan ada lulus untuk membolehkan satu Queen's Counsel datang ke negara ini untuk jalankan satu perbicaraan dalam mahkamah, bolehkah Queen's Counsel itu bercakap partly in Bahasa and partly in English—barangkali English boleh, tentu boleh—tetapi partly dalam Bahasa Malaysia? Tuan Speaker, itu jadi satu masalah yang tentu ditimbang dengan teliti oleh Kerajaan dahulu daripada lulus apa yang ada dalam Rang Undang-undang ini.

Ini bukan satu isu mengenai keaulatan Bahasa Kebangsaan tetapi satu isu demi kepentingan keadilan. Jikalau asas Rang Undang-undang ini demi kepentingan keadilan, Tuan Speaker, apa yang ada dalam Akta Bahasa Kebangsaan sekarang itu cukup dan tidak payah, tidak perlu untuk meminda apa yang ada dalam

seksyen 8 oleh kerana masa telah tiba apabila Bahasa Kebangsaan boleh jadi satu bahasa compulsory dalam mahkamah-mahkamah.

Dengan itu, Tuan Speaker, saya merayu lagi sekali kepada Kerajaan untuk kaji semula Rang Undang-undang ini terlebih dahulu sebelum meluluskan apa yang ada dalam Rang Undang-undang ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ahli Yang Berhormat dari Seremban.

5.33ptg.

Dr Chen Man Hin (Seremban): Tuan Yang di-Pertua, saya mahu beri sedikit pandangan saya berkenaan Akta ini. Sungguhpun saya bukan seorang peguam, tetapi untuk mencapai keadilan saya ingat saya mesti memberi pandangan saya.

Tuan Speaker, pindaan kepada seksyen 8 Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67 telah menimbulkan rasa gelisah serta reservations, dengan izin, di kalangan (community) undang-undang serta mereka yang mengambil perhatian berat tentang pentadbiran keadilan dalam mahkamah. Ini adalah berbeza dengan suasana yang wujud di kalangan semua rakyat Malaysia apabila kempen "Cintailah Bahasa Malaysia" dilancarkan pada tahun lepas di mana semua lapisan masyarakat dan Parti DAP telah memberi sokongan yang tidak terhingga.

Pemimpin-pemimpin atau opinion leaders, dengan izin, rasa bahawa Bahasa Malaysia akan digunakan dengan bebas dan spontan oleh semua peguam di negara ini dalam masa yang singkat dengan tepasan tebih ramai peguam yang cukup fasih dalam Bahasa Malaysia. Hujah bahawa Bahasa Malaysia tidak diberi kedautatan dan penghormatan yang sewajarnya kecuali segala prosiding dalam mahkamah dijalankan dalam

Bahasa Malaysia memang kuat tetapi tidak ada hubungan. Kedaulatan Bahasa Kebangsaan adalah terjamin dalam Perlembagaan. Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67 mengiktiraf hakikat ini tetapi ia membenarkan penggunaan bahasa Inggeris demi kepentingan keadilan dan demokasi.

Kedaulatan Bahasa Kebangsaan telah diperlihatkan oleh hakikat bahawa semua pemuda-pemudi mempelajari serta bertutur bahasa tersebut sementara orang-orang yang tua mempunyai pengetahuan sedikit sebanyak working knowledge, dengan izin, dalam Bahasa Kebangsaan. Saya berfikir kedaulatan Bahasa Kebangsaan tidak akan dikompromikan apabila bahasa Inggeris digunakan untuk memastikan undang-undang ditafsir dengan tepat dan keluhuran undang-undang dipertahankan. Begitu juga kedaulatan tidak seharusnya ditafsirkan untuk bermakna Bahasa Malaysia hanya boleh digunakan untuk perniagaan dan perkara-perkara persendirian dan peribadi kerana kita hidup dalam sebuah masyarakat berbilang kaum dengan tradisi berbagai bahasa dan budaya.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan buku-buku undang-undang, apabila satu pemeriksaan dijalankan di mana-mana perpustakaan undang-undang sama ada di Unversiti atau Mahkamah akan menunjukkan betapa kurangnya buku-buku undang-undang dalam Bahasa Kebangsaan. Penterjemahan buku-buku undang-undang ke dalam Bahasa Malaysia bukanlah satu tugas yang mudah. Ia tidak boleh dilakukan oleh mana-mana orang yang berpelajaran Bahasa Malaysia. Tetapi ia harus dilakukan oleh seorang yang mempunyai pengetahuan yang baik mengenai undang-undang. Sebarang pentafsiran yang tidak tepat walaupun kata-katanya indah tidak berguna dalam sebuah mahkamah undang-undang. Adalah tidak adil untuk

menegaskan bahawa segala prosiding dalam mahkamah hendaklah dijalankan dalam Bahasa Malaysia kecuali terdapat statut-statut atau buku-buku undang-undang yang banyak dalam Bahasa Malaysia.

Satu faktor yang utama harus ditimbang ialah reaksi para peguam yang bergantung semata-mata kepada litigasi sebagai mata pencarian. Ramai daripada mereka sedang menimbang untuk menukar profession mereka kerana mereka rasa bahawa walaupun mereka mempunyai working knowledge, dengan izin, dalam Bahasa Malaysia untuk penggunaan harian, namun ia tidaklah cukup untuk diguna dalam sebuah mahkamah undang-undang di mana taraf yang tinggi diperlukan untuk memenuhi complexities dan nuances, dengan izin, undang-undang. Memang benar dari segi teori setiap orang termasuk para peguam harus bertutur dengan fasih dalam Bahasa Malaysia selepas 32 tahun merdeka. Ramai daripada mereka dapat berbuat demikian, tetapi dengan taraf yang berbeza-beza. Namun demikian lazimnya mereka yang dilatih dalam Bahasa Malaysia bermula dari darjah satu boleh mendakwa mereka adalah cukup fasih dalam Bahasa Malaysia dan berasa senang di sebuah mahkamah undang-undang.

Terdapat juga berbezaan antara bahasa biasa dan bahasa undang-undang baikpun dalam bahasa Inggeris ataupun Bahasa Malaysia. Sekolah-sekolah yang bermedia Inggeris telah ditukar kepada sekolah-sekolah Bahasa Malaysia mulai tahun 1970. Kumpulan pertama peguam-peguam yang datangnya dari sekolah-sekolah di mana bahasa pengantaran adalah Bahasa Malaysia kini berumur kira-kira 25/26 tahun dan mereka tidak patut menghadapi apa-apa kesukaran untuk menggunakan Bahasa Kebangsaan dalam prosiding mahkamah. Tetapi mereka yang berumur

lebih daripada 25 atau 26 tahun akan menghadapi kesusahan dengan tahap penguasaan yang berbeza-beza. Ramai daripada mereka inilah yang amat tidak gembira dan bercadang menukar profession mereka daripada berhijrah ke lain negara. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ahli Yang Berhormat dari Tanjong.

5.37ptg.

Tuan Lim Kit Siang (Tanjong): Tuan Yang di-Pertua, tadi rakan-rakan saya, Yang Berhormat dari Jelutong, Yang Berhormat dari Seremban dan lain-lain semalam telah memberikan pandangan parti saya khasnya mengenai penerimaan parti saya mengenai tempat kedudukan Bahasa Kebangsaan dan tidak patut diragu-ragui oleh sesiapa. Soalan di hadapan kita bukan mengenai masalah hendak mendaulatkan atau tidak mendaulatkan Bahasa Kebangsaan—itu kita setuju. Tetapi soalan di hadapan kita ialah menegakkan keadilan dalam mahkamah.

Semalam Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri ketika membentangkan Rang Undang-undang ini ada berkata bahawa Kerajaan akan berusaha untuk memastikan bahawa pindaan ini tidak akan menjejaskan proses keadilan. Itulah masalah yang pokok, dan masalahnya bukanlah kita mempertikaikan kedudukan Bahasa Kebangsaan. Apabila kita membahaskan dan mengkaji masalah ini mengenai keadilan di proses kehakiman, kita tidak boleh terasing daripada latarbelakang Rang Undang-undang ini.

Kita tahu bahawa latarbelakang Rang Undang-undang ini ialah krisis kehakiman di tahun lalu. Pada masa itu bangkitlah, timbullah suara-suara yang

akhirnya kita nampak Rang Undang-undang ini di hadapan kita. Dan bolehkah rakyat mendapat suatu keyakinan bahawa Kerajaan begitu tegas mahu menegakkan keadilan apabila setahun dahulu dalam krisis kehakiman yang melahirkan Rang Undang-undang ini, keadilan telah dicerobohi. Bukan sahaja prinsip keadilan telah dicerobohi tetapi Hakim-hakim pun dipecat, Lord President pada masa itu Tun Salleh Abas dipecat dan dua Hakim Mahkamah Agung dipecat dan dalam satu masa enam orang daripada sembilan orang hakim digantung. Apakah itu keadilan?

Saya ada di sini sebuah buku baru oleh Tun Salleh Abas bertajuk: "May Day for Justice". Banyak masalah, banyak soalan, ditimbulkan mengenai mana ada keadilan daripada krisis kehakiman itu yang mana satu b'ab, sekarang ialah Rang Undang-undang yang ada di hadapan kita. Bahawa sama ada krisis itu yang berlaku pemecatan yang berlaku adaiyah oleh kerana unsur-unsur berbau politik, untuk selamatkan UMNO, untuk kepentingan sebuah parti, segelintir pucuk pimpinan. Persoalan-persoalan yang begitu banyak ditimbulkan seperti adakah Kerajaan sebenar-benarnya jujur dan ikhlas mengenai keadilan sehingga krisis keadilan, krisis kehakiman, tahun lalu boleh berlaku dan menjadikan negara kita begitu terkenal di dunia sebagai sebuah negara yang tidak menghormati prinsip kebebasan undang-undang dan kehakiman. Saya rasa ini kita adalah sebuah buku yang kita semua perlu membaca dan mengkaji . . .

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, Yang Berhormat Timbalan Menteri minta jalan.

Tuan Lim Kit Siang: Minta jalan, boleh.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Raja Dato' Ariffn bin Raja Sulaiman): Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan. Adakah Ahli Yang Berhormat itu hendak jual buku dalam Dewan ini?

Tuan Lim Kit Siang: Kalau Ahti Yang Berhormat mahu beli dan kalau saya boleh dapat agensi itu, mungkin saya boleh timbang. Sekarang belum timbang sama ada mahu jual atau tak jual. Ini bukan buku saya, ini buku Tun Salleh Abas, bukan buku DAP. Tetapi saya rasa kalau kita sebenar-benarnya mahukan keadilan, setiap Ahli Parlimen perlu membaca buku ini oleh kerana buku ini menimbulkan berpuluh-puluh, beratus-ratus soalan mengenai apakah sebenarnya latarbelakang Rang Undang-undang ini bukan sahaja latarbelakang krisis kehakiman tetapi juga latarbelakang Rang Undang-undang ini.

Sebagai satu contoh, satu soalan yang ada ditanyakan, dengan izin:

(Dengan izin) "Who believes that I was removed for any reason other than the misgotten belief that my presence in the Judiciary was a threat to the Prime Minister's ambitions to remain President of UMNO and hang on to political power?"

Soalnya, apakah kaitannya dengan keadilan, prinsip kebebasan kehakiman. Ada lagi satu persoalan:

"And who believes that the ultimate purpose of the exercise was not to cow the judiciary completely so that Judges are afraid to make findings against the Government?"

Kita berbincang mengenai keadilan. Adakah kita sebenar-benarnya menghormati prinsip-prinsip keadilan dalam proses kehakiman? Itulah yang timbulkan soalan, apabila Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri mengatakan bahawa pindaan ini tidak akan menjejaskan proses keadilan, bolehkah kenyataan semacam itu mengembalikan kepercayaan rakyat

terhadap keadilan dalam proses kehakiman atau sepertimana yang ditanyakan oleh Tun Salleh Abas, sama ada Kerajaan terus menganggap kehakiman sebagai satu branch of the Government Service, macam Telekom, macam Polis, macam Jabatan Pertanian iaitu satu cabang, satu cawangan, satu branch ataupun sebagai satu badan mengikut Doctrine of Separation of Powers, pengasingan kuasa yang setanding dengan Eksekutif. Kalau dengan latarbelakang ini rakyat tidak boleh percaya kepada jaminan-jaminan, kenyataan-kenyataan bahawa Kerajaan Barisan Nasional jujur dan ikhlas dalam mengamalkan keadilan, bagaimanakah kita boleh menerima jaminan dengan latarbelakang itu?

Saya rasa, kalau kita mahu kembalikan, memulangkan keyakinan dan kepercayaan rakyat kepada keadilan dalam proses kehakiman, kita perlu "undo" apa yang berlaku di tahun lalu—saya ulang kita perlu "undo" apa yang berlaku di tahun dahulu. Saya berharap bahawa dengan satu cara—saya mahu buat satu cadangan bahawa Kerajaan patut menubuhkan sebuah jawatankuasa untuk mengkaji soalan-soalan yang ada ditimbulkan oleh Tun Salleh Abas dalam bukunya *May Day for Justice*.

Masalah-masalahnya bukan sahaja bersabit dengan masa depan Tun Salleh Abas tetapi juga maruah negara kita dan keyakinan rakyat terhadap prinsip-prinsip cardinal dalam Perlembagaan kita mengenai kehakiman yang mana begitu banyak soalan-soalan yang ditimbulkan, yang begitu pokok, begitu basic dan semuanya ada dalam buku ini. Saya harap bahawa sebuah Jawatankuasa Khas boleh ditubuhkan bukan diketuai oleh Peguam Negara, oleh kerana dia pun menurut buku ini nampaknya bukanlah seorang orang yang terkeluar daripada persoalan buku ini sebagai

innocent and untainted person. Itulah yang dilaksanakan kalau kita mahukan keadilan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran); Yang Berhormat dari Kota Setar.

5.48ptg.

Dr Abdul Hadi bin Derani (Kota Setar): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbahasan di atas Rang Undang-undang seperti yang dikemukakan dalam Dewan yang mulia ini,

Tuan Yang di-Pertua, seharusnya segala urusan rasmi, sama ada surat menyurat, ucapan di persidangan-persidangan Kerajaan, prosiding dalam Dewan Perundangan ataupun di mahkamah di negara ini dibuat dalam Bahasa Kebangsaan atau Bahasa Malaysia sahaja, memandangkan bahawa kita telah merdeka sejak 31hb Ogos, 1957.

Tidak ada sebabnya mengapa warganegara-warganegara Malaysia tidak dapat bertutur dalam Bahasa Kebangsaan terutama pegawai-pegawai Kerajaan, Wakil-wakil Rakyat ataupun pegawai-pegawai mahkamah termasuk peguambela dan peguamcara firma swasta tempatan.

Kita sering mendengar hujah-hujah daripada pihak sesetengah peguam yang menganggap kononnya Bahasa Malaysia tidak boleh diguna di dalam prosiding kes-kes perbicaraan atau surat guaman oleh kerana ia kurang tepat dari segi istilah-istilah undang-undang dan sebagainya. Ada pula yang menganggap bahawa kegunaan bahasa Inggeris akan memberi taraf yang lebih tinggi kepada perjalanan undang-undang di negara ini. Ada juga yang menunjukkan kepakaran dalam bahasa Latin untuk membuat interpretasi undang-undang, tetapi tidak

berkemampuan untuk memahami Bahasa Kebangsaan. Hal ini sangatlah menyedihkan dan memberi gambaran seolah-olah selain daripada Bahasa Inggeris atau bahasa Latin tidak ada bahasa yang layak untuk dipakai dalam bidang kehakiman.

Sebenarnya hampir semua negara di dunia ini memakai bahasa kebangsaan mereka masing-masing dalam urusan-urusan rasmi termasuk prosiding-prosiding di mahkamah. Negara-negara di Asia seperti Thailand, Indonesia, China, Jepun, Korea dan sebagainya menggunakan bahasa kebangsaan masing-masing untuk semua urusan dalam negara. Begitu juga negara-negara barat seperti Itali, Jerman, Perancis, Portugis, Sepanyol malahan negara-negara tersebut tidak mengalami masalah dari segi kesahihan istilah perundangan atau sebagainya. Tidak pernah pula negara-negara tersebut memerlukan rujukan kepada undang-undang di United Kingdom atau interpretasi oleh hakim-hakim Inggeris untuk menentukan proses kehakiman mereka berjaya.

Saya juga tidak setuju dengan hujah-daripada seorang wakil pembangkang yang mengatakan bahawa di India kesemuanya perjalanan prosiding mahkamah dibuat di dalam bahasa Inggeris walaupun negara itu telah merdeka begitu lama.

Suka saya menyatakan di sini bahawa di setengah-setengah tempat di India, khususnya di mahkamah-mahkamah di Punjab prosiding dijalankan dalam bahasa tempatan iaitu bahasa Punjabi dan bukanlah dalam bahasa Inggeris seperti yang didakwa dalam Dewan ini. Dan begitu juga di kawasan selatan India khususnya di persekitaran Madras, bahasa mahkamah yang dijalankan bukanlah dalam bahasa Inggeris tetapi dalam bahasa Tamil sebab penduduk-penduduk di situ kebanyakannya hanya boleh berbahasa Tamil dan bukan berbahasa Inggeris.

Tuan Yang di-Pertua, dakwaan bahawa sesuatu bahasa yang lain daripada bahasa Inggeris tidak boleh diguna dengan tepat dalam mahkamah di negara ini tidak boleh diterima lagi. Bahasa Inggeris sebenarnya cukup sesuai digunakan di mahkamah-mahkamah di United Kingdom ataupun negara-negara seperti Amerika Syarikat, Canada, Australia, New Zealand dan sebagainya di mana semua penduduk bertutur di dalam bahasa Inggeris dengan fasih. Di sini ia tidak sesuai dengan keadaan di Malaysia di mana majoriti warganegara tidak boleh bertutur dalam bahasa Inggeris.

Seperti yang kita sedia maklum bahasa Inggeris di dalam negara ini sewaktu penjajahan semata-mata untuk memudahkan pihak berkuasa British yang tidak faham bahasa tempatan. Dengan peninggalan mereka maka mahkamah-mahkamah negara ini sewajarnya beralih ke bahasa kebangsaannya sendiri untuk kemudahan majoriti rakyat yang lebih faham bahasa kebangsaan daripada bahasa Inggeris. Tetapi apa yang terjadi ialah keengganan setengah-setengah peguam untuk beralih ke bahasa kebangsaan dengan memberi alasan-alasan yang agak lemah.

Sebenarnya kalau istilah-istilah mana-mana bahasa tidak mencukupi maka adalah menjadi tanggungjawab pihak kehakiman untuk mengatasi masalah tersebut. Satu jalan yang mudah ialah dengan meminjam bahasa perundangan yang digunakan di mahkamah-mahkamah negara jiran seperti Indonesia yang sudah begitu lama memakai bahasa tempatan iaitu bahasa Indonesia yang sebenarnya sama seperti bahasa Melayu. Jika ini tidak mencukupi atau tidak sesuai maka istilah-istilah baru boleh dicipta secara tersusun dengan kerjasama Dewan Bahasa dan Pustaka atau pusat-pusat pengajian bahasa yang lain. Pokoknya kekurangan istilah dalam

urusan mahkamah dapat diatasi dengan mencipta perkataan-perkataan baru. Ciptaan istilah baru atau pinjaman istilah dibuat oleh semua bahasa di dunia ini termasuk Inggeris, China dan Jepun. Mana-mana bahasa yang tidak lagi menerima istilah baru atau mengubahsuaikan istilah-istilah asing akan menghadapi masalah seperti bahasa Latin yang tidak dinamik dan ketinggalan zaman. Sebab itulah bahasa Latin tidak lagi diguna sebagai bahasa urusan rasmi di dunia ini.

Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang prosiding di dalam mahkamah kita membingungkan orang asing. Umpamanya, walaupun semua pihak termasuk hakim, pendakwa, peguambela, saksi-saksi dan yang tertuduh, faham Bahasa Malaysia, bahasa yang diguna adalah bahasa Inggeris yang tidak difahami oleh yang tertuduh dan saksi-saksi. Seorang Jurubahasa pula diperlukan untuk menterjemah tuduhan dan hujah-hujah yang dibuat oleh pendakwa kepada tertuduh seterusnya keterangan tertuduh yang dibuat dalam bahasa kebangsaan pula diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris untuk rekod mahkamah dan hakim. Begitu juga keterangan-keterangan yang dibuat oleh saksi-saksi yang semesti diterjemahkan. Hal ini bukan sahaja mengelirukan pihak tertentu tetapi juga membazir masa dan wang kerajaan. Adalah lebih sesuai jika semua kes-kes perbicaraan atau prosiding mahkamah dijalankan dalam bahasa kebangsaan terutama apabila semua pihak yang terlibat sama ada hakim, pendakwa, peguam, saksi-saksi dan yang tertuduh adalah warganegara Malaysia.

Jika sesuatu perbicaraan itu memerlukan keterangan orang asing seperti peguam, saksi-saksi atau maka tertuduh adalah sesuai supaya sebahagian daripada hujah-hujah dibenarkan dalam bahasa Inggeris. Tetapi penggunaan dalam bahasa Inggeris ini haruslah diizinkan oleh

hakim terlebih dahulu dan hanya dihadkan kepada keterangan-keterangan dari mereka yang tidak boleh bertutur dalam Bahasa Malaysia. Kita tidak harus membiarkan pengabaian penggunaan Bahasa Kebangsaan di dalam urusan undang-undang semata-mata kerana seseorang peguam atau saksi ingin bercakap dalam bahasa Inggeris. Kalau tidak pindaan kepada rang undang-undang yang dibuat untuk membetulkan pengabaian kegunaan bahasa kebangsaan yang begitu lama tidak akan memberi kesan seperti yang dicadangkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan tahniah kepada pihak Ketua Hakim Negara dan Peguam Negara yang telah mengambil langkah-langkah positif untuk memperluaskan penggunaan Bahasa Kebangsaan sebagai bahasa mahkamah. Mungkin beberapa langkah lain juga perlu diambil supaya hasrat untuk menggunakan Bahasa Kebangsaan di mahkamah akan lebih berkesan.

Umpamanya kursus-kursus bahasa hendaklah diadakan bagi semua pegawai-pegawai mahkamah termasuk Peguam-peguam untuk memahirkan mereka dengan istilah-istilah dan penggunaan bahasa. Kursus-kursus seperti ini akan juga menjamin keseragaman pengertian istilah-istilah tertentu yang sering dipakai di mahkamah. Di samping itu pihak kehakiman juga harus mewujudkan satu badan atau jawatankuasa bagi menentukan penyelarasan program penggunaan Bahasa Kebangsaan dalam hal undang-undang serta perkembangan seterusnya. Mungkin juga pihak kehakiman mewujudkan perbendaharaan istilah bahasa yang khusus dipakai dalam urusan undang-undang dan hal guaman. Perbendaharaan istilah bahasa ini selok-eloknya dibuat dengan kerjasama Dewan Bahasa dan Pustaka serta lain-lain pihak yang dianggap sesuai.

Tuan Yang di-Pertua, saya melihat bahawa Rang Undang-undang yang dicadangkan di Dewan yang mulia ini mengandungi peruntukan yang bermaksud bahawa mahkamah boleh memerintahkan supaya prosiding dijalankan sebahagiannya dalam Bahasa Kebangsaan dan sebahagiannya dalam bahasa Inggeris atau kesemuanya dalam bahasa Inggeris. Saya berpendapat bahawa jika sesuatu prosiding dijalankan kesemuanya dalam bahasa Inggeris, maka ia akan bercanggah dengan matlamat utama pindaan Akta ini untuk mempertingkatkan kegunaan Bahasa Kebangsaan di mahkamah. Oleh itu pembetulan hendaklah dibuat sebelum Rang Undang-undang ini diluluskan oleh Dewan yang mulia ini dengan memotong semua perkataan-perkataan selepas "sebahagiannya dalam Bahasa Kebangsaan dan sebahagiannya dalam bahasa Inggeris".

Tuan Yang di-Pertua, sekian sahaja, saya menyokong Rang Undang-undang ini.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Batu Berendam.

6.02 ptg.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar (Batu Berendam): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Kerajaan yang telah membentangkan satu Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67.

Tuan Yang di-Pertua, kita hendaklah menghapuskan mentaliti kononnya apa yang kita buat adalah tidak baik. Perpaduan di negara kita ini sukar tercapai dengan sepenuhnya kerana mentaliti yang menganggap apa yang orang lain buat untuk kita adalah baik. Negara kita telah merdeka

selama 32 tahun tetapi malangnya masih terdapat mentaliti setengah-setengah rakyat di negara ini tidak mahu berpisah dengan mentaliti penjajah. Perbezaan di kalangan rakyat yang berasaskan keturunan kaum, ekonomi, pendidikan dan status sosial mudah diatasi kalau tiap-tiap orang sedar dan dapat memahami kedudukan dalam sesebuah negara seperti Malaysia. Masalah kita di negara ini ialah ada golongan-golongan minority atau kumpulan serpihan yang ingin memaksa orang lain hidup seperti cara mereka iaitu menjadi hamba abdi kepada mentaliti penjajah. Walaupun teiah beberapa lama kita merdeka, selagi ada kumpulan-kumpulan yang mengangap ada puak-puak atau pengaruh-pengaruh lain yang patut diikuti, maka selama itulah kiblat rakyat di negara ini akan bersimpang-siur.

Tuan Yang di-Pertua, mengetahui atau mahir dalam bahasa Inggeris atau bahasa-bahasa lain selain daripada bahasa Melayu atau Bahasa Kebangsaan kita adalah baik, malah patut digalakkan di kalangan rakyat. Pendek kata, kemahiran dalam bahasa Inggeris dalam kontek negara ini perlu dipupuk dan diperkembangkan tetapi janganlah kerana keghairahan ini, kita mengorbankan maruah negara dan rakyat. Rakyat dan negara ini perlu mempunyai Bahasa Kebangsaannya sendiri untuk membuktikan kita sudah merdeka. Banyak negara-negara lain yang telah merdeka mempunyai Bahasa Kebangsaannya sendiri. Bahasa Kebangsaan sesebuah negara juga menunjukkan wujudnya perpaduan di kalangan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita lebih-lebih lagi memerlukan Bahasa Kebangsaannya sendiri untuk mengukuhkan perpaduan, kerana rakyat sudah terlalu lama diceraiikan oleh perbezaan ekonomi dan politik. Sejarah yang dilalui oleh India dan

Pakistan tidak sama dengan sejarah yang dilalui oleh rakyat di negara kita. Masalah mereka tidak serupa dengan masalah di negara kita. Lagipun kalau kita hendak bandingkan dengan India dan Pakistan kita jangan hanya membandingkan penggunaan bahasa Inggeris di mahkamah-mahkamah mereka sahaja. Kita harus juga membandingkan taraf kita yang lebih baik daripada negara-negara itu dalam banyak hal yang tidak memerlukan kita menggunakan bahasa Inggeris di mahkamah-mahkamah.

Wakil dari Jelutong ketika memberi contoh India dan Pakistan sebagai negara-negara yang menggunakan bahasa Inggeris di mahkamah mereka tidak pula menerangkan kemampuan dan kelengkapan bahasa ibunda di negara-negara itu, yakni sama ada ianya serupa dengan negara kita. Mungkin istilah tidak lengkap untuk mahkamah-mahkamah di negara-negara tersebut menjalankan prosiding dalam bahasa ibundanya, mungkin tenaga guaman mahir tidak cukup, mungkin wang tidak ada untuk memperlengkapkan dan menyediakan mahkamah supaya mengadakan prosiding dalam bahasa ibunda masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, sejak merdeka kita sering memberi alasan ketidaklengkapan istilah bahasa Melayu atau Bahasa Kebangsaan, ketiadaan tenaga kepakaran dan kekurangan sumber untuk meridaulatkan bahasa Melayu sebagai sebab mengapa penggunaan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan di segenap lapisan pentadbiran tidak boleh ditaksanakan. Kerajaan mengakui hakikat ini. Tetapi kini sementara masih lagi terdapat kekurangan-kekurangan, bahasa Melayu mampu bersaing dengan bahasa-bahasa lain yang telah wujud di dunia termasuk bahasa Inggeris sendiri. Sebagai contoh, tidakkah bahasa Indonesia setanding dengan bahasa-bahasa yang lebih maju di

dunia? Oleh kerana bahasa Melayu adalah bahasa serumpun dengan bahasa Indonesia, tidak ada sebab mengapa bahasa Melayu tidak boleh ditingkatkan penggunaannya sehingga menjadi bahasa yang terpenting di dunia.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi masalah kita di Malaysia ialah masalah mentaliti. Kita lebih selesa bercakap dan bertutur dalam bahasa Inggeris walaupun dahulunya kita didewasakan di desa dan pendalaman di mana bahasa-bahasa lain termasuk bahasa Inggeris begitu asing bagi kita. Yang lebih menjolok mata lagi ialah setengah-setengah apabila berada di kalangan orang berkulit putih, mereka berasa begitu bangga dan megah tanpa disedari bahawa mereka sebenarnya telah dikuasai oleh mentaliti penjajah. Kalau selama ini orang begitu yakin terhadap Bahasa Kebangsaan di mahkamah ini, sebahagiannya ialah kerana sikap setengah-setengah hakim dan peguam yang suka bertelagah dan ingin mengambil masa yang lebih panjang untuk melengkapkan diri mereka dalam Bahasa Kebangsaan.

Sekarang telah terdapat ahli-ahli akademik yang terdidik dalam ilmu undang-undang yang menulis ilmu undang-undang dalam jurnal-jurnal dan buku-buku ilmiah. Peguam-peguam muda juga lebih berminat untuk menulis dalam jurnal kertas-kertas seminar dalam Bahasa Kebangsaan. Kalau para Hakim dan Peguam mengikut trend ini secara serius dan melaksanakannya di mahkamah-mahkamah, saya tidak nampak adanya halangan. Dahulu pun orang tidak yakin dengan perbincangan dan perdebatan di Dewan Rakyat dijalankan sepenuhnya dalam Bahasa Kebangsaan sehingga setengah-setengah anggota Dewan termasuk Ahli-ahli Parlimen keturunan Melayu terpaksa meminta izin Speaker untuk bercakap dalam bahasa Inggeris. Tetapi seperti kita

lihat hari ini perjalanan mesyuarat dan perbahasan di Dewan yang mulia ini hampir semuanya dijalankan dalam bahasa Kebangsaan, walaupun setengah-setengah anggota Dewan tertentu masih bercakap telor dan terhencot-hencot.

Tuan Yang di-Pertua, yang penting diwujudkan di negara ini ialah contoh yang baik daripada pemimpin atau, dengan izin, *leadership by example*. Sepatutnya tidak patut ada contoh-contoh di mana. . . .

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat dari Kepong minta penjelasan.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, dengan kepimpinan melalui teladan ini, saya dengar hujah-hujah yang setengah-setengah itu baik hujahnya, iaitu hendak memperlengkap dan mempertingkatkan penggunaan Bahasa Malaysia yang begitu cantik dan mempunyai perbendaharaan kata yang cukup, bukan tidak cukup. Tetapi saya hendak tanya dan mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat dari Batu Berendam, contoh teladan ini untuk orang ramai, untuk kalayak ramai, untuk rakyat Malaysia yang lain atau termasuk Yang Berhormat sendiri, anak-anaknya sama ada dididik di dalam Bahasa Malaysia dengan betul ataupun sejak di bangku sekolah lagi dihantar ke luar negeri untuk mempelajari bahasa Inggeris dalam keadaan Inggeris. Saya hendak tanya, jangan hendak keluarkan kenyataan untuk memutar belitkan, untuk membohong kepada Dewan yang mulia ini.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, kita berbincang hari ini berkenaan Akta pindaan Bahasa Kebangsaan untuk khususnya

ditujukan ke mahkamah mengenai penggunaan Bahasa Kebangsaan di mahkamah. Jadi, masalah yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat itu saya rasa tidak ada kaitannya. Biarlah saya teruskan ucapan saya kerana selepas saya habiskan saya rasa Yang Berhormat akan faham apa maksud dan tujuan saya bercakap begitu. Saya belum habis lagi, saya baru mulakan bab yang itu. Jadi, saya minta Yang Berhormat boleh bersabar sedikit. Saya akan terangkan dan Yang Berhormat akan lebih faham. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, sepatutnya tidak patut ada contoh-contoh di mana setengah-setengah pemimpin bertutur dalam bahasa Inggeris walaupun dalam kumpulan yang kecil pada hal mereka boleh menggunakan Bahasa Kebangsaan. Bangsa-bangsa Jerman, Jepun, Korea, China, Thai, Perancis dan sebagainya tidak peduli kalau pelawat-pelawat ke negara mereka tidak pandai berbahasa ibunda. Papan-papan tanda dan tanda-tanda jalan di negara mereka kesemuanya dalam bahasa mereka. Di pasar, di kedai kopi, di kapal terbang, mesyuarat-mesyuarat, bank-bank dan sebagainya hampir kesemuanya diuruskan dalam bahasa mereka itu sendiri. Kita tidak pernah terdengar mahkamah-mahkamah mereka menggunakan bahasa Inggeris. Negeri-negeri Jepun, di negeri China sendiri, Korea, Perancis dan Taiwan tidak pernah mengenal bahasa Inggeris di dalam mahkamah-mahkamah mereka tetapi mereka lebih maju daripada negara-negara Barat yang menggunakan bahasa Inggeris. Sepatutnya pada hari ini kita tidak lagi membincangkan isu hendak meminda Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67 ini. Ia sudah lama berlalu. Sepatutnya selepas 10 tahun merdeka, soal bahasa ini tidak dibawa ke Parlimen lagi tetapi sekarang mendengar perbahasan khususnya daripada wakil-wakil DAP di Dewan ini semalam kita-seolah-olah berada dalam tahun 60an lagi. Sepatutnya

orang-orang yang hendak disebut contoh di negeri India dan Pakistan seperti Yang Berhormat dari Jelutong merasa malu kepada diri sendiri. Sikap mereka yang demikian menunjukkan taat setia mereka kepada negara ini seolah-olah bersyarat.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Padang Terap.

6.14ptg.

Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar (Padang Terap): Tuan Yang di-Pertua, biarlah saya sekali lagi mengatakan bahawa kita telah merdeka selama 32 tahun yang mana dalam masa ini Bahasa Malaysia telah beroperasi sebagai teras budaya kita iaitu budaya Malaysia. Seperti rakan-rakan yang lain yang berucap sebelum ini, saya berasa musykil kerana sehingga kepada hari ini kita terpaksa merujuk balik kepada undang-undang bertulis di dalam bentuk meminda Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67 ini. Pindaan kepada Akta ini sedikit sebanyak, Tuan Yang di-Pertua, membawa implikasi paksaan di dalam usaha mendaulatkan Bahasa Malaysia. Jikalau elemen paksaan di dalam bentuk undang-undang bertulis ini ditujukan kepada sektor-sektor masyarakat yang di bawah maka ini adalah lumrah kerana kumpulan-kumpulan ini tidak diberi pengharapan yang tinggi oleh masyarakat di dalam memperjuangkan satu matlamat yang bertaraf tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, yang mendatangkan kemusykilan kepada saya dan rakan-rakan serta juga seperti yang tersirat di dalam ucapan pembentangan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri hari kelmarin ialah elemen paksaan ini terpaksa ditujukan kepada satu

institusi yang memegang dan menjaga keseluruhan idealisme masyarakat kita iaitu institusi perundangan. Seharusnya, Tuan Yang di-Pertua, institusi inilah yang sepatutnya memberi contoh yang kuat di dalam mendaulatkan Bahasa Malaysia kita. Alasan yang mengatakan bahawa masalah-masalah ketidaktepatan makna dan erti istilah Bahasa Malaysia di dalam proses pengadilan tidak boleh diterima lagi selepas selama ini kita memperkayakan dan membangunkan Bahasa Malaysia kita. Pakar-pakar undang-undang telah pun mengeluarkan kamus penterjemahan dari istilah Inggeris kepada istilah Bahasa Malaysia semenjak beberapa lama yang lalu. Mengenai istilah-istilah Inggeris yang diambil bulat-bulat oleh penterjemah ini seperti yang dikritik oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Kedah, saya tidak nampak apa-apa masalah di dalam bidang ini kerana ini dibuat untuk memastikan bahawa keadilan undang-undang itu dicapai. Ini ialah kerana, Tuan Yang di-Pertua, tidak ada pendekatan maksud, dengan izin, approximation yang paling dekat dari istilah Bahasa Malaysia. Oleh itu adalah lebih baik menggunakan akar umbi bahasa asal itu dan seperti yang Tuan Yang di-Pertua sedia maklum, bahasa Inggeris pun menggunakan akar umbi dari bahasa Latin dan bahasa Greek.

Tuan Yang di-Pertua, bahasa adalah satu media intelek manusia yang memperbadankan segala aspek pemikiran mengenai nilai, norma dan sikap manusia yang menggunakan bahasa itu. Sebagai satu media intelek yang penting ini taraf penggunaan bahasa itu menunjukkan tahap tamadun serta identiti masyarakat yang menggunakan bahasa itu. Soal negara-negara lain yang mengambil masa yang lama dan kita mengambit masa yang singkat tidak timbul kalau diperkirakan ataupun dihitungkan kehendak kita untuk membina identiti tamadun bangsa Malaysia ini.

Tuan Yang di-Pertua, mendaulatkan Bahasa Malaysia sebagai teras identiti tamadun Malaysia adalah sangat-sangat bermakna sekali kepada kita apabila dilihat dari segi matlamat kita membina satu bangsa Malaysia dari pelbagaian etnik dan pelbagaian budaya yang ada pada masa ini. Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, kejujuran dan komitmen kepada matlamat ini perlu wujud di segenap lapisan masyarakat lebih-lebih lagi di lapisan atas. Saya menyeru kepada anggota-anggota institusi yang mana pindaan ini ditujukan supaya memberi lebih banyak perhatian kepada penggunaan Bahasa Malaysia sepenuhnya kerana di dalam bidang perundanganlah keputusan dan ketetapan mengenai kehidupan harian dibuat.

Tuan Yang di-Pertua, Mahkamah Sesyen dan Mahkamah Rendah sudah pun menggunakan Bahasa Malaysia di dalam perbicaraan sejak kira-kira tahun 1982 lagi tetapi Mahkamah Tinggi belum lagi menggunakan Bahasa Malaysia di dalam perbicaraannya. Kita harus bertanya mengapa? Perbicaraan dalam mahkamah tidak selalunya menggunakan bahasa yang tinggi-tinggi dan bahasa yang teknikal. Ia merupakan tanya-jawab antara peguam dan saksi. Jika Mahkamah Rendah dan Mahkamah Sesyen sudah boleh menggunakan Bahasa Malaysia dalam perbicaraan maka tidak ada sebabnya mengapa Mahkamah Tinggi tidak boleh. Kita mengaku bahawa bahasa undang-undang adalah bahasa yang teknikal, yang rumit yang memerlukan penggunaan istilah-istilah dan ungkapan-ungkapan bahasa yang tersendiri. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, kita juga harus bertanya tentang bahasa yang teknikal. Adakah ianya digunakan di dalam perbicaraan yakni dalam tanya-jawab antara peguam dan saksi atau adakah bahasa yang sudah ada ini hanya digunakan dalam keadaan lain misalnya di dalam menulis atau membaca judgement yang dibuat oleh Hakim?

Saya berpendapat walaupun di dalam pembacaan "judgement" Bahasa Malaysia masih boleh digunakan, jika ada istilah-istilah dan ungkapan-ungkapan teknikal, maka Hakim dan peguam boleh menggunakan istilah-istilah yang sudah pun digubal oleh Jawatankuasa Undang-undang Dewan Bahasa dan Pustaka yang dianggotai sepenuhnya oleh ahli-ahli di dalam bidang perundangan yang ada di negara ini. Seandainya, Tuan Yang di-Pertua, belum ada istilah-istilah dalam Bahasa Malaysia yakni belum digubal lagi tidak ada salahnya Hakim ataupun peguam menggunakan istilah-istilah teknikal undang-undang di dalam bahasa Inggeris. Akhirnya Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Agung (Supreme Court) seharusnya sudah pun memulakan perbicaraan di dalam Bahasa Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang diseru oleh rakan-rakan saya khususnya daripada Batu Berendam tadi, saya harap Akta ini tidak terpaksa dipinda lagi oleh Parlimen pada hari muka, lantaran sikap yang betul dianuti oleh institusi perundangan di dalam mendaulatkan Bahasa Malaysia kita ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Larut.

6.22 ptg.

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan (Larut): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kerana membenarkan saya bercakap sepatah dua setelah menunggu hampir 48 jam dan setelah lengoh lutut untuk bangun dan duduk.

Saya bersetuju benar-benar dengan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang jujur dan ikhlas membentangkan Rang Undang-undang ini, kerana masanya sudah tiba bagi kita untuk memikirkan sehalus-halusnya dengan semangat kebangsaan

tentang penggunaan Bahasa Kebangsaan dalam semua prosiding-prosiding di Mahkamah setelah kita mencapai kemerdekaan hampir 32 tahun.

Sebagai seorang peguam, saya akan bercakap benar, tiada yang tidak benar melainkan. benar semuanya (*Ketawa*) moga-moga ucapan. . . .

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Itu sebagai saksi.

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Defendant, plaintiff and saksi together, dengan izin. Semoga apa yang saya cakapkan ini semuanya tidak pula menyinggung mana-mana pihak kerana sabda Rasulullah s.a.w kulil haq walau kana murrn, dengan izin. Katalah oleh mu yang benar wahai Muhammad, walaupun pahit. Semoga apa yang saya katakan ini juga menjadi renongan yang serius terhadap penggunaan Bahasa Kebangsaan bagi semua pihak yang berwajib sama ada di dalam lapangan perundangan dan kehakiman kedua-duanya.

Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini saya yakin dan percaya langkah-langkah untuk memperkemaskini bahasa undang-undang bukan sahaja dikendalikan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka, bahkan oleh Majlis Peguam iaitu telah, sedang dan mengadakan kelas-kelas Bahasa Kebangsaan supaya memberi semangat dan memberi daya-usaha kepada mereka supaya dapat bertutur dalam Bahasa Kebangsaan sesuai dengan bahasa Inggeris yang mana setakat ini kita agung-agungkan. Yang saya maksudkan penggunaan Bahasa Kebangsaan itu sesuai dengan terjemahannya bukan setakat hanya melepaskan batuk di tangga sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, memanglah benar kalau kita perhatikan hari ini bahawa buku-buku rujukan—references, dengan izin, memanglah banyak di dalam bahasa Inggeris jika dibandingkan dengan Bahasa

Kebangsaan, tetapi ini tidak menghalang kita untuk menggalakkan peguam-peguam kita dan siapa sahaja yang ingin hendak menjadi peguam ataupun yang berangan hendak menjadi peguam, hendaklah mempelajari Bahasa Kebangsaan supaya mereka bukan hanya pintar di dalam bahasa Inggeris, bahkan juga pintar di dalam Bahasa Malaysia ataupun bahasa Arab, French dan lain-lain. Tetapi tujuan kita hari ini ialah Bahasa Kebangsaan.

Saya tidak bersetuju dengan DAP yang mana membawa perbahasan ini mengatakan kalau Bahasa Kebangsaan digunakan—maksudnya lebih kurang, kita akan rugi dari segi ekonomi. Saya tidak percaya demikian. . . .

Tuan Shahidan bin Kassim:
(*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Arau.

Tuan Shahidan bin Kassim: Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat dari Larut sebagai seorang peguam. Tadi Yang Berhormat dari Jelutong telah mengatakan bahawa Bahasa Malaysia ini tidak kaya dan tidak mendalam, bagaimana boleh kita gunakan bahasa ini di Mahkamah. Kemudian tiba-tiba muncul satu orang, dia tinggal seorang sahaja, saya ingat dia sudah takut, Yang Berhormat dari Kepong dia kata "Bahasa Malaysia memang kaya dengan perbendaharaan kata-kata". Saya sudah confused. DAP punya cerita ini. Yang Berhormat di samping sebagai seorang peguam juga seorang ahli bahasa, bahasa Arab, macam-macam bahasa dia boleh cakap. Pada pandangan Ahti Yang Berhormat dari segi penggunaan Bahasa Malaysia dalam Mahkamah, apakah ia mampu untuk menjadi bahasa yang setanding dengan bahasa yang digunakan sekarang.

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Pada saya apa yang dikatakan oleh Ahli dari Jelutong yang mengatakan Bahasa Malaysia tidak kaya, saya rasa ini adalah salah anggap. Yang sebenarnya Ahli-ahli Yang Berhormat yang berkenaan itu tidak kaya dengan Bahasa Kebangsaan, kerana sehingga hari ini setelah saya berada di Parlimen selama 3 tahun, saya masih mendengar Ahli-ahli Yang Berhormat itu masih memanggil Tuan Speaker, megah benar dengan Tuan Speaker, kita semua dalam Dewan ini menggunakan Dato Yang di-Pertua, Tan Sri Yang di-Pertua dan Tuan Yang di-Pertua bukan Tuan Speaker. Ada juga Ahli Yang Berhormat pada masa yang lepas mengatakan bahawa dalam referencenya, dengan izin, kepada Amerika Syarikat dia mengatakan "Syarikat Amerika" kerana kepalanya banyak sangat union. *(Ketawa)*

Tuan Yang di-Pertua, menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Arau tadi, saya percaya bahawa Bahasa Malaysia lengkap untuk dipakai di Mahkamah Tinggi, Mahkamah Rendah atau Mahkamah Agung. Apabila kita mencapai kemerdekaan dahulu ayah saya ada berpesan, Bahasa Kebangsaan hendaklah digunakan sebagai Bahasa Malaysia yang tulen, kerana katanya walaupun di Mahkamah pada masa ini masih menggunakan bahasa Inggeris, kerana dia tahu yang anaknya hendak jadi peguam, dia berkata: "Kalaulah seseorang itu dijatuhkan hukuman di dalam Mahkamah dengan Bahasa Kebangsaan, hukuman yang dijatuhkan itu misalnya si anu telah dihukum gantung sampai mati", katanya, cuba kita gantung si anu, tengok dia mati tak? We don't have to say to put to death, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, memanglah kita mempunyai ciri-ciri yang lengkap. Kalau kita bermula dari sekarang ini

ataupun setelah kita mencapai kemerdekaan, kerana dalam pepatah China tak tahu betul atau tidak betul, saya dengar dari radio, ada berkata: "Kalau kita hendak melangkah seribu langkah, kita terpaksa langkah, langkah yang pertama dahulu. Kalau langkah yang pertama pun kita penuh dengan syak-wasangka, maka kita tidak akan mencapai kejayaan".

Dr Tan Seng Giaw: *(Bangun)*

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Sila Kepong!

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, nampaknya Yang Berhormat itu dia berpolitik di dalam Dewan yang mulia ini sahaja bukan benar-benar serius di dalam bidang ini. Adakah dia sedar bahawa tanpa beliau menjadi jaguh menonjolkan diri sebagai jaguh bahasa sekarang ini, iaitu banyak Mahkamah sedang menggunakan Bahasa Malaysia tanpa desakan daripada dia, dan dengan evolusi bahasa ini dengan sekolah-sekolah ataupun Jabatan Universiti yang menggunakan Bahasa Malaysia lama kelamaan semua peguam boleh fasih dalam Bahasa Malaysia. Adakah dia tahu hakikat ini?

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Duduk!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat boleh jawab pada hari Isnin.

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Minta. . . .

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Cukup masa. *(Ketawa)*

Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang hari Isnin.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.